

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Khalid sedia tinggal kerusi selamat, tawar diri tanding di Johor

→ ms2



→ ms9

Selepas undi BN, pengundi Sik dibiarkan



→ ms9

5 TUNTUTAN 14 OKTOBER

- 1 RCI 1MDB dan Felda**
- 2 Kembalikan aset rakyat**
- 3 Tangkap MO1**
- 4 Bebaskan SPRM**
- 5 Hapuskan rundingan terus tender kerajaan**

Laporan penuh muka 2 →

HIMPUNAN RAKYAT SAYANGI MALAYSIA HAPUS KLEPTOKRASI
SABTU 14 / 10 / 2017 4PM
PADANG TIMUR MBPJ, PETALING JAYA



Kempen ke perhimpunan 14 Oktober diadakan di seluruh negara. Gambar seorang penyokong perhimpunan membuat kempen di depan pusat membeli belah terkenal di ibu negara menjelang hari perhimpunan.



TAWARAN ISTIMEWA & 2017 2018

PROMOSI

TURKI	
30 NOV - 9 DIS 2017	BERMULA RM4,199
07 - 16 FEB 2018	BERMULA RM4,100
13 - 22 APRIL 2018	BERMULA RM3,899
21 - 30 JUN 2018	BERMULA RM4,100
OCTOBER	BERMULA RM4,100

SEOUL	
09 - 13 NOV 2017	BERMULA RM5,150
13 - 22 APRIL 2018	BERMULA RM5,150
01 - 05 FEB 2018	BERMULA RM2,990

PAKEJ RUMMAN

TARIKH	HARGA(RM) DEWASA	KANAK*	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
DISEMBER 15 - 26 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (BETARAFI) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (BETARAFI) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

PAKEJ TAMAR

TARIKH	HARGA(RM) DEWASA	KANAK*	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LULU'AT (BETARAFI) 400-600M	MADINAH CONCORDE HOTEL (BETARAFI) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

PELBAGAI DESTINASI MENARIK!

HUBUNGI
+603 - 6184 1542

Khalid sedia tinggalkan kerusi selamat, pindah ke Johor

BELIAU sudah dua penggal menang di Shah Alam. Bahkan dalam pilihan raya lalu, 2013, beliau berjaya meningkatkan lagi majoriti kemenangannya.

Namun, demi merealisasikan cita-cita ke Putrajaya, Khalid Samad sedia meninggalkan kerusi selamatnya di Shah Alam, bertanding di Johor dalam pilihan raya umum ke-14 nanti, negeri yang dijangka bakal berlaku pertandingan sengit antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

Bagi Khalid yang berasal dari Muar, Johor, kemenangan di Johor selepas Selangor dan Pulau Pinang serta peluang besar di Kedah dan Perak, akan membawa Pakatan Harapan (PH) ke Putrajaya.

"Jadi saya sedia bertanding di Johor untuk bersama-sama menyumbangkan tenaga kepada cita-cita besar kita ini.

"Bagi saya robohnya kubu Umno ini bermakna kita boleh ke Putrajaya," kata Khalid yang pernah bertanding di Johor sebelum ini.

Menurut Khalid, beliau telah terlibat bersama-sama Pakatan Rakyat mendapatkan Selangor dalam pilihan raya 2008 lalu apabila bertanding di Shah Alam dan menang.

Beliau penuh yakin, Selangor adalah negeri selamat dan akan kekal kepada PH dalam PRU 14 ini.

"Kali ini saya mahu terlibat di Johor pula," katanya yang sedia meninggalkan kerusi selamat beliau di Shah Alam.

Bagi melaksanakan rancangannya, Khalid mula berfikir untuk bertanding di kerusi parlimen Johor Bharu, tempat abangnya Tan Sri Shahril Samad apabila Pengerusi Felda itu mengumumkan akan bersara dan tidak mahu bertanding lagi di kerusi itu.

"Namun selepas abang saya berkata beliau tidak jadi bersara, saya rasa tidak baik kepada saya untuk lawan beliau.

"Jadi saya menawarkan diri untuk bertanding di mana-mana kerusi yang lain di Johor. Terserahlah kepada pimpinan Pakatan Harapan memutuskannya," katanya.



Khalid Samad

Bagi Khalid, restu ibunya amat penting. Jadi beliau tidak fikir ibunya akan gembira jika beliau melawan abangnya di Johor Bahru.

Kalau mengikut tempat lahir dan membesar, kampung halaman beliau adalah di Muar, Johor. Namun kerusi itu ditandingi oleh PKR dalam pilihan raya lalu, sebagaimana kerusi Johor Bharu.

Oleh itu, kata Khalid, beliau

menyerahkan kepada pucuk pimpinan PH untuk menilai tawaran beliau itu.

Khalid juga mempunyai faktor menolak di Selangor. Beliau sentiasa mempunyai masalah dengan pihak berkuasa agama di negeri itu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Beliau kini sedang menunggu rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah selepas disaman oleh JAIS dan didapati bersalah di Mahkamah Rendah Syariah atas dakwaan mengajar tanpa tauliah di negeri itu.

"Harap-harap saya tidak bertembung pula dengan pihak berkuasa agama di Johor selepas ini," kata Khalid sambil ketawa ketika mengulas faktor JAIS itu.

Sebelum ini, Pengarah Pilihan Raya PH Johor, Salahudin Ayub berkata, PH sedia menurunkan tokoh-tokoh besarnya untuk bertanding di Johor.

"Kita telah bersedia menurunkan tokoh-tokoh besar lain. (Kita) tak nafikan Amanah dalam proses pastikan

KEPUTUSAN PRU LEPAS DI SHAH ALAM

2013	
PAS (Khalid Bin Abd Samad)	49,009
BN (Zulkifli Bin Noordin)	38,070
Majoriti PAS menang	10,939
2008	
PAS Khalid Abd Samad	33,356
BN Abdul Aziz Shamsuddin	24,042
Majoriti PAS menang	9,314
2004	
BN Abdul Aziz Shamsuddin	32,417
PAS Khalid Abdul Samad	19,007
Majoriti BN menang	13,410

Khalid Samad dibawa ke Johor untuk kukuhkan lagi barisan calon kita.

"Saya rasa beberapa tokoh lain sedang difikirkan oleh parti lain (untuk bertanding di Johor) bagi perkemaskan barisan PH," kata Timbalan Presiden Amanah itu dalam satu sidang media di pejabat Amanah.

Himpunan buat 5 tuntutan

SEKRETARIAT 'Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi' mengemukakan lima tuntutan dalam himpunan rakyat yang akan berlangsung di Padang Timur Petaling Jaya pada Sabtu ini.

Lima tuntutan itu adalah mendesak kerajaan;

1. Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB dan Felda

2. Mengembalikan semua aset dan wang rakyat yang telah dirompak

3. Tangkap Malaysian Official No 1 (MO1)

4. Bebaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia daripada sebarang tekanan

5. Mahu menghapuskan rundingan terus (direct tender) dalam sebarang kontrak kerajaan.

Menurut Timbalan Presiden Pakatan Harapan (PH), Mohamad Sabu, himpunan bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat mengenai kleptokrasi dan rasuah yang berlaku dalam negara.

"Tuntutan ini lebih ditujukan kepada rakyat, mahu mereka faham tentang isu kleptokrasi dan penyelewengan, rasuah," katanya.

Bank Negara telah mendenda intitusi kewangan sebanyak RM115.8 juta terhadap penyelewengan yang berlaku di bawah 1MDB ketika diterajui oleh Pengerusi 1MDB ketika itu Datuk Seri Najib Razak.

Pendedahan Bank Negara ini, katanya, lebih kuat untuk rakyat Malaysia faham selain kenyataan daripada Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ).

Malah pendedahan Bank Negara menjawab surat Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail menambahkan lagi penjelasan kepada rakyat memang benar berlaku rompakan wang Bank Negara.

Himpunan ini lebih bertujuan untuk menimbulkan kesedaran rakyat supaya rakyat faham apa yang sedang berlaku, katanya dalam sidang media diadakan di Ibu Pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di Petaling

Jaya petang 10 Oktober lepas, empat hari sebelum perhimpunan.

Turut hadir Pengarah Pilihan Raya AMANAH Dr Hatta Ramli, Ketua DAPsy Perak Howard Lee, Ketua Penerangan PKR Syed Ibrahim Syed Noh, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil, Ahli Majlis Tertinggi Bersatu Abu Bakar Yahya dan Pengarah Komunikasi PKR Fahmi Fadzil.

Kata Mohamad yang juga Presiden AMANAH, walaupun diantara yang dituntut ini mungkin tidak akan berjaya diambil perhatian oleh kerajaan, tetapi jika PH mendapat kuasa selepas Pilihan Raya Umum ke-14 akan datang, lima tuntutan ini akan dilaksanakan oleh kerajaan baharu di bawah PH kelak.

Himpunan ini sudah dimaklumkan kepada pihak polis dari segi kelancaran perhimpunan untuk mengawal lalu lintas ke Padang Timur di mana himpunan berlangsung.

"Di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 mana-mana pihak yang hendak berhimpun perlu maklumkan kepada pihak polis 10 hari lebih

awal. Kita sudah maklumkan dan telah mendapat kebenaran dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya.


"Himpunan aman ini meraikan semua rakyat yang hadir dan diharap ia berjalan lancar," katanya.

Program ini memberikan tumpuan kepada kleptokrasi, rasuah dan penyelewengan khasnya 1MDB yang turut disertai NGO yang bersetuju hadir yang mana himpunan ini dalam suasana santai.

"Hadirin boleh bergerak santai di sekitar kawasan himpunan, kita ada pelbagai aktiviti, solat hajat, ceramah di samping melihat pameran mengenai 1MDB dan kleptokrasi," katanya.

Setakat ini pihak penganjur menasaskan 100,000 hadir walaupun pada hari itu ada dua acara iaitu Hari Sukan Negara dan pada sebelah malamnya perlawanan bola sepak antara Liverpool dan Manchester, ujaranya.

Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi ini akan bermula jam 4 petang hingga 12 malam pada 14 Oktober.



Lima agenda Wanita Harapan Malaysia

KUALA LUMPUR: Wanita Pakatan Harapan (PH) 11 Okt lalu menggariskan lima agenda untuk ditawarkan kepada wanita negara ini disamping memeterai kerjasama lebih erat di antara parti gabungan bagi tujuan memperkasakan golongan wanita yang menepati asas dasar Wanita PH.

Dalam satu kenyataan bersama Ketua Wanita PH Zuraida Kamaruddin, Ketua Wanita DAP Chong Eng, Ketua Wanita AMANAH Dr Siti Mariah Mahmood dan Ketua Srikandi Bersatu Rina Harun berkata, kerjasama sayap wanita parti-parti gabungan PH telah menggubal agenda khusus untuk wanita.

"Wanita PH akan menawarkan Agenda Wanita Harapan Malaysia yang bertujuan untuk menjadi asas dasar Wanita PH yang akan dilaksanakan.

"Wanita PH melihat wanita sebagai tonggak utama kesejahteraan masyarakat yang memerlukan satu sistem yang ma-

pan dan berkesan.

"Wanita PH melihat kepentingan untuk mewujudkan pengaturan sosial yang akan menjaringkan wanita dan institusi kerajaan serta swasta bagi satu muafakat masyarakat yang berjaya menandakan perubahan," kenyataan media itu dipetik.

Wanita PH turut menyenaraikan usaha ke arah mengarusperdanakan peranan, penglibatan dan agenda wanita dalam masyarakat dengan memperkenalkan beberapa perkara termasuk penubuhan Agensi Pembangunan Wanita di setiap negeri yang diterajui PH seperti PWDC di Pulau Pinang dan IWB di Selangor.

Wanita PH juga bertekad memperkenalkan Dasar Ekonomi Peduli Wanita dengan memberi fokus kepada peningkatan usaha meningkatkan keusahawanan wanita dan pemilikan aset wanita.

Antara langkah-langkah yang bakal diam-bil adalah menggubal Dasar Wanita Niaga, memudahcara penubuhan Dewan Perni-

agaan Wanita untuk meningkatkan jaringan keusahawanan di antara wanita dan memperkenalkan Koperasi Wanita.

Sehubungan itu skim bantuan seperti saham koperasi kepada suri rumahtangga akan dilaksanakan di Selangor, menjadikan pendidikan kewangan sebagai agenda nasional, pemberian nilai dan manfaat ekonomi kepada kerja-kerja rumahtangga yang tidak bergaji yang dilaksanakan oleh kebanyakan wanita, agar dinilai di dalam KDNK.

"Penghargaan kepada wanita telah dibuat melalui Kerajaan Pulau Pinang misalnya yang memberi sumbangan kepada suri rumahtangga serta merekayasa GRB (Gender Responsive Budgeting)," jelas kenyataan bersama itu.

Wanita PH juga menyarankan penubuhan Jawatankuasa Reformasi Undang-undang Keluarga khususnya di Selangor dan Pulau Pinang.

Melalui program jaminan jaringan mua-

fakat masyarakat, Wanita PH akan memperkenalkan pusat-pusat komuniti dengan pegawai-pegawai wanita untuk menjadi penyusun, penggerak dan pemudahcara masyarakat.

Sehubungan itu, Pusat-pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap Dun di Selangor akan ditambah baik untuk menjadi agen jaringan berkesan di antara masyarakat dan kerajaan di samping dijadikan sebagai pusat set-empat masyarakat untuk hal ehwal wanita dan mewujudkan jaringan yang melahirkan pemudahcara masyarakat.

Dalam aspek pendemokrasian kepimpinan dan politik, wanita akan diberdaya sebagai pemimpin di setiap tahap kepimpinan dengan mendesak kuota 30% untuk wanita di setiap peringkat pelantikan, sama ada JKK, ahli majlis, GLC dan pembuat keputusan di peringkat kerajaan.

Sehubungan itu, Wanita PH menyarankan Audit Penglibatan Wanita diperkenalkan bagi mencapai tujuan tersebut.

P. Pinang bina banyak rumah kos rendah berbanding era BN

BUTTERWORTH: Sejumlah 21,535 unit rumah kos rendah dan kos rendah sederhana telah dibina Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008.

Malah jika dibuat perbandingan, ia empat kali ganda dari keseluruhan 5,154 unit kediaman yang telah dibina oleh kerajaan BN dalam tempoh tujuh tahun ketika mentadbir negeri ini.

Ini membuktikan kerajaan

Pakatan Harapan negeri mampu membawa lebih banyak perubahan berbanding BN khususnya di Pulau Pinang, kata Ketua Menteri Lim Guan Eng ketika melancarkan Rumah Mampu Milik (RMM) di Mak Mandin, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sejumlah 36,759 unit kediaman RMM mengikut garis panduan ditetapkan kerajaan negeri telah diluluskan untuk

dimajukan oleh sektor swasta.

"Kerajaan negeri bekerjasama membina RMM dengan pihak swasta kerana Kerajaan Pusat hanya berjanji dan terus berjanji.

"Namun begitu sehingga kini, masih tiada satu pun projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dibina di negeri ini.

"Walau bagaimana pun kerajaan negeri tetap komited untuk membina kediaman yang mampu

dimiliki oleh rakyat bagi memenuhi keperluan sedia ada," katanya.

Difahamkan sehingga kini sebanyak 17 projek RMM kerajaan negeri dalam pelbagai tahap perancangan pemajuan sedang dilaksanakan bagi menyediakan sejumlah 28,230 unit kediaman.

Daripada 17 projek tersebut, lima projek telah pun bermula merangkumi Bandar Cassia, Teluk Kumbar, Kampung Jawa, Sandilands dan

Jalan SP Chelliah.

Dengan siapnya pembinaan kediaman-kediaman tersebut, ia dapat mengurangkan permintaan tinggi rakyat negeri ini terhadap RMM.

Sebelum ini Umno dan BN sering memberi gambaran buruk terhadap kerajaan negeri yang kononnya menafikan pembinaan kediaman rumah kos rendah dan kos rendah sederhana.

Saya tidak akan jadi PM, kata Kit Siang

KUALA LUMPUR: Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang menyangkal dakwaan liar Ketua Penerangan Umno Tan Sri Annuar Musa kononnya beliau akan menjadi Perdana Menteri sekiranya Pakatan Harapan (PH) berjaya membentuk kerajaan di peringkat persekutuan.

Menurut ahli politik veteran pembangkang itu, kombinasi pembahagian kerusi antara parti-parti komponen PH di Semenanjung Malaysia dan seluruh negara menjurus kepada Perdana Menteri ialah seorang Melayu dan bukan daripada DAP.

"Dan saya tentunya tidak akan menjadi Perdana Menteri," katanya seperti dilapor Raketkini.

Menurut Ahli Parlimen Gelang Patah itu, Annuar dan jentera propaganda Umno membuat anggapan demikian atas dakwaan kononnya DAP memiliki ahli parlimen paling ramai dalam kalangan parti komponen Pakatan Harapan.



LIM KIT SIANG

menang 38 kerusi iaitu 31 di Semenanjung dan tujuh di Sabah dan Sarawak; Keadilan menang 30 kerusi (28 di Semenanjung dan dua di Sabah dan Sarawak) dan Pas pula menang 21 kerusi (Semenanjung).

"Seperti yang pernah saya katakan, 10 peratus perubahan undi Melayu dan lima peratus undi bukan Melayu dari BN ke PH di Semenanjung dalam PRU14 berbanding keputusan PRU13 lalu akan membolehkan PH memenangi 113 daripada 165 kerusi parlimen dengan hanya 50 kerusi dimenangi BN dan dua kerusi Pas," ujar Kit Siang lagi.

Dalam senario kemenangan 113 kerusi Pakatan Harapan itu jelasnya, kemungkinannya DAP menang 32 kerusi manakala tiga komponen Pakatan Harapan yang lain pula masing-masing sebanyak 39, 32 dan 10 kerusi.

"Parti politik dengan blok terbesar di Semenanjung ketika itu adalah Keadilan atau PPBM. Bukan DAP," tegasnya.

PH sokong saranan Raja-Raja Melayu pelihara keharmonian kaum

KUALA LUMPUR: Ketua Pembangkang Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail menjunjung tinggi titah Majlis Raja-Raja Melayu yang menyeru rakyat mengamalkan nilai-nilai bermasyarakat dan bernegara berbanding prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan.

"Kebimbangan yang dizahirkan oleh ke bawah duli-duli tuanku mengenai tindakan-tindakan keterlaluan individu-individu tertentu yang boleh menjejaskan keharmonian hubungan antara rakyat berbilang agama dan berbilang kaum di negara ini juga harus dipandang serius oleh semua pihak," ujar Dr Wan Azizah dalam satu kenyataan media.

Presiden Pakatan Harapan (PH) itu berkata, pihaknya menjunjung tinggi keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang dan seperti mana dititahkan Raja-raja Melayu, lima prinsip Rukun Negara perlu dijadikan panduan serta pedoman oleh semua pihak.

"Sesungguhnya kepelbagaian dan kerencaman agama, bangsa

dan budaya merupakan rahmat dan kekuatan kita. Kepelbagaian dan kerencaman itu harus diraikan. Keharmonian di antara rakyat di negara ini harus dipertahankan," ujarnya lagi.

Majlis Raja-Raja Melayu dalam satu kenyataan rasmi yang ditandatangani Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu Tan Sri Syed Daniah Syed Ahmad mahu rakyat memahami dan menghormati prinsip-prinsip utama yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara.

Majlis Raja-Raja Melayu turut memandang berat isu perpaduan dan hubungan harmoni di kalangan rakyat berbilang agama dan berbilang kaum di negara ini.

Menurut kenyataan itu, Rukun Negara yang diisytiharkan sebagai ideologi kebangsaan oleh Yang di-Pertuan Agong keempat pada 31 Ogos 1970, menggariskan lima cita-cita dan lima prinsip, harus menjadi kompas pedoman oleh semua pihak sama ada pemimpin, pentadbir dan rakyat keseluruhannya.

Minda Pengarang

Menyaksikan sokongan rakyat 14 Oktober

Tidak diragukan lagi himpunan rakaksa Pakatan Harapan dengan tema "Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi" di Padang Timur MBPJ, Petaling Jaya 14 Oktober akan menempa sejarah pembangkang tanah air yang dilihat sebagai manifestasi kukuh untuk mengalahkan Unno-BN dalam PRU14.

Sudah tentu yang diharapkan sangat perhimpunan itu bukan saja akan disertai oleh ramai orang Melayu, tetapi juga dihadiri oleh pelbagai bangsa dan agama, sebagai menunjukkan kesetiaan akan hasrat terbanyak untuk melihat perubahan di tanah air.

Perhimpunan rakaksa ini adalah cerminan bagaimana rakyat mahukan perubahan dengan hasrat untuk menyelamatkan Malaysia untuk membina sebuah masyarakat baru Malaysia yang adil dan harmonis.

Untuk kesekian lama, Malaysia telah tersungkur dengan krisis ekonomi yang parah, terutama bermula dari skandal 1MDB dan pelbagai hingga Malaysia terkenal seantero dunia dan ini sangat memalukan.

Sementara itu, dengan krisis ekonomi yang melanda negara, harga barangan yang tinggi, tukaran wang Malaysia yang rendah, sangat mendera rakyat. Inilah masalah negara dan masalah inilah yang akan didedahkan oleh pimpinan Pakatan Harapan dalam perhimpunan "Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi" di Padang Timur, MBPJ, Petaling Jaya 14 Oktober ini.

Kehadiran ramai peserta - pelbagai kaum - dari seluruh tanah air akan menghantar mesej yang sangat jelas bahawa rakyat mahukan perubahan total kepada negara. Justeru, rakyat tidak tertahan lagi dengan krisis negara sekarang ini.

Barisan kepimpinan Pakatan Harapan

yang diketuai oleh Dr Mahathir dan lain-lain dari PKR, AMANAH dan Bersatu akan berucap dan membulatkan tekad untuk melakukan perubahan dan menyelamatkan negara.

Tetapi Himpunan Sayangi Malaysia ini bukan sekadar himpunan pemimpin Pakatan Harapan pelbagai peringkat, tetapi mesti dijemakan dalam bentuk tindakan dan gerak kerja, terutama di peringkat akat umbi dalam PRU14.

Manifesto Pakatan Harapan sedang diperincikan, yang akan menjanjikan khidmat terbaik untuk rakyat. Dalam masa yang sama, kemajuan mengenai pengagihan kerusi Parlimen bagi Pakatan Harapan sudah mencapai tahap 100 kerusi, satu tahap tidak rasmi yang tinggi dan meyakinkan.

Maka himpunan "Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi" ini perlu mengkaji dan menekankan hasil pulangan dan impak seluruhnya kepada pengundi pelbagai golongan, terutama pengundi generasi lama yang kelihatan masih sukar berubah.

Perhimpunan 14 Oktober ini yang terbesar di Malaysia dan diharapkan sekali lagi supaya dihadiri seramai mungkin dari pelbagai kaum sepaya rakyat Malaysia menyertainya.

Selepas ini Pakatan Harapan akan meneruskan gerak kerjanya menemui rakyat di mana saja berada. Mudah-mudahan himpunan ini akan berjalan dengan lancar, tiada sebarang insiden yang tidak diingini akan berlaku. Selamat berhimpun.

Marilah kita mendukung sebuah cita-cita besar untuk sebuah perubahan untuk membina kembali sejarah gemilang negara yang kita cintai ini. Mari kita melakar sejarah.

Mendapat tempias mukjizat Al-Quran

Kita telah berbincang asalnya tentang impak wahyu Al-Quran ke atas Rasulullah s.a.w. dan angkatan *as-sabiqun al-awwalun*. Bahkan kita wacanakan bersama kesan daripada tiga surah awal yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. iaitu Surah Al-Alaq, Surah Al-Muzzammil dan Surah Al-Muddaththir.

Dalam wacana tersebut, saya cadangkan terdapat satu kalimah besar yang mempunyai sentuhan yang amat hebat kepada minda dan qalbu mereka yang berusaha gigih untuk memahami dan menghayatinya ayat-ayat wahyu tersebut. Kalimah itu adalah *Rab*. *Rab* dalam Bahasa Arab adalah raja, penguasa, pemilik yang dalam konteks Islam merujuk kepada Allah.

Saya juga membawa wacana atas naratif berkaitan dengan hegemoni kuasa dunia bersifat dwi-polar berpaksikan kepada dasar dan kebijakan dua kuasa besar dunia, Rom dan Farsi, sama ada mereka benar-benar punyai keazaman politik untuk menguruskan konflik antara mereka serta kuasa-kuasa serantau yang turut mempunyai impak terhadap Islam dan dakwah Islam dalam perkembangan kemudiannya.

Dalam dua perkembangan yang berlainan asas dan tujuan. Bagi perkembangan pertama saya cuba berwacana dengan kompleksiti pergolotan kuasa antara dua kuasa besar dunia ketika itu. Bagi perkembangan kedua, tidak ada naratif yang mampu memperihalkan mereka kecuali dengan naratif yang luar biasa. Mereka inilah golongan *ummiyyun* yang sedang menerima kalam dari Allah, *Rabbul 'Alamin*.

Kembali mengukuhkan naratif kita berkenaan maksud *ummiyy* atau *ummiyyun*, saya ingi mencadangkan bahawa apa yang dimaksudkan *ummiyy* itu ialah orang yang belajar secara luar biasa. Mereka tidak melalui kaedah biasa atau belajar secara proses biasa.

Tujuan belajar dalam apa-apa bidang adalah untuk menjadi tahu, menguasai ilmu, teknik dan pandai di mana akhirnya menjadi pakar dan sumber rujukan orang ramai. Prosesnya dicapai dengan



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

SAARI SUNGIP

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional


memindahkan ilmu kepada akal atau minda dan roh. Jika akal dan roh tidak diisi dengan ilmu maka seseorang itu tidak akan dapat menjadi berilmu dan pandai.

Orang yang hendak menjadi berilmu, cerdik dan pandai secara biasa, hendaklah ia melahirkan sebab lahiriah untuk mencapai matlamatnya. Misalnya, melalui menulis, membaca, berguru, belajar di sekolah dan seampamanya. Bagi orang biasa, jika tidak mengikut kaedah ini, maka sukarlah akan ia menjadi pandai.

alamiyah ditempuhi.

Perkara ini ditegaskan dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 2. Anugerah mukjizat Al-Quran ini berlaku kepada mereka dalam bentuk minda dan qalbu mereka dijadikan reseptif untuk menerima dan menyerap kalimah-kalimah Al-Quran dan seterusnya mereka diberikan tahap mujahadah yang amat tinggi untuk berusaha gigih memahami dan menghayatinya.

Mereka adalah golongan *ummiyyun*. Berasal dari keturunan Nabi Ibrahim, isterinya Hajar dan



Tetapi itu adalah proses untuk manusia awam.

Oleh kerana Rasulullah s.a.w. dipilih Allah untuk menjalankan tugas *an-nubuwwah* dan *ar-risalah*, maka diberikan oleh Allah anugerah al-kitab wal-hikmah kepada baginda. Dengan itu sebenarnya Rasulullah s.a.w. tidak perlu membaca dan menulis.

Tetapi bagaimana pula dengan para sahabat dan sahabiyahnya? Golongan *as-sabiqun al-awwalun* adalah golongan terpilih kerana keikhlasan dan kemurniaan hati mereka, maka mereka dianugerahkan untuk merasai nikmat dan mukjizat Al-Quran. Ini dinyatakan dalam wahyu setelah medan perjuangan yang lebih bersifat

anaknyanya Nabi Ismail. Merekalah leluhur Bani Kinanah iaitu salah satu kabilah besar bangsa Arab yang banyak menetap di Hijaz dan Tihamah dalam wilayah barat Semenanjung Arab. Dari Bani Kinanah ini diturunkan banyak suku Arab lainnya, di antaranya adalah Bani Quraisy yang merupakan suku asal Rasulullah s.a.w.

Tokoh yang menurunkan kabilah Quraisy bernama Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar iaitu salah seorang keturunan dari Bani Mudhar, dari Bani Adnan. Kinanah bin Khuzaimah mempunyai banyak keturunan, namun yang sering disebut adalah Al-Nadhar, Malik, Milkan, Amir, Amru dan Abdul Manat.



Jurang pembangkang-rakyat

Kita berada dalam zaman yang tidak menentu. Sungguhpun saban hari kita dihubungkan dengan jaringan sosial yang luas melalui *Facebook*, *Whatsapp* dan sebagainya, hakikatnya kita tidak memahami antara satu sama lain. Malah kita gagal memahami cara laman sosial beroperasi dengan "big data"-nya. Ia merapatkan mereka yang senada, di samping menjarakkan mereka yang berbeza. Akhirnya kita menang sorak di kalangan kelompok sendiri, namun gagal menawan hati kelompok yang lain.

Beberapa fenomena yang agak membimbangkan jikalau diteliti. Untuk dua tahun kebelakangan, pemimpin pembangkang membedil regim Najib-Umno-BN dengan skandal 1MDB, namun satu kaji selidik oleh Merdeka Center pada Ogos 2017 menunjukkan hanya 6% anak muda mengangap isu ini penting kepada mereka. Ini bukan bermaksud 1MDB tidak mustahak, tetapi persoalan yang lebih besar - mengapa anak muda tidak memandang berat skandal ini?

Jikalau skandal kewangan yang mewariskan hutang yang lebih tinggi dari Menara Kembar KLCC kepada generasi akan datang pun diremehkan, apatah lagi dengan analisis perang tiga penjurong dalam PRU14? Pertikaian sama ada perang tiga penjurong menguntungkan



Siang-Malam
Lim Hong Siang

Pakatan Harapan atau sebaliknya telah berlanjutan untuk sekian lama, lebih kalut apabila pihak yang berbeza pandangan mengemukakan hasil soal selidik untuk menyokong pendirian masing-masing.

Lantas ruang wacana sarat dengan perbincangan angka, dengan formula 5%+10% dan andaian yang pelbagai. Kemudian diuar-uarkan pula "Tsunami Melayu" bakal menenggelamkan Umno. Secara jujur, saya sangsi dengan keberkesanan perbincangan strategi secara terbuka ini. Jika-lau benar momentum Tsunami Melayu itu menunggu masa untuk meledak, mengapa kita hanya berpusu-pusu ke stesen minyak pada setiap Rabu apabila harga minyak diumumkan naik keesokannya, tetapi bukan berdemonstrasi di jalan raya?

Dari perspektif pentadbiran negara, pengurusan ekonomi dan pengagihan kuasa, sememangnya

pertukaran kerajaan persekutuan memiliki makna yang besar dalam konteks politik Malaysia terkini. Namun, pembangkang kita sama ada terikut-ikut dengan rentak retorik kaum dan agama yang didendangkan Umno, ataupun terperangkap dalam perbalahan sesama diri. Isu yang besar, keras dan serius gagal dicairkan ke dalam hidup harian rakyat, atau diolah untuk mendapat restu pengundi. Lebih dahsyat, perjuangan pembangkang ditonjolkan seolah-olah hanya untuk merebut kuasa, sehingga menimbulkan rasa jemu di kalangan rakyat.

Dengan kata lain, tatkala pemimpin Pakatan Harapan berapi-api membincangkan isu besar seperti 1MDB dan GST, ia gagal menggambarkan bagaimana masalah rakyat jelata pelbagai lapisan ditangani. Misalnya, seorang penjual burger tepi jalan, bersama anak-anaknya yang terpaksa menyiapkan kerja sekolah dengan meminjam cahaya lampu dari gerai burgernya - Apakah jaminan yang boleh ditawarkan PH untuk keluarga sebegini?

Itu belum lagi jikalau sepasang suami-isteri diuji dengan kelahiran OKU dalam keluarganya. Bagaimana masyarakat kita menghulurkan tangan kepada keluarga ini, agar OKU juga dilayan sebagai manusia yang sama haknya dengan insan lain? Seandainya seseorang

anggota masyarakat ditimpa kemalangan, dijangkiti penyakit yang menelan kos perubatan yang tinggi, sejauh manakah sumber boleh diperuntukkan kepada mereka agar talian hidupnya tidak terputus lantaran kemiskinan?

Isunya tetap ekonomi. Satu Kajian Kemasukan dan Keupayaan Kewangan yang dikendalikan pada tahun 2015 mendapati, 32% rakyat Malaysia hanya mampu menampung perbelanjaan untuk seminggu, sekiranya mereka hilang punca pendapatan. Lebih 75% rakyat Malaysia sukar untuk menabung, dan gagal mengeluarkan RM1,000 untuk menampung keperluan jika berlaku kecemasan. Di samping itu, 47% responden sebenarnya hidup bergantung kepada pinjaman kad kredit.

Angka-angka sedemikian cukup mengusarkan, seandainya kita menyelak lagi laporan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dibentangkan pada 28 April 2017. Daripada 14.7 juta populasi penduduk umur bekerja (umur 15-64 tahun) pada tahun 2016, seramai 504,100 adalah penganggur. Jika diimbangi Laporan Tahunan Bank Negara yang dibentangkan pada tahun 2016, kadar pengangguran belia (umur 15-24 tahun) telah mencecah 10.7% pada tahun 2015. Malah, 61% penganggur terdiri daripada belia.

Namun apakah tawaran PH

untuk mereka, yang masih gagal mencari rezeki selepas seminggu dibuang kerja? Mengapa belia kita gagal menempah tempatnya dalam bidang kerjaya - apakah daya saing mereka yang terhakis, atau peluang pekerjaan yang berkurangan?

Itu belum lagi masuk bab pengangkutan dan perumahan. Jauh lagi apabila belia itu cukup dewasa untuk mendirikan rumah tangga. Bagaimana sepasang suami-isteri mengimbangi, antara tekanan ekonomi dengan ruang dan masa untuk menemani anak-anaknya. Kualiti hidup menurun jika kesempitan wang. Tetapi jikalau kedua-dua ibu-bapa bekerja, malah ditambah dengan kerja sampingan sebagai pemandu Uber, penjual nasi lemak, anak-anak pula terbiar dan membuka ruang untuk masalah sosial.

Semua ini berlaku dalam satu kitaran dan kesannya ditanggung semua. Senang kita menuding jari kepada budaya Barat apabila wabak sosial merebak, padahal kegagalan kita menguruskan ekonomi. Bukankah masalah sosial yang kita baca sebagai berita sensasi dari media, berpunca dari kepincangan dan kebobrokan sistem negara kita? Cuma, mengapa ia kekal sebagai masalah sosial, yang gagal dikaitkan dengan politik yang perlu kita reformasikan?

Usah pandang mudah generasi lama enggan berubah

DARIPADA pelbagai sumber dapatan, tinjauan rambang dan ulasan beberapa pihak, menunjukkan isyarat bahawa masih kuat sokongan generasi lama, terutama di luar bandar yang enggan berubah.

Sokongan generasi lama Melayu ini dapat didengar dari perbualan mereka di majlis kenduri, program keraian, di warung kopi, di anjung masjid dan surau dan di tempat lain.

Tidak sukar memahami mengapa belum banyak perubahan pemikiran di kalangan generasi lama ini walaupun negara berada dalam situasi sedemikian rupa. Dengan ekonomi yang parah, harga pelbagai barangan yang terus naik, kegiatan rasuah yang sampai ke tahap berskala besar, jurang kemiskinan semakin ketara dan lain-lain.

Masih wujud generasi lama yang masih membandingkan situasi yang ada ini dengan ke-



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

adaan zaman pemerungan Jepun, darurat, zaman sebelum merdeka di mana sumber pendapatan sangat terbatas dan hidup penuh derita.

Nostalgia zaman sebelum merdeka dan baru merdeka ini sangat mempengaruhi pemikiran generasi lama ini. Generasi yang baru lepas merdeka beruntung ada yang dapat menjejaskan kaki di universiti, tetapi masih juga terkurung dengan pemikiran lama dan masih terkenang dengan zaman susah orang tua mereka dulu.

Mereka sangat tegar dengan pemikiran kebangsaan Melayu dan mempertahankannya habis-habisan.

Kongres ekonomi Melayu yang berlangsung beberapa kali menyuarakan kepentingan Melayu ini. Suara ini berterusan hingga kini, ditambah lagi dengan bumbu-bumbu perkauman yang ditaburkan di sana sini.

Diwarnai pula kini dengan elemen ekstrimisme agama yang semakin tajam dan garang suara mereka, bagaikan halalantar membelah bumi dan sangat menakutkan. Keadaan ini berterusan dan tambah disemrakkan oleh parti-parti politik perkauman yang membantu menggelegakan kehormatan yang sangat menakutkan.

Dalam situasi beginilah hadir Pakatan Harapan, kumpulan mega pembangkang yang dianggotai oleh PKR, DAP, AMANAH dan Pribumi. Sangat menarik, di mana Pakatan Harapan ini dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, yang pernah memerintah negara selama 22

tahun.

Ini fenomena yang menarik apabila Pakatan Harapan yang menjauhkan sifat perkauman dipimpin oleh seorang tokoh generasi lama yang pernah memimpin sedemikian lama. Namun agak unik, Dr Mahathir dapat menyesuaikan diri dengan situasi terkini dan tuntutan masyarakat majmuk.

Apabila ditanya pandangan generasi lama terhadap kepimpinan baru politik yang diketuai Dr Mahathir, mereka menjawab mudah: "Kami ada pengalaman dalam perjuangan membela Melayu. Generasi baru tak merasai susah payah itu."

Maka itu Pakatan Harapan perlu menangani masalah ini dengan penuh bijaksana, dengan bahasa yang mudah difahami mereka. Jelajah pimpinan Pakatan Harapan di seluruh negara yang akan tiba pada puncaknya pada 14 Oktober ini dengan tema "Say-

angi Malaysia, Hapus Kleptokrasi" di Padang Timur, MBPJ, Petaling Jaya ini perlu mengkaji hasil pulangan dan impak seluruhnya kepada pengundi pelbagai golongan, terutama pengundi golongan generasi lama ini.

Adapun pengundi bandar dan golongan generasi baru, mereka golongan yang terdedah kepada pelbagai maklumat melalui pelbagai media, tidak lagi bergantung kepada maklumat dari akhbar dan TV biasa.

Oleh itu, tentu saja Pakatan Harapan sangat mengharapkan kedatangan seramai mungkin rakyat dari seluruh negara, bukan sekadar hendak mendengar wujungan dari para pimpinan Pakatan Harapan, tetapi juga sebagai tanda sokongan pimpinan Pakatan Harapan bagi mengadakan perubahan untuk menyelamatkan negara ini.

ANAK mahu lembaga pengarah FGV dirombak

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) mengalu-alukan kehadiran semula Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Felda Global Ventures Holdings (FGV) Datuk Zakaria Arshad bermula 16 Oktober ini.

Presidennya Mazlan Aliman berharap gandingan Zakaria dengan Pengerusi FGV Datuk Wira Azhar Abd Hamid, mampu melaksanakan pelan pemulihan syarikat milik Felda itu.

Bagaimanapun katanya, Anak sekali lagi menegaskan ahli lembaga pengarah FGV sedia

ada harus meletakkan jawatan kerana mereka sudah tidak mampu memikul amanah yang dipertanggungjawabkan.

"Penyusunan semula ahli lembaga yang mengambil kira latar belakang dan kepakaran berkaitan sektor perladangan mesti diambil kira.

"Kemasukan tiga wakil dari Felda dan rombakan pengurusan FGV amat penting demi masa depan FGV dan memulihkan keyakinan pelabur serta masyarakat Felda," katanya.

FGV dalam satu kenyataan berkata, keputusan membawa masuk kembali Zakaria dibuat oleh

Kementerian Kewangan Diperbadankan (KKD).

Menurut FGV, keputusan itu dicapai setelah mengambil kira program transformasi yang sedang dilaksanakan serta komitmen Zakaria untuk menyelesaikan isu hutang syarikat Safitex Trading.

Tambahnya lagi, inkuiri terhadap Zakaria juga dilakukan secara berintegriti, adil dan mengikut amalan pentadbiran korporat yang baik.

Pada 6 Jun lalu, Zakaria, bersama tiga lagi pegawai diarah mengambil cuti 6 Jun lalu, sementara isu hutang Safitex disiasat.

Salah seorang daripadanya, Ketua Pegawai Kewangan FGV Ahmad Tifli Talha telah kembali bertugas pada 4 Oktober lalu.

Mazlan menambah, Anak cukup bimbang dengan cubaan campur tangan luar dan orang politik yang seringkali mengambil kesempatan terhadap FGV.

"Kepentingan 37 peratus saham Felda, Felda Asset Holding Company dan Koperasi Permodalan Felda dalam FGV adalah sangat besar.

"Moga perkembangan terbaru ini membawa harapan bermakna buat warga Felda," katanya.

Doktrin takfiri akan lenyap dimakan masa, kata Husam

Oleh **ARIF ATAN**

AMPANG: Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa menyifatkan pemimpin tertinggi Pas tidak berani secara terbuka mempertahankan kenyataan mereka sebelum ini yang cenderung mengkafirkan orang di luar parti tersebut.

Menurutnya, gejala takfiri termasuk menghalalkan darah bagi sesiapa yang keluar dari Pas hanya doktrin politik yang boleh ditewaskan kerana bersifat lebih mahu mengekalkan sokongan kepada parti itu.

"Penggunaan agama terhadap penentang Pas akan ketinggalan zaman dalam masa terdekat. Jika pilihan raya kali ini Pas bersendirian dan Pas kalah teruk tetapi AMANAH, InsyaAllah berjaya, saya kira politik berasaskan doktrin cara ini akan pupus.

"Doktrin ini hanya untuk mengekalkan orang Pas untuk (terus) menyokong Pas. Dia tidak

boleh mengembangkan pengaruh untuk orang di luar Pas untuk menyokong Pas," tegasnya dalam slot Bicara Telus Bersama Pimpinan Pakatan Harapan, di sebuah hotel dekat sini, 7 Oktober lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor itu berkata, pengalamannya di Kelantan juga belum lagi berdepan serangan bersifat takfiri secara bersemuka.

"Kalau di Kelantan saya sendiri tidak pernah bertemu dengan masalah ini walaupun mungkin di surau-surau kecil bila orang AMANAH tiada, ustaz-ustaz ini berceramah.

"Tetapi sampai hari ini, bila kita mengajak mana-mana pemimpin Pas (dari) Majlis Syura, Dewan Ulamak berdialog atas tajuk ini, tiada siapa sanggup," ujarnya sebagai salah seorang panel bicara telus anjuran AMANAH Wilayah Persekutuan itu.

Jelasnya, Presiden Pas Datuk Seri Hadi

Awang juga tidak tampil secara terbuka mempertahankan kenyataannya dalam ceramah umum di Kampung Banggol, Peradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981 yang kemudian dipanggil sebagai Amanat Haji Hadi.

"Bahkan Presiden Pas, Ustaz Hadi sendiri sudah tidak lagi berani mempertahankan Amanat Haji Hadi. Beliau menulis banyak perkara sebelum dan selepas uzur tetapi beliau tidak mempertahankan isu Amanat Haji Hadi," ujarnya.

Beliau turut membangkitkan cabaran Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Timbalan Presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man sama ada orang lain selain daripada ahli Pas itu kafir atau orang yang berjuang di luar parti Islam itu sebagai tidak Islam.

"Sampai hari ini Datuk Tuan (Ibrahim) tidak respon kepada kenyataan itu bermakna Pas sudah tidak berani berdepan dengan tajuk ini.

"Mungkin di kampung, pedalaman surau adanya ungkapan seperti ini (gejala takfiri) tetapi secara terbuka pemimpin Pas tidak berani," katanya dalam program Malam Menjunjung Amanah Rakyat itu.

Lanjut mengulas impak doktrin politik Pas yang mengkafirkan orang lain pada slot dimoderatkan Ariffin Hassan itu, Husam berkata, pendekatan tersebut tidak menjamin kemenangan Pas dalam pilihan raya sebelum ini.

"Kalau itu kekuatan Pas, lama sudah Pas menang. Di mana saja Pas guna isu ini, paling kuat di Besut, adanya masjid dua imam, kubur berasingan, dan di Marang sendiri.

"Tapi Besut secara umumnya Pas tidak boleh menang. Pengaruh politik Pas tidak boleh berkembang dengan doktrin ini dan dengan cara itu lama-kelamaan, Isya Allah doktrin itu akan pupus. "Cara selesaikan? Pas akan selesaikan sendiri," tambahnya lagi.

MP Parit Buntar serah usul persendirian 3 RUU keharmonian negara

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa menyerahkan usul tiga rang undang-undang (RUU) persendirian bertujuan mengurangkan kadar jenayah kebencian dan mempromosikan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia bagi dibahaskan pada sesi Parlimen akan datang.

Dewan Rakyat dijadualkan bersidang bagi kali terakhir untuk tahun ini bermula 23 Oktober hingga 30 November.

Usul persendirian Mujahid bagi memperkenalkan RUU Jenayah Perkauman dan Agama, RUU Keharmonian Negara dan Rekonsiliasi dan RUU Suruhanjaya Keharmonian Negara dan Rekonsiliasi itu diserahkan kepada setiausaha Dewan Rakyat Roosme Hamzah, 5 Okt lalu.

"Sudah tiba masanya untuk ada undang-undang bagi memastikan keharmonian menjadi keutamaan negara. Cadangan saya tidak terhenti hanya pada kebebasan bersuara, tetapi memastikan kebebasan itu tidak digunakan sebagai alasan untuk menghina kaum dan agama lain.

"Walaupun ada undang-undang seperti

Akta Hasutan, Akta Multimedia dan Kanun Keseksaan, tidak ada undang-undang untuk mengekalkan keharmonian antara kaum di negara ini," katanya dalam satu kenyataan.

Tiga RUU itu yang menjadikan perbuatan diskriminasi sebagai jenayah dicadangkan oleh Majlis Perundingan Perpaduan Negara (MPPN) pada 2014 kepada kerajaan, bersama dua lagi RUU lain, namun usaha itu tidak berhasil.

Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH ialah satu-satunya ahli parlimen pembangkang yang dilantik sebagai salah seorang daripada 30 anggota MPPN yang dilancarkan pada 2013.

MPPN dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk menangani pelbagai isu berkaitan polarisasi kaum dan agama, perpecahan dan diskriminasi, dalam usaha mencapai perpaduan negara.

Majlis itu dibubarkan pada pertengahan 2016 dan tidak ada satu pun daripada RUU itu yang sepatutnya menggantikan Akta Hasutan, berjaya digubal.

Pentadbiran Najib kemudian mengukuhkan Akta Hasutan.

Bekas Timbalan Presiden Pas mahu kerjasama Pas-Umno

PUTRAJAYA: Bekas Timbalan Presiden Pas Datuk Dr Nasharudin Mat Isa berpendapat kerjasama antara Pas dan Umno dilihat semakin cerah dan akan memberi manfaat kepada Malaysia sejajar dengan konsep wasatiyyah atau kesederhanaan.

Menurutnya Pas dan Umno tidak perlu bergabung tetapi mengadakan kerjasama demi kestabilan politik dengan mengetepikan perbezaan masing-masing.

"Saya optimis kerjasama tersebut dapat menyatupadukan orang Melayu dan rakyat Malaysia ke arah sebuah negara yang aman damai. Saya masih berpegang kepada kaedah kerjasama itu untuk berbincang dan merancang masa depan politik dan melihat sesuatu demi kepentingan negara," kata beliau yang masih menganggotai Pas.

Nasharudin yang juga Pengerusi Eksekutif Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) berkata demikian ketika menjawab soalan seorang peserta yang ingin tahu tahap wasatiyyah diamalkan Pas-Umno selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk

'Gerakan Kesederhanaan Global: Membina Jambatan dan Menghapuskan Halangan Menerusi Kesederhanaan' di Wisma Putra, dekat sini, 9 Okt lalu.

Katanya perkembangan hari ini menyaksikan Pas yang dipimpin Datuk Seri Abdul Hadi Awang memiliki nada yang berbeza dalam isu kerjasama Pas-Umno berbanding kepimpinan sebelumnya, yang sudi membuka jalan perbincangan kepada BN.

"Pas tidak perlu sertai Umno dan sebaliknya. Tetapi apa yang penting kedua-dua parti perlu bekerjasama mencari formula terbaik demi kebaikan kedua-dua belah pihak," katanya.

Nasharuddin ialah individu yang didedahkan Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli menjadi orang tengah penyaluran dana 1MDB yang diselewangkan kepada beberapa pemimpin Pas.

Sehingga kini beliau yang juga bekas ahli Majlis Syura Pas belum mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap Rafizi seperti dijanjikan sebelum ini.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX
JEMAAH
1 FREE**
*Tertakluk Terma
& Syarat



@ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH
BIASA

HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI
SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

YURAN
RM200

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH: 03-04 NOV 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: UTM SKUDAI, JOHOR BAHRU

SILA HUBUNGI: PN. KHATIJAH: +6017-843 7561

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH: 25-26 NOV 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: IPOH, PERAK

SILA HUBUNGI: EN.FAIZUL: +6012-568 1150



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
16 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,990
18 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,090
21 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
25 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
26 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
28 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
30 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,890

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
02 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
11 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
12 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
14 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
16 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
20 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
24 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,890
25 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
26 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,590
30 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390
31 DIS	JHB/JED/MED/JHB	5,590

JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
03 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
05 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
07 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
09 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
11 JAN	JHB/JED/MED/JHB	4,990
13 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
21 JAN	JHB/MED/JED/JHB	5,190
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
27 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
28 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
31 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

KEDAH

UST FITRI /
HJ AZIZAN
04-4480700
011-4066 0800 /
013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

MELAKA

HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR

HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK

EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN

CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG

HJ YUSUF
016-987 5115

PPINANG

UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR

HJ KAMAR
019-776 3390

SABAH

HJ AWANG ADI
013-559 8888

SERAWAK

HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

DATU DAVID HJ NOORIN
AMMAN MOHD ROZARZAL
AMMAN HJ CONNIE
AMMAN HJ ROSNANI
DOMANG LISTAZ ZULFIKAR
KLANG HAJAH FARIAH
DOMANG HAJAZMAN AGUSTINE
BAYAN KUALA LISTAZ ANAS
SHAHALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
MANGA SERI PUTRA PN SUZANA
MANGA HJ MOHD JAUZI
SHAHALAM HJ HASRIAN
KUALA KEDAH HJ ROSALI
MANGA KUALA LISTAZ SAIFUL
BANGI HJ NORIDAH
KUALA SELAYANG NORAISSAH
SUNDAH RADZAH MD ISA

Wakil Daerah

012-640 3144
013-364 4450
017-661 2727
019-258 5478
013-607 7727
011-3550 0615
019-277 2070
019-225 0189
013-332 8002
012-350 5437
012-235 8642
019-350 8423
010-271 2960
019-250 1210
019-214 0248
019-234 1822
012-222 8958
019-907 2234

SABAH

SARAH HAJI RAMLI
BANGAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABANGAN LISTAZ RAMAN LEE
WYLA JALAN BIN ZULKIFLI
KUNAKANAN MAMUD JEFFRI
KUMAK ENCK KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQUELRAHMAN
BANGAR ENCK SAHAR
KUNINGAT ARAHAM BIN LAJAKAYA
SUNGGUHA HAJI AHMAD ABDULLAH
TAN BELUKAN AWANG DAMIT
TUMANG & MO MEASIN BIN MIEN
MALODONG HJ ROSNANI

PERAK

SOTA HJ AZIZAH
TUPING HJ ABDEL RAHIM
BANGI MOHD ANS
KUNAKANAN ARIKUL RAHIM CHE AWANG
BANGAR SERI MURNAWIR RAHIMUD
BANGAR SERI HAJI HAMZAH

K. LUMPUR

SERAPAK KASAPUL ANJAR
SUNGGUHA HJ ROHANI
KAMPANGARA HAJI ROSLEE
KAMPANG MEGAT NABSI

MELAKA

BANGAR BELAKA HJ MASTURA
ALOR GELANG M NAZERY
JELUPAN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

019-589 3194
019-603 4810
013-556 9694
014-904 1963
011-6106 6530
014-283 5863
017-647 1584
019-803 0104
013-893 8600
019-823 1419
013-286 8639
010-510 7871
019-698 3685

Wakil Daerah

016-774 8665
016-962 8140
017-283 8665
017-283 8665
014-254 5271
019-347 1575

Wakil Daerah

016-856 5803
019-245 1420
012-327 8401
012-315 8613
017-347 7612
017-696 1474
012-681 6003

KELANTAN

KOTA BHARU LISTAZ OSMAN
PENKALAN CHEER AHMAD TARIZI
KACHOK CIKGU NURI
KUALA FELDA LISTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI
TANAH MERBAH AMINUDDIN AB HAMID
PASIR MATA YUSUF ALIAS

N.SEMBILAN

RAHATI LIST ZULRIK
MELAKA YAHYA OTHMAN
DUMAI REZAL KEMIS
TELUK KEDONDONG ABD RAHMAN
PASIR AZMAL
SEREMBAN UNDAH
JELUPA HJ MAZIN

PERLIS

KANGAR MOHD SOLEHIN

KEDAH

BANDAR BANGI HTAM ABD AZIZ

JOHOR

ARI HETABUTAH HJ. BAHARUDDIN
PAGUT RAJA HJ. YAHYA
BATU PAHAT HJ. SULAMAN
SRI GADING HJ. ABD. JALE
PAGUT SERONG HJ. REDZUAN
YONG PANG HJ. A. RAZAK
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM
SRI MUDA HJ. RAMLI

Wakil Daerah

019-689 8538
013-072 9304
019-989 9028
017-237 2387
012-051 8172
019-915 9606
012-360 6140
011-1086 0342
019-604 6315
017-265 4359
016-685 4141
013-261 2875
011-1064 1048

Wakil Daerah

010-460 5016

Wakil Daerah

019-474 3732

Wakil Daerah

011-1053 0254
013-706 3080
017-729 2492
011-1875 7750
011-1510 2400
013-770 3346
017-756 6489
010-761 1117

BANDAR BANGI HTAM EN MASUD
PONTIAN EN. KHARUL FAUZ
TAN. BERDUN PN. HAMMAH
RENGIT HJ. JURNAN
TIG. PASIR HJ. AFFAH
JOHOR BARU HJ. ROSLAN
SRI GADING HJ. ZAHARAN
BANGAR EN. ABD. JALE
KUALA KEDAH HJ. RAHMAZAT
SERI EN. ZAINUDDIN
KAMPANG EN. AHMAD SAHRE
PAGUT GUSMAN EN. AMBOK SULOH
KUALA PAHANG RAJA PN. RAZIDAH
KOTA TINGGI HJ. SAHRON
PT. SALAKA REZAL EN. KASIM
PAGUT RAJA EN. MAJID
KUALA SELU TRAKI PN. JOHANNAH
SARAWAK REZAL AZREEN
KUALA HJ. SHAMSUDDIN
BANGAR TENGKAMAN MOHD AREFF
KUALA HJ. WAGIMAN
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM
SUNGGUHA ABD WAHAB MAH
ULU TERAPI HJ. MARJON
MAJIDE HJ SUKARTING
KUALA SELU MUHAMMAD ALI
BANGAR BANGI HTAM PN. SITI MUTIHA
SRI MANGA HASRIAN
PAGUT RAJA EN. SULAIMAN
YAMAN RENGIT LISTAZ TUSHDIN
TAMAN BUKIT MANGA EN DAUD
PAGUT RAJA MOHD ZAINOL
BANGAR GUSMAN EN. MD. PAUZI
TAMAN PUTEH LISTAZ NORFAMAHANI
KOTA MASAI LISTAZ MOHAMAD ANAS

**HOTEL MEKAM : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. OASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTA @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDIAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAN HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING)

Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Surcharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing.

Tanya Notis, Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Cari jalan suburkan budaya dialog

Oleh **ARIF ATAN**

Pengerusi Institut Darul Ehsan (IDE), Datuk Prof Dr Siddiq Fadzil menyarankan agar sistem pendidikan kembali menyuburkan budaya dialog dalam usaha memupuk perpaduan rakyat di negara ini.

Menurutnya, pendekatan tersebut penting bagi membolehkan generasi akan datang saling mengenali dan menghormati sesuai dengan penekanan dalam al-Quran.

"Saya tidak mengharapkan semua orang setuju dengan apa yang saya lontarkan tapi sekurang-kurangnya bersedia untuk mewacanakannya. Mungkin ada kesalahan. Itu lumrah. Yang penting kita dialogkan.

"Saya fikir kita sudah mengabaikan satu penekanan al-Quran berkenaan kepentingan dialog. Pendekatan dan budaya dialog ini yang perlu disuburkan. Kita cuba dengar dan faham apa orang lain fikirkan.

"Kita cukup kaya dengan pengalaman dialog. Dalam al-Quran itu terlalu banyak ayat dialog seperti dialog Tuhan dengan malaikat serta dialog para anbiya dengan kaumnya," jelasnya dalam Wacana Pendidikan Nasional 2017: Membina Negara Bangsa di Shah Alam baru-baru ini.

Beliau turut bimbang interaksi murid antara sekolah agama dengan sekolah aliran Cina yang disifatkannya tidak ada langsung sekali gus menuntut perlunya golongan sarjana mencari jalan untuk mengatasi situasi



Dato' Prof Dr Siddiq Fadzil

tidak sihat itu.

"Melakukan aktiviti secara bersama yang bersesuaian memupuk perpaduan dan kemesraan serta penting untuk taaruf. Ini yang kita perlu terjemahkan. Namun, antara sekolah agama dengan sekolah Cina tidak ada taaruf langsung.

"Saya tidak menghalang kepelbagaian kerana itu hak mereka untuk mendapat pendidikan masing-masing tapi harus ada jambatan. Ini yang perlu difikirkan golongan intelektual," ujarnya.

Ditanya peserta di auditorium tentang ancaman rasisme, beliau berharap gejala berfikir mengikut acuan perkauman sempit itu semakin menyusut memandangkan kelahiran generasi muda terpelajar yang terde-

dah kepada aktiviti keintelektualan.

"Saya menyarankan supaya subjek *Fiqh At-Ta'ayush As Silmiy* dan *Fiqh Al-Muwathonah* diajar di sekolah-sekolah supaya tidak ada lagi penggunaan istilah 'kafir harbi' atau 'kafir dzimmi' yang memang sudah tidak lagi relevan dengan kehidupan masyarakat hari ini," jelas Dr Siddiq lagi.

PUNTING ROKOK

Sementara itu, Presiden AMANAH Mohamad Sabu ketika merasmikan wacana menyeru agar sistem pendidikan di negara ini menyemai nilai membudayakan kebersihan yang telah diamalkan oleh negara yang bukan sinonim dengan masyarakat Islam.

Berkongsikan pengalamannya berkunjung ke Nagoya, beliau berkata, persekitaran bandar di negara Matahari Terbit itu amat mengagumkan dengan murid sejak di bangku sekolah rendah dilatih untuk membersihkan lantai.

"Mereka bila makan di restoran segala pinggan mangkuk diangkat ke tempat yang disediakan. Ini perangai orang Jepun hasil pendidikan mereka.

"Sampai satu tempat, saya tengok agak kotor dan puntung rokok bersepeh. Saya tanya kawan Jepun itu, kenapa tempat ini kotor?"

"Kawan Jepun itu kata, di sini ramai orang Islam dan budaya mereka tidak

sama dengan masyarakat Jepun. Saya naik merah muka marah. Kita lihat (di situ) ramai pekerja orang Islam dari Bangladesh, Pakistan.

"Maka mana ada orang Islam, di situ ada kekotoran. Kalau berjalan di barat London amat bersih. Di timur, kotor. Kita boleh nampak sampah-sarap di tepi jalan, di depan kedai kerana ramai orang Islam berada di situ," jelasnya sebagai pemerhati.

Sehubungan itu, Mohamad dalam wacana anjuran Biro Pendidikan AMANAH Nasional itu menyarankan golongan sarjana mengkaji keadaan tersebut memandangkan Islam amat menekankan nilai kebersihan.



Antara peserta di Dewan Auditorium IDE, Shah Alam.

'Penjawat awam bukan makhluk asing'

NAIB Presiden PKR, Rafizi Ramli menyifatkan sebahagian besar penjawat awam sama ada di peringkat Persekutuan dan negeri tidak terkecuali daripada menerima kesan ekoran situasi ekonomi semasa sama seperti rakyat lain.

Menurutnya, hanya segelintir yang menduduki kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) dengan menerima gaji pokok yang tinggi boleh dianggap sukar didekati pembangkang.

"Penjawat awam bukan makhluk asing. Dia rakyat macam kita. Berapa yang Jusa dan Turus ke atas? Paling ramai ada 100 orang? Hanya ada sekumpulan pegawai kerajaan elit yang menjadi fungsi-fungsi penting dalam majlis keselamatan, polis, ketenteraan dan kewangan.

"Daripada 1.6 juta penjawat awam, majoriti adalah manusia dan sama macam rakyat biasa lain. Dia juga walaupun tengok TV3 dapat merasai semua isu yang kita sebut," ujarnya pada slot Terus Terang bersama Pimpinan Pakatan Harapan di Ampang baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau berpendapat perkembangan teknologi dalam media membolehkan rakyat celik akan kepincangan pentadbiran kerajaan Umno-BN.

"Sekarang ini dunia sudah berubah. Orang tidak tengok TV sangat pun. Pertempuran sebenar



Rafizi, Husam dan Tony dalam forum di Ampang.

adalah di media baru, maka mereka boleh buat pilihan.

"Empayar British di India dahulu pun boleh runtuh kerana masyarakat berubah. Mereka (penjawat awam) tidak perlu diyakinkan pun. Mereka sendiri merasai realiti," tegasnya dalam majlis Malam Menjunjung Amanah Rakyat anjuran AMANAH Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, Rafizi menyifatkan cabaran paling besar dalam perkembangan teknologi maklumat pada masa ini turut mendedahkan

pemimpin Pakatan Harapan pada kelemahan.

"Kita mudah membina potensi tapi kita juga mudah terdedah pada kelemahan. Ahli politik seolah-olah bintang realiti TV.

"Setiap yang kita buat, orang tahu. Sebab itu zaman 20, 30 tahun dahulu, pengamal media boleh menaikkan atau menurunkan mana-mana ahli politik selain boleh menentukan imej, sekarang tidak lagi," terang Ahli Parlimen Pandan itu.

Sementara itu, Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua berkata, bantahan terhadap Better Beer

Festival 2017 juga mengundang kebimbangan orang bukan Islam memandangkan pesta arak itu sudah berlangsung di Petaling Jaya sejak 12 tahun lalu.

"Saya sendiri tidak minum (arak) tapi saya sokong hak orang bukan Islam untuk minum. Kalau nak minum, boleh minum. Pesta itu dalam keadaan terkawal yang cukup ketat. Masuk pun kena bayar banyak.

"Hanya dibenarkan masuk bukan Islam. Orang bukan Islam bukan nak mabuk. Orang Islam rasa hak mereka yang paling asas pun sudah dirampas," jelasnya.

Beliau berharap isu pesta arak itu bagaimanapun tidak mengalih perhatian rakyat daripada masalah sebenar rakyat negara ini.

"Di kawasan seperti KL dan Selangor, kita kena jaga juga sebab 40 peratus penduduknya bukan Islam. Saya bukan kata sokong sampai mabuk tapi ini soal hak paling asas.

"Saya sendiri dalam media Cina diserang kenapa tidak lantang bersuara hal ini. Pada masa sama, saya juga ditohmah sokong pesta arak. Dua-dua pihak serang saya. Saya harap kita tidak lupa isu rasuah dan penyelewengan," tambahnya lagi.

Tun Dr Mahathir solat hajat untuk Anwar

Kerajaan baru akan bebaskan Anwar

Oleh NAZRI ABDULLAH

HANYA satu cara untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari penjara, iaitu dengan menukar kerajaan yang sedia ada pada pilihan raya akan datang.

Dalam keadaan jarang-jarang berlaku, penegasan itu dibuat bekas Perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada program Solat Hajat Selamatkan Malaysia dan Membebaskan Anwar Ibrahim anjuran Madrasah Al-Munawwarah - sebuah badan keilmuan dan kebajikan Islam - di Bangi baru-baru ini.

Madrasah Al-Munawwarah itu diterajui oleh mantan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Ustaz Dr Razali Nawawi.

Berucap menyampaikan 'tazkirah khas' di hadapan lebih 70 orang yang sebahagian besarnya adalah 'orang kuat Anwar', Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan turut menzahirkan komitmen bahawa kerajaan baru Pakatan Harapan (PH) akan membebaskan bekas Timbalan Perdana Menteri di eranya itu.



Tun Mahathir memberikan tazkirah di majlis solat hajat untuk Anwar.

"Anwar ada dalam penjara dan nak dia dibebaskan macam mana? Adakah kita nak serang jel nak bukak kunci bagi dia keluar? Tentu tidak dan kalau kita tidak buat apa-apa, dia kekal di situ.

"Kita kena bersatu jatuhkan (Datuk Seri) Najib. Tukar kerajaan baru (PH) yang akan ambil tindakan untuk bebaskan Anwar," katanya sambil mengakui agak kekok apabila diminta menyampaikan tazkirah kerana terpaksa bercakap dalam perkara bukan

bidang keparakannya.

Turut mendengar penegasan itu, isteri Anwar yang juga Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail bersama kepimpinan Keadilan yang lain seperti Dr Muhammad Nur Manuty, Datuk Kamarudin Jaffar.

Parti Amanah Negara (AMANAH) pula dihadiri oleh Timbalan Penasihat Umum Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin, Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir, Timbalan Setiausaha Agung Abang Ahmad Kerdee Abang

Masagus serta Pengerusi AMANAH Selangor Izhah Hashim.

Selain Mahathir, dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) termasuk presidennya Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Terdahulu semua mereka menunaikan solat Maghrib berjamaah diikuti bacaan surah Yasin dan kemudian tazkirah pendek daripada Ustaz Abdul Ghani sebelum solat Isyak berjamaah dan tazkirah khas oleh Mahathir.

Sebelum itu, Wan Azizah terlebih dahulu menyampaikan ucapan dan pesanan Anwar dari penjara yang

menyeru agar semua pihak ikhlas menegakkan keadilan dalam negara ini.

Anwar berkata, semua parti harus mengenyepkan perkara remeh temeh yang boleh menggagalkan perjuangan ini dan fokus kepada tekad menolak keangkuhan kuasa, rasuah dan ekonomi menjerut rakyat.

"Jasad saya dalam penjara tetapi roh dan semangat saya berada bersama pejuang di medan perjuangan," kata Anwar.



Tan Sri Muhyiddin turut hadir membaca Yaasin untuk pembebasan Anwar.

Selepas undi BN, pengundi Sik dibiarkan

Mandat yang diberikan oleh pengundi bagi kemenangan wakil rakyat Umno-BN di kawasan Dun Jeneri dan Dun Belantik dalam Parlimen Sik pada tahun 2013 tidak memberi apa-apa manfaat kepada mereka setelah kesukaran mereka tidak diberi perhatian.

Atas kesedaran, AMANAH kawasan Sik telah mengambil tindakan segera bagi membantu penduduk yang terlibat dalam pelbagai masalah dalam kawasan Parlimen tersebut.

Ketua AMANAH kawasan Sik, Sulaiman Ibrahim bersama-sama dengan tim ARIF telah mengambil tindakan segera bagi membantu penduduk yang rumah mereka dipukul ribut serta dihempap pokok.

"Sebaik saja mendengar masalah yang dihadapi oleh penduduk termasuk bencana seperti ribut, AMANAH kawasan Sik segera turun padang dan membantu mereka yang sedang mengharap pertolongan.

"Walaupun kita bukan kerajaan yang memerintah negeri Kedah, tapi atas sifat peduli, bantuan segera diusahakan bagi memastikan masalah mereka yang terlibat dapat ditinggalkan.

"Selain dari itu, kita juga menziarahi mereka yang sakit dan uzur tanpa mengambil kira perbezaan fahaman dan ideologi politik," katanya.

Menurut Sulaiman yang dilantik sebagai Pengerusi PH Sik beberapa bulan lalu, jalan rosak dan becak



Sulaiman dan petugas ARIF menurunkan zin kepada penduduk kampung untuk membantu mereka membetulkan kembali atap rumah yang rosak akibat ribut.

sehingga menyukarkan penduduk dalam kawasan Dun Jeneri adalah masalah yang begitu lama belum dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri.

Malah katanya, masalah ini telah berlarutan begitu lama, tetapi tidak mendapat perhatian segera wakil rakyat BN yang mewakili kawasan tersebut.

"Jalan yang becak dan rosak pun telah begitu lama dan menyusahkan penduduk dalam kawasan ini, sedangkan ia berada dalam kawasan yang dimenangi oleh BN.

"Sepatutnya jalan ini telah lama ditarkan atau diperbaiki, sebaliknya ia tidak dipedulikan dan menyusahkan penduduk.

"Sewajarnya tidak harus ada lagi jalan sedemikian kerana negara telah

pun mencapai kemerdekaan selama 60 tahun, namun begitu ia berlaku sebaliknya," jelasnya lagi.

Beliau juga berkata, AMANAH kawasan Sik akan tetap meneruskan usaha bagi membantu pelbagai golongan masyarakat yang menghadapi masalah kehidupan.

"Ia termasuklah membantu keluarga yang melarat, warga emas, mereka yang uzur dan sakit serta anak-anak yang tidak meneruskan alam persekolahan mereka akibat kemiskinan.

"Manakala infrastruktur seperti kemudahan jalan tar, jambatan yang runtuh sejak sekian lama di beberapa buah kampung juga tidak pernah diberikan perhatian oleh wakil rakyat dalam Parlimen Sik.

"Sekaligus mereka telah memperli-

hatkan betapa sukarnya Umno dan BN untuk membantu meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat walaupun telah hampir lima tahun mereka memenangi pilihan raya umum yang lalu," ujarnya lagi.

Parlimen Sik selalu saja bertukar tangan. Dalam PRU 2008, calon Pas menang manakala PRU 2013, calon BN pula menang.

PRU 1999 lalu, calon Pas menang manakala selepas itu PRU 2004, calon BN pula menang.

PH berharap akan menang dalam PRU ke 14 yang dijangka hujung tahun ini atau awal tahun depan.

Sulaiman, bekas peserta final rancangan realiti tv, Raja Lawak antara nama yang disebut bakal mewakili PH dalam PRU akan datang ini.



JAWATAN KOSONG
Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:
luqman.malaysiadateline@gmail.com
Sebelum 21 Oktober 2017

Keputusan Shahrir bukti BN **tenat** di Johor



Khalid (berdiri) dan Shahrir di kantin Parlimen.

KUALA LUMPUR: Keputusan Tan Sri Shahrir Samad menunda rancangan persaraan semata-mata kerana mahu membantu BN mempertahankan kerusi parlimen Johor Bahru, mengecewakan Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad.

Khalid yang juga adik kepada Shahrir berkata, keputusan abangnya itu menunjukkan Umno-BN di Johor dalam keadaan terdesak sehingga tokoh veteran Umno tersebut sanggup menunda persaraan bagi membantu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengekalkan penguasaan BN di negeri itu.

"Apabila beliau mengeluarkan kenyataan menunda rancangannya disebabkan ramai (pemimpin Pakatan Harapan) yang mahu bertanding di Johor, ini menunjukkan Umno-BN berada dalam keadaan ketakutan hingga orang yang nak bersara pun terpaksa tangguh persaraannya.

"Ini kerana ancaman dan serangan Pakatan Harapan (PH) berpotensi mengalahkan

Umno-BN.

"Saya nak bagi tahu Johor Bahru merupakan kubu terakhir. Jika jatuh Johor akan jatuh Putrajaya," ujarnya dalam sidang media di Wisma Amanah, dekat sini, 4 Okt lalu.

Justeru Khalid hanya sanggup bertanding di kerusi Johor Bahru melawan abangnya Shahrir sekiranya diizinkan PH.

Pada pilihan raya umum lalu, kawasan parlimen Johor Bahru ditandingi Keadilan bagi pihak Pakatan Rakyat.

Khalid bagaimanapun berkata, secara peribadi beliau tidak berhasrat untuk bertanding di Johor Bahru semata-mata untuk mencipta sejarah kejatuhan Johor sekaligus Putrajaya pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Saya sendiri pernah terlibat untuk mencipta sejarah memenangi pembangkang di negeri Selangor dan selama dua penggal saya berada di Shah Alam.

"Saya melihat nak jatuhkan Johor Bahru atau nak menangkan Johor merupakan cabaran yang

cukup menarik, jika dibenarkan untuk terlibat mencipta sejarah menjatuhnya Johor-Johor Bharu-Putrajaya.

"Malangnya bagi saya, abang saya tunda perancangannya untuk bersara. Oleh kerana dia akan bertanding, saya tidak mahu terlibat dengan satu keadaan yang mana bertanding dengan abang sendiri untuk saya mencipta sejarah itu di Johor Bharu," ujarnya.

Menurut Khaled lagi keputusan Shahrir menangguhkan persaraan amat mengecewakan kerana ia dibuat atas alasan mempertahankan kemenangan BN yang diterajui Datuk Seri Najib Razak.

Beliau menyifatkan keputusan Shahrir itu sebagai 'tidak berbaloi' kerana ia bertujuan mempertahankan kepimpinan kleptokrat.

"Lebih baik bersara, buat kerja amal lebih bermakna. Kita tidak mahu beliau diingati sebagai seorang yang mempertahankan pemerintahan kleptokrat pada penghujung kerjaya politiknya," ujar Khalid.

Bolehkah guru sertai DAP, Kit Siang soal KSN

KUALA LUMPUR: Sikap tidak kisah Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Ali Hamsa terhadap pelawaan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang menyeru agar guru menyertai Umno dalam acara sekolah amat mengejutkan.

Ketika ditanya wartawan FMT berhubung tindakan Adnan itu, Ali dilapor menjawab ringkas, "Saya tiada masalah dalam hal itu."

Jawapan Ali itu disambut Ketua Parlimen

DAP, Lim Kit Siang yang ingin tahu sama ada beliau juga membenarkan guru-guru menyertai DAP dan parti komponen Pakatan Harapan (PH)?

"Jika tidak, bolehkah KSN ke-13 itu menunjuk bahagian mana Perintah Am (perkhidmatan awam) yang menyatakan bahawa guru boleh menyertai Umno tetapi bukan DAP atau parti komponen PH yang lain?

"Berikan pencerahan kerana Menteri Pelajaran,

Datuk Seri Mahdzir Khalid pada bulan Mac pernah berkata bahawa guru yang menyokong pembangkang dan mengkritik kerajaan harus meninggalkan kerjaya itu?" katanya dalam satu kenyataan media.

Tengku Adnan dalam ucapan majlis penutup Hari Kemerdekaan di Sekolah Rendah Putrajaya Presint 14 (1) pada Selasa menggesa guru untuk menyertai Umno.

Selain ucapan berbaur politik, majlis

berkenaan turut dipenuhi dengan kibaran bendera Umno, malah murid turut dipaksa supaya menyanyikan lagu parti itu dan melaungkan slogan 'Hidup Umno!'

Kit Siang yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah mengingatkan penjawat awam agar tidak tunduk terhadap tekanan politik.

"Penjawat awam harus menunjukkan kesetiaan kepada negara serta rakyat dan bukannya kepada parti politik," tegasnya.

Mustahil SPRM gagal kesan Kit Siang disogok RM1 bilion

KUALA LUMPUR: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkipli Ahmad patut meletakkan jawatan jika benar tokoh DAP Lim Kit Siang menerima sogokan RM1 bilion dari bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tanpa dapat dikesan.

Kit Siang yang juga Ketua Parlimen DAP berkata, jika benar beliau disogok seperti didakwa 'blogger pelarian' Raja Petra Kamaruddin, Dzulkipli patut meletakkan jawatan kerana tidak cekap menjalankan tugasnya.

"Jika ada kebenaran dakwaan Mahathir menyogok saya RM1 bilion, dengan RM750,000 telah dibayar ke dalam akaun saya dan SPRM tak tahu apa-apa tentangnya... Dzulkipli patut meletakkan jawatan kerana tidak cekap," kata Kit Siang.

Beliau mempersoalkan bagaimana mungkin SPRM tidak tahu apa-apa tentang jumlah besar sogokan itu.

Raja Petra baru-baru ini mendakwa kononnya Kit Siang telah disogok RM1 bilion oleh Tun Mahathir bagi memperolehi empat perkara.

Manfaat yang diperolehi Tun Mahathir, dakwa Raja Petra adalah PPBM dibenarkan menyertai Pakatan Harapan (PH), Tun Mahathir dilantik Pengerusi PH, Kit Siang tidak mengulas isu kerugian Bank Negara dalam tukaran matawang asing dan memasti Datuk Mukhriz Mahathir mendapat kerusi selamat untuk bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Mahathir dalam kenyataannya sebelum ini mendakwa, orang yang membuat dakwaan ini ialah 'seorang gila'.

KR1M tidak selesai masalah kos hidup rakyat

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN dinasihati agar tidak melaksanakan 'projek kosmetik' seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi menangani kenaikan kos sara hidup rakyat tetapi perlu menyelesaikan punca masalah tersebut antaranya pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta kadar gaji dan upah yang rendah.

Sehubungan itu, Pemuda Pakatan Harapan (PH) juga melahirkan kebimbangan terhadap nasib yang dialami para pekerja Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang dihentikan operasinya oleh kerajaan.

Ketuanya Nik Nazmi Nik Ahmad turut kesal kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan syarikat pengendali KR1M, Mydin Mohamed Holdings Sdn Bhd (Mydin) mengeluarkan kenyataan yang bercanggah berhubung penutupan rangkaian KR1M di seluruh negara.

"Nampaknya kedua-dua pihak tidak mahu bertanggungjawab untuk masalah ini, dengan pihak kerajaan menyalahkan Mydin kerana meningkatkan harga

barang, manakala Mydin pula menyatakan bahawa projek itu hanyalah CSR (tanggung jawab sosial korporat) syarikat.

"Seperti kebanyakan projek 1Malaysia yang lain, pentadbiran Najib Razak telah gagal untuk merancang inisiatif ini secara menyeluruh, dan akibatnya lebih ramai orang yang terkena impak negatif kegagalan projek ini," ujarnya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, Nazmi yang juga Ketua AMK berkata, masalah pokok kenaikan kos sara hidup rakyat seperti pelaksanaan GST serta kadar gaji dan upah yang rendah adalah perkara yang perlu diatasi kerajaan bukannya melaksanakan program seperti KR1M.

"Sudah masanya kerajaan bertanggungjawab terhadap kesemua kegagalan ini," tegasnya.

Sebagai rekod KRIM diperkenalkan pada 2011 sebagai medium untuk mengawal harga barang dan mengurangkan monopoli sesetengah barangan keperluan yang telah lama didominasi oleh pengilang

multinasional.

Projek KR1M dipantau dan diuruskan oleh KPDNKK yang bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa untuk menyediakan premis KR1M.

KR1M diselenggarakan Mydin dan jenama 1Malaysia yang tersarung pada produk itu pula berdaftar di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pada September lalu, KPDNKK mengumumkan menutup operasi KR1M secara berperingkat seluruh negara. Penutupan itu ada kaitan dengan pengumuman kerajaan untuk menamatkan kontrak Mydin kerana menjual barang lebih mahal daripada harga pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin kemudian mengumumkan program KR1M 2.0 akan dilancarkan bagi menggantikan KR1M.

Pengarah Urusan Mydin, Ameer Ali Mydin melaporkan syarikatnya mengalami kerugian besar kerana mengendalikan KR1M.

mampu umrah EDISI 2017

DAFTAR
SEKARANG
TEMPAHAN RM1,000



Bersama:
UST. ABDUL GHANI SAMUDIN

PAKEJ UMRAH & ZIARAH

PAKEJ DENGAN HARGA MAMPU

RM 6,999

JADUAL PENERBANGAN (11 HARI 9 MALAM)

04 DISEMBER - 14 DISEMBER



MEKAH - HOTEL SARAYA IMAN (350m)
MADINAH - CONCORDE HOTEL (150m)

DESTINASI ZIARAH

- | | |
|--------------------------------|--------------------------|
| MEKAH | MADINAH |
| ** TAIF | MASJID QUBA |
| MINA | MEDAN UHUD |
| ARAFAH | PASAR KURMA |
| MUZDALIFAH | LADANG KURMA |
| MASJID HUDAIBIYAH | SAQIFAH BANI SA'IDAH |
| *MUZIUM MEKAH DAN MADINAH | *PAMERAN ASMA'AL HUSNA |
| TAPAK RUMAH KELAHIRAN NABI SAW | *PAMERAN SEJARAH MADINAH |

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:
Nurhaziqah Zainal
017 - 885 3292

 **EL IZZAH**
TRAVEL & TOURS SDN BHD
MAYBANK - 5511 9110 7318

Perbelanjaan misteri RM80 juta hotel Felda punca rugi

FELDA masih lagi belum memberi sebarang maklum balas mengenai isu pemilikan 198 unit apartment di Grand Plaza Serviced Apartments di London yang saya timbulkan 10 Okt lalu. Saya mendedahkan bagaimana akibat kerugian yang berlaku sejak 2014 (setelah mengambil alih operasi hotel mewah di London itu) akan menyebabkan Felda tetap rugi kalau pun ia berjaya menjual hartanah itu pada harga yang lebih tinggi selepas ini.

Untuk rekod pembaca, Felda telah melantik ejen-ejen hartanah untuk mencari pembeli kepada hartanah mewah miliknya itu.

Kali ini, saya akan mendedahkan pula bagaimana operasi yang sepatutnya memberi pulangan yang sangat lumayan tiba-tiba mengalami kerugian setiap tahun setelah Felda membelinya.

Saya mula mengesyaki bahawa ada sesuatu yang perlu diselidiki dengan lebih mendalam setelah membaca laporan penilaian keberuntungan Grand Plaza SA yang dibuat oleh CBRE (ejen hartanah yang dilantik Felda sendiri). Di dalam laporannya kepada bakal pembeli, CBRE menyatakan bahawa pemilik baru Grand Plaza SA ada peluang untuk mendapatkan keuntungan dan pulangan yang menarik memandangkan prestasi kewangan Grand Plaza SA di bawah pemilik sekarang (Felda) menunjukkan prestasi di bawah keuntungan purata pasaran.

Sedangkan CBRE menjelaskan bahawa EBITDA (earnings before interest, tax, depreciation and amortisation) iaitu peratus keuntungan dari operasi berbanding pendapatan dari operasi adalah sekitar 50%.

EBITDA sebuah syarikat adalah ukuran sama ada operasi perniagaan yang dijalankan mendatangkan keuntungan atau tidak. EBITDA mengukur jumlah wang yang masuk berbanding jumlah wang yang dibayar untuk kos operasi, kecuali wang keluar masuk yang bersabit dengan pembiayaan, susut nilai (kerana bukan melibatkan wang keluar masuk, hanyalah satu angka perakaunan) dan cukai pendapatan.

Oleh itu, operasi Grand Plaza SA yang mencapai margin EBITDA 50% hanya rugi jika faedah ke atas pembiayaan yang diambil, cukai yang dibayar dan caj susut nilai melebihi dari 50% dari pendapatan.

Pendapatan dari hasil sewaan Grand Plaza SA boleh ditentukan dengan merujuk kepada penyata kewangan syarikat milik penuh Felda yang memiliki hartanah tersebut, iaitu FIC UK Properties Sdn Bhd. Saya sertakan rekod rumusan kewangan yang difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun-tahun 2013 ke 2015 yang menunjukkan pendapatan dari hasil sewaan Grand Plaza SA seperti berikut:

1. 2013 – RM15.7 juta
2. 2014 – RM50.9 juta
3. 2015 – RM53.5 juta

Maka, operasi Grand Plaza SA ini hanya akan rugi sekiranya jumlah (faedah + cukai + susut nilai) masing-masing melebihi RM8 juta (2014), RM25 juta (2015) dan RM27 juta (2016).



Dengan berpandukan penemuan mudah ini, saya tahu serta merta bahawa ada yang tidak kena kerana Felda tidak mengenakan apa-apa faedah ke atas FIC UK Properties Sdn Bhd seperti yang dilaporkan di dalam penyata kewangannya yang diaudit dari tahun 2013 ke 2015 yang telah saya semak.

Jumlah caj susut nilai biasa ke atas hartanah sebegini selalunya sekitar 2% setiap tahun dari nilai hartanah. FIC UK Properties Sdn Bhd merekodkan hartanah Grand Plaza SA sekitar RM540 juta berdasarkan rumusan kewangan dari SSM – oleh itu nilai caj susut nilai tahunan sepatutnya sekitar RM10 juta setahun sahaja.

Dari penyata kewangan Felda yang diaudit, saya dapat menentukan bahawa ada satu lagi anak syarikat Felda yang ditubuhkan di United Kingdom khusus untuk mengendalikan operasi perniagaan menyewakan 198 unit Grand Plaza Serviced Apartments ini.

Saya mendapati bahawa Felda sebenarnya menubuhkan dua buah syarikat bagi tujuan yang berbeza seperti berikut:

1. FIC UK Properties Sdn Bhd (100% milik Felda, ditubuhkan di Malaysia) – sebagai pemilik kepada hartanah tetapi tidak mengendalikan operasi perniagaan.
2. FIC Grand Plaza Ltd (100% milik FIC UK Properties Sdn Bhd, ditubuhkan di United Kingdom) – sebagai pengendali yang menjalankan operasi bagi pihak FIC UK Properties Sdn Bhd.

Oleh kerana penyata kewangan diaudit bagi syarikat-syarikat yang ditubuhkan di United Kingdom boleh diperolehi secara percuma, saya sertakan laporan kewangan yang diaudit bagi FIC Grand Plaza Ltd bagi tempoh dari hari pertama mengambil alih (2014) hingga

ke tahun kewangan terkini iaitu 2016.

Ini membolehkan saya menjalankan analisa untuk mengenal pasti adakah kerugian seperti yang ditunjukkan di dalam akaun Felda (melalui FIC UK Properties Sdn Bhd yang digabungkan di dalam penyata kewangan Felda) adalah berpunca dari perniagaan yang benar-benar merugikan, atau ada unsur-unsur penyelewengan atau amalan tata kelola yang lemah.

Analisa ini dijalankan untuk menentukan perkara-perkara berikut:

i. Membandingkan pendapatan di dalam FIC Grand Plaza dengan FIC UK Properties untuk memastikan pendapatan yang dilaporkan dan ditaksirkan di dalam FIC Grand Plaza Ltd 'adalah padan dengan pendapatan yang dilaporkan oleh FIC UK Properties.

ii. Menentukan sama ada kerugian dari operasi Grand Plaza SA (seperti yang berlaku dan ditunjukkan di dalam penyata kewangan Felda) ada kena mengena dengan apa-apa tanggungan faedah, cukai dan susut nilai; atau disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Saya sertakan salinan analisa kewangan yang menimbulkan dan membuktikan perkara-perkara berikut:

i. Ada perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan operasi Grand Plaza SA yang dikenakan oleh pihak ketiga (sama ada orang perseorangan, syarikat dari kumpulan Felda atau syarikat yang tidak ada kena mengena dengan Felda) kepada FIC Grand Plaza Ltd yang jumlahnya masing-masing diunjurkan sekitar RM25 juta (2014), RM29 juta (2015) dan RM28 juta (2016).

Perbelanjaan-perbelanjaan yang mencecah RM82 juta setakat ini ditunjukkan sebagai kos



pentadbiran (administrative expenses). Oleh kerana perbelanjaan seperti ini tidak memberi gambaran yang tepat mengenai keberuntungan (profitability) sebenar sesebuah operasi perniagaan, sebab itulah banyak laporan kewangan merujuk kepada EBITDA yang mengasingkan perbelanjaan-perbelanjaan "pengurusan/pentadbiran" seperti ini.

ii. Salah satu perbelanjaan sebegini yang disyiharkan di dalam penyata kewangan FIC Grand Plaza Ltd (atas kehendak undang-undang) ialah bayaran gaji kepada pengarah-pengarah. Semakan saya ke atas kesemua penyata kewangan diaudit FIC Grand Plaza Ltd dari penubuhan hingga sekarang menunjukkan kesemua ahli lembaga pengarahnya dilantik oleh Felda dan merupakan pegawai-pegawai kanan Felda.

Peneroka Felda perlu tahu bahawa pimpinan kanan Felda ini dibayar secara purata sehingga RM10,000 sebulan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah sebuah syarikat yang operasinya hanya menyewakan apartment mewah di London.

Gaji sehingga RM10,000 sebulan ini adalah tambahan kepada pelbagai gaji, elaun dan keistimewaan lain sedangkan mereka tidaklah ada apa-apa peranan yang kritikal kepada operasi anak syarikat Felda di United Kingdom ini.

iii. Tan Sri Isa Samad masih lagi salah seorang dari Lembaga Pengarah syarikat ini yang mendapat manfaat tersebut. Beliau dilantik pada 28 Mei 2016 dan semakan saya dengan rekod syarikat di Companies House UK menunjukkan beliau masih lagi kekal ahli Lembaga Pengarah sehingga kini.

Saya percaya ada banyak perkara yang diperjelaskan hasil dari analisa kewangan ringkas ini, termasuklah butiran perbelanjaan-perbelanjaan berbentuk pengurusan dan pentadbiran yang dicaj ke anak syarikat ini sehingga mengakibatkan kerugian sedemikian rupa.

Saya ada banyak lagi perkara-perkara yang akan menimbulkan banyak persoalan mengenai keborosan Felda melalui anak-anak syarikat luar negara seperti ini. Saya berharap Felda akan memberi penjelasan kerana pendedahan-pendedahan selepas ini akan memalukan Felda.

■ **Rafizi Ramli ialah Naib Presiden Keadilan dan Ahli Parlimen Pandan.**

PH pastikan kakitangan awam tidak diperalat

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) tidak akan mengurangkan jumlah kakitangan awam seperti didakwa Perdana Menteri sebaliknya akan berusaha menghapuskan 'herotan sumber manusia' yang ada akibat campur tangan politik yang keterlaluan.

Usaha ini boleh dicapai dengan menyusun kembali agihan sumber manusia di dalam perkhidmatan awam dan memastikan kakitangan awam berkhidmat untuk rakyat dan bukannya kepada ahli politik yang menjadi menteri atau yang menguasai badan kerajaan atas lantikan politik, kata Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli.

"Masalah sebenar adalah terlalu banyak kakitangan awam yang ditanggung oleh rakyat yang sebenarnya tidak berkhidmat untuk rakyat, tetapi berkhidmat untuk ahli politik yang menjadi menteri atau menguasai badan kerajaan atas lantikan politik," ujar beliau.

Rafizi memberi contoh 200 kakitangan awam yang berkhidmat khusus untuk Perdana Menteri (dan isteri) dan 77 orang yang berkhidmat khusus untuk Timbalan Perdana Menteri malah rakyat perlu menanggung gaji 607 pegawai dan pembantu menteri pada setiap bulan.

"Sebelum ini saya telah timbulkan perkara ini secara khusus, iaitu jumlah kakitangan awam yang berkhidmat di bawah Pejabat

Perdana Menteri. Saya juga telah tunjukkan secara khusus jumlah tukang masak, pembantu rumah dan lain-lain yang ditanggung oleh rakyat untuk berkhidmat di kediaman perdana menteri.

"Malah saya telah fokuskan juga mengenai seorang Ketua Penolong Pengarah (KPP) yang mengetuai satu unit yang dipanggil Bahagian Khas, Jabatan Perdana Menteri yang diwujudkan khusus untuk menjadi pejabat Datin Seri Rosmah Mansor dan kerjanya menjadi 'kaki pukul politik' untuk membidas mana-mana pihak yang berani mengkritik Datin Seri Rosmah," ujar ahli parlimen Pandan itu.

Dalam kenyataan medianya juga, Rafizi menyertakan jadual yang menunjukkan jumlah penjawat awam yang diperuntukkan kepada enam menteri kanan iaitu presiden, naib-naib presiden dan Ketua Pemuda Umno, Presiden MCA dan Presiden MIC.

Menurut beliau, jumlah penjawat awam termasuk lantikan politik untuk enam pemimpin kanan Umno/BN ialah 335 orang.

"Ini adalah jumlah yang paling konservatif kerana saya tidak mengambil kira jumlah unit-unit lain di luar pejabat menteri," katanya.

Tambah beliau, dengan purata 10 kakitangan awam yang berkhidmat kepada seorang menteri dan kabinet yang mempunyai 33

menteri (selain Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri), kakitangan awam untuk jemaah menteri sahaja berjumlah 330 orang.

Rafizi berkata, apabila dicampur 200 orang yang berkhidmat khusus untuk Perdana Menteri (dan isteri) dan 77 orang yang berkhidmat khusus untuk Timbalan Perdana Menteri, rakyat perlu menanggung gaji 607 pegawai dan pembantu menteri pada setiap bulan.

Menurut beliau, dapatan awal ini menunjukkan masalah sebenar perkhidmatan awam di negara ini adalah pengaruh politik yang keterlaluan sehingga sumber tenaga manusia 'diherotkan' untuk memenuhi keperluan menteri-menteri dan orang politik.

"Jemaah Menteri misalnya, tidak memerlukan sehingga 607 orang pegawai dan pembantu seperti sekarang. Sebahagian besar dari mereka (yang bukan lantikan politik) seharusnya ditugaskan untuk berurusan dengan rakyat melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat," ujar beliau.

Bagi menjawab tuduhan Perdana Menteri bahawa Pakatan Harapan akan membuang separuh kakitangan awam, Rafizi yakin Pakatan Harapan (PH) akan melaksanakan beberapa

langkah untuk memperbetulkan herotan sumber perkhidmatan awam.

Langkah utama, katanya adalah mengecilkan saiz Jemaah Menteri kepada sekitar 20 orang dengan menstrukturkan kembali kementerian-kementerian supaya tidak bertindih.

Ini secara langsung, ujarnya akan mengurangkan jumlah gaji yang perlu dibayar dan jumlah kakitangan awam yang diperuntukkan kepada menteri.

PH juga, jelas Rafizi akan mengurangkan jumlah kakitangan awam (lantikan politik atau yang dalam perkhidmatan) yang diperuntukkan untuk berkhidmat dengan menteri dan timbalan-timbalan menteri.

"Saya percaya kakitangan awam untuk Perdana Menteri mestilah dikurangkan kepada 70 orang sahaja dari jumlah 200 sekarang, Timbalan Perdana Menteri dikurangkan kepada 30 orang sahaja dari jumlah 77 sekarang, dan menteri-menteri dikurangkan kepada 6 orang sahaja dari purata 10 orang sekarang," jelasnya.

Tidak seperti tuduhan Datuk Seri Najib Razak, PH akan memberi tugas baru kepada kakitangan awam yang kini berkhidmat dengan menteri-menteri dan ahli politik dengan tugas yang berurusan secara langsung dengan rakyat.

Konsep yang sama, jelasnya di-

gunakan untuk menyusun kembali agihan sumber manusia di dalam perkhidmatan awam bagi menghapuskan herotan sumber akibat campur tangan politik yang keterlaluan.

Rafizi berjanji akan membentangkan angka-angka mengikut kementerian yang boleh menunjukkan secara khusus bagaimana herotan sumber manusia ini berlaku dan bagaimana agihan sumber manusia boleh membantu memastikan jumlah kakitangan perkhidmatan awam yang optimum.

"Saya akan berusaha supaya sekurang-kurangnya setiap satu minggu, saya boleh membentangkan satu laporan yang terperinci seperti ini untuk makluman rakyat," katanya.

Beliau turut yakin langkah yang bakal dilaksanakan PH ini mendapat dokongan kakitangan awam yang secara umum mengetahui apa yang berlaku.

Rafizi juga akan menunjukkan bagaimana manfaat kewangan dan perkhidmatan yang diberikan kepada penjawat awam semakin berkurangan sejak di bawah pentadbiran Najib.

"Jika Datuk Seri Najib mahu menggunakan retorik lama menakutkan kakitangan awam, saya rasa kali ini beliau akan bertemu buku dengan ruas kerana saya telah lama menunggu peluang ini," tegasnya.

Selepas buat kecoh, Jamal dakwa penahanannya 'keterlaluan'

KUALA LUMPUR: Ekoran aksi keterlaluan-nya memecahkan 100 botol arak di hadapan pintu pagar Bangunan SUK, Shah Alam 5 Okt lalu, ketua kumpulan baju merah yang juga Ketua Bahagian Umno Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos ditangkap polis, sehari kemudian.

Menurut Jamal dalam satu mesej teks, beliau telah dikepung dan ditangkap pihak polis di Sekinchan sebaik selesai mesyuarat Umno bahagian.

Menyifatkan tindakan polis itu sebagai 'keterlaluan', Jamal memaklumkan sedang dalam perjalanan untuk di bawa ke Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Shah Alam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, SAC Fadzil Ahmat mengesahkan bahawa Jamal dan tujuh lagi lelaki lain ditahan di sekitar Sekinchan kira-kira jam 1.45 pagi, 6 Okt lalu.

Katanya, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksan iaitu menyertai satu perhimpunan haram dan dibaca bersama Seksyen 268 Kanun Keseksan kerana menyebabkan kemudaratan awam.

Dalam kejadian pada 5 Okt, Jamal telah membawa beberapa peti minuman keras dan memecahkannya dengan tukul besi dihadapan Bangunan SUK sebagai

membantah penganjuran 'pesta arak' di Selangor.

Beliau turut menghamburkan kata-kata kesat kepada Menteri Besar Datuk Seri Azmin Ali yang didakwa menggalakkan rakyat negeri Selangor untuk berpesta arak.

"Batalkan saja pesta arak, buat apa tangguh-tangguh lagi," kata Jamal seraya menghayunkan tukul ke kotak-kotak yang mengandungi botol arak.

Jika didapati bersalah, Jamal berdepan dengan hukuman penjara enam bulan atau denda atau kedua-duanya.

Tidak seperti Melaka dan Johor yang diperintah BN, Kerajaan Negeri Selangor tidak menganjurkan Oktoberfest.

Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagaimanapun menerima permohonan untuk mengadakan pesta makanan dan minuman Jerman di sebuah pasaraya di Klang namun keputusan berhubung penganjuran itu bergantung kepada kelulusan polis.

Dalam perkembangan yang sama, Jamal dan tujuh pekerjanya yang direman dibebaskan pada 7 petang, 7 Okt lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor SAC Fadzil Ahmat berkata mereka dibebaskan dengan jaminan polis.

Ambil tindakan disiplin menteri peralat pelajar

KUALA LUMPUR: Hampir mustahil untuk dilakukan kerajaan pimpinan Najib, namun itulah gesaan yang dibuat Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) negeri Johor Aminolhuda Hassan yang mahu tindakan disiplin dikenakan terhadap Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor kerana memeralatkan sebuah sekolah rendah di Putrajaya untuk kempen politik Umno.

Sekolah Kebangsaan (SK) Putrajaya Presint 14 baru-baru ini mendapat perhatian ramai apabila mengadakan sambutan kemerdekaan bertemakan 'Umno dan Kemerdekaan' yang telah dirasmikan Adnan yang juga Setiausaha Agung Umno.

Aminolhuda yang juga bekas guru mahu kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan tidak berlepas tangan dengan kejadian yang berlaku.

Selama ini, kata Adun Parit Yaani itu, kerajaan BN menghalang keras pembabitan kakitangan kerajaan termasuk guru dalam politik khususnya politik pembangkang namun kini pemimpin Umno sendiri berkempen secara terang-terangan di premis milik kera-

jaan dan membabitkan kanak-kanak sekolah.

"Perkara ini tidak sepatutnya dilakukan apatah lagi membabitkan seorang menteri serta Setiausaha Agung parti pemerintah. Kami khuatir perkara yang dilakukan itu akan menjadi ikutan pemimpin pada masa akan datang," ujar Aminolhuda.

Beliau seterusnya menggesa Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno agar mengenakan tindakan disiplin terhadap Adnan yang secara jelas menyalahgunakan kuasa.

Ini, katanya bagi membuktikan Umno dan BN sebagai parti yang bermaruah dan berprinsip seperti sering didakwa. Beliau juga kesal apabila kanak-kanak yang masih di bangku sekolah dijadikan bahan tunggangan politik.

"Saya mendesak Perdana Menteri yang juga Presiden Umno untuk menunjukkan sikap terhadap tindakan Setiausaha Agung Umno dengan mengambil tindakan disiplin jika benar-benar beliau berprinsip," tegasnya lagi.

Banyak pusat tahfiz gagal patuhi keselamatan

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendapati banyak pusat tahfiz di seluruh negara masih gagal mematuhi peraturan keselamatan kebakaran yang ditetapkan.

Walaupun tragedi kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiah di Kuala Lumpur pada 14 Sept lalu meragut 23 nyawa, pemeriksaan JBPM mendapati 76 pusat tahfiz dan sekolah pondok masih tidak menepati tahap keselamatan termasuk laluan keselamatan terhalang.

Turut dikesan wujud aktiviti memasak di dalam asrama, jumlah penghuni dan katil yang terlalu padat serta penyambungan atau pendawaian elektrik yang berlebihan.

Hal tersebut didedahkan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM Datuk Soiman Jahid dan pihaknya telah memberikan notis kepada kesemua premis terbabit agar mengambil langkah segera bagi mematuhi peraturan keselamatan kebakaran.

Menurutnya, Jawatankuasa Khas JBPM sejak 24 Sept lalu perlu memeriksa sebanyak 1,200 pusat tahfiz dan sekolah pondok sama ada berdaftar atau tidak.

Sehubungan itu, 228 daripadanya telah diperiksa oleh jawatankuasa tersebut setakat minggu lalu manakala pemeriksaan ke atas premis lain diteruskan sehingga 19 Oktober ini.

Laporan penuh kemudiannya akan diserahkan kepada kerajaan untuk dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet.

Soiman dilapor berkata, pihaknya pada tahap permulaan mahu memastikan aspek peraturan asas dipatuhi pemilik pusat tahfiz dan sekolah pondok sebelum ke peringkat selanjutnya termasuk penyediaan tangga yang mencukupi.

Dalam perkembangan berkaitan, di KELANTAN, JBPM negeri setakat bulan lalu mendapati kurang dua peratus atau hanya tiga daripada 163 sekolah pondok di negeri itu memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

Bagaimanapun Pengarah JBPM Kelantan, Nazili Mahmood dilapor berkata, 146 sekolah pondok mempunyai surat sokongan dari jabatan itu selepas pemilik premis melakukan pengubahsuaian struktur bangunan selain memperbaiki sistem pendawaian elektrik.

Kesemua premis yang memperoleh surat sokongan JBPM itu berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Di TERENGGANU, sebanyak 25 pusat pengajian Islam dikesan tidak berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dengan 14 daripadanya sekolah pondok atau madrasah manakala masing-masing tiga bagi Sekolah Agama Rakyat (Rendah dan Menengah) serta Sekolah Rendah Agama (SRA) Negeri.

Selain itu, dua SRA Swasta dan masing-masing satu bagi maahad tahfiz swasta, Sekolah Menengah Agama (SMA) Swasta dan SRA Rakyat.

JBPM Terengganu pula setakat 17 September lalu telah memeriksa 12 daripada 47 pusat tahfiz yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam).

Pihak JBPM negeri itu mendapati beberapa

premis yang diperiksa gagal mematuhi sistem keselamatan kebakaran terutama dari segi laluan keluar ketika kecemasan selain alatan pemadam kebakaran yang perlu diservis dengan baik.

Di KEDAH, terdapat 147 buah pusat tahfiz, pondok serta sekolah agama rakyat berdaftar dengan JBPM. Namun, kira-kira 80 peratus daripada 118 premis tersebut yang diperiksa gagal mematuhi aspek keselamatan kebakaran.

Di PERAK, 49 daripada 64 pusat tahfiz di negeri itu telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) setakat pertengahan September lalu ekoran program pemutihan sejak awal tahun ini.

Sebanyak 15 lagi premis yang tidak berdaftar itu dikesan selepas JAIPK turun padang dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Di SELANGOR, terdapat 402 pusat tahfiz dan sekolah pondok dengan 104 daripadanya telah diperiksa semula oleh JBPM negeri sejak 21 September lalu.

Walau bagaimanapun, majoriti daripada premis yang diperiksa itu didapati masih mempunyai hanya satu pintu keluar jika kecemasan sama seperti kes di Kampung Datuk Keramat.

JBPM Selangor pada 26 September lalu mendedahkan premis terbabit juga tidak sempurna sistem pendawaian dan tiada alat pemadam api.

Di NEGERI SEMBILAN, terdapat 148 sekolah aliran agama berdaftar di seluruh negeri itu dengan antaranya memiliki asrama penginapan murid terlalu sempit.

Di MELAKA, 72 peratus atau 38 daripada 53 sekolah agama swasta di negeri itu membabitkan seramai 3,115 pelajar berisiko terdedah bahaya apabila tidak menepati piawaian pelan keselamatan bangunan.

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dilapor berkata, jumlah tersebut merangkumi 14 sekolah agama di daerah Melaka Tengah dan masing-masing 12 di Alor Gajah dan Jasin.

Di JOHOR, terdapat 19 pusat pengajian Islam swasta masih belum berdaftar seperti didedahkan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dua hari selepas tragedi kebakaran maut menjelang Subuh di Kuala Lumpur itu.

Daripada jumlah itu, 15 adalah madrasah tahfiz manakala masing-masing dua SMA Swasta dan SRA Swasta.

Berbeza dengan negeri lain, PERLIS menyaksikan kesemua 12 pusat tahfiz yang berdaftar dengan pihak JBPM selamat dan memenuhi piawaian ditetapkan berikutan struktur bangunannya yang sama seperti sekolah kebangsaan.

Bagi membolehkan sistem keselamatan di maahad tahfiz ditingkatkan, pemilik pusat pengajian itu di seluruh negara diseru mengemukakan pelan premis masing-masing kepada pihak bomba.

Dalam hal berkaitan, Ketua Kluster Governors, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud berkata, pemilik pusat tahfiz antara pihak yang boleh didakwa mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksaan menyebabkan kematian secara cuai.

Pengusaha pusat tahfiz perlu berlapang dada dengan kritikan

PENGARAH Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin menyeru pengusaha pusat tahfiz agar berlapang dada dengan kritikan berhubung kualiti institusi pengajian itu.

Menurutnya, banyak aspek berkaitan pusat tahfiz yang perlu diperbaiki dan bukannya menggunakan agama sebagai dalih untuk menutup kelemahan.

"Pengusaha pusat tahfiz mesti akur, pusat tahfiz mereka banyak, bahkan sangat banyak kelemahan yang mesti diperbaiki. Bukan saja prasarana fizikal, tetapi pelbagai aspek lain terutama pedagogi pendidikan.

"Pusat tahfiz tidak boleh bergayut pada dahan agama, kemudian menarik sentimen orang ramai untuk bergayut pula pada dahan mati syahid untuk memperjudikan nyawa dan masa depan anak-anak," ujarnya.

Mengulas satu kuliah agama seorang ustaz dari Kodiang, Kedah baru-baru ini yang mengancam kritikan Mufti Perlis berhubung isu

keselamatan membabitkan pusat tahfiz, beliau menggesa agar teguran Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin itu diterima secara positif.

"Terdengar kuliah agama seorang ustaz dari Kodiang yang membalas kritikan Mufti Perlis berhubung isu pusat tahfiz yang mengabaikan aspek keselamatan sehingga menyebabkan korban nyawa, terasa seperti bukan mendengar kuliah agama, tetapi mendengar maki hamun agama.

"Jika fokus ustaz itu adalah menghuraikan hadis berkaitan galakan menghormati ulama, hurailah secara ilmu, beretika dan menghormati pendengar kuliahnya. Jika nak jawab komentar Mufti Perlis dalam isu itu, jawablah juga secara berhemah dan profesional," tegasnya.

Dr Asri sebelum ini dilapor berkata, soal kecuai dan penipuan mana-mana pihak yang bertanggungjawab perlu diambil berat kerana nyawa anak-anak tahfiz lebih bernilai.

Jika mereka masih hidup tentu banyak sumbangan yang boleh

diberikan, ujarinya kepada Astro Awani pada hari sama tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiah yang meragut 21 nyawa pelajar dan dua guru, 14 Sept lalu.

Beliau turut mendedahkan wujudnya sebahagian pengusaha pusat tahfiz yang bergaya hidup mewah tetapi sekolahnya begitu daif walaupun derma orang ramai mencurah-curah.

Mengulas lanjut, Ustaz Zolkharnain berkata, sekiranya Mufti Perlis itu mempunyai hak untuk mengkritik, pihak yang terlibat juga memiliki hak untuk menjawab.

"Saya tidak nampak sebarang kejelekan dalam kritikan Mufti Perlis dalam isu ini. Justeru, mengapa perlu direspon dengan mengungkit perkara lama yang tiada kaitan dengan isu, meremehkan keluarga dan menyerang peribadi secara keterlaluan? Jawab isu yang berbangkit cukuplah.

"Dalam banyak hal, kritikan Mufti Perlis terhadap pusat tahfiz dan

pengusahanya adalah benar. Pusat tahfiz terabai aspek keselamatan tapi pengusahanya pakai VW model baru.

"Bukan salah pakai VW, tapi seiringkan 'life style' pengusaha yang pakai VW dengan langkah keselamatan anak-anak tahfiz. Itu saja isunya," jelas bekas pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Perlis itu di Facebook.

Menurutnya, pengusaha pusat tahfiz mesti membuktikan secara praktikal bukan secara sumpah seranah bahawa pusat tahfiz mereka tidak seperti yang dikritik Mufti Perlis bahkan lebih baik daripada pusat pengajian yang Dr Asri dan rakan-rakannya usahakan.

"Bahkan, saya sarankan supaya pengusaha pusat tahfiz mengadakan hubungan atau MoU (memorandum persefahaman) dengan pusat pengajian yang diusahakan oleh Mufti Perlis dan rakan-rakannya melalui langkah perkongsian pintar.

"Anak-anak adalah harta negara, agama dan umat. Kudrat, potensi dan nyawa mereka tidak seharusnya

diperjudikan untuk memenuhi keghairahan pengusaha pusat tahfiz yang punya agenda tersendiri yang kadang-kadang berselindung di sebalik nama tahfiz al-Quran.

"Memang ada pengusaha tahfiz yang tulus, jujur dan punya tujuan terpuji, tapi tak boleh dinafikan ada yang bertujuan sebaliknya," katanya.

Pada masa sama, Ustaz Zolkharnain berharap masyarakat tampil berani untuk mengkritik institusi agama termasuk institusi tahfiz, masjid, jabatan agama bahkan jabatan mufti jika memberi imej dan persepsi kurang baik kepada Islam.

"Agama ini milik semesta alam, bukan milik mufti, jabatan agama, pusat tahfiz atau agamawan. Rahmat agama tiada sempadannya.

"Agama bak hujan yang menyirami apa dan sesiapa saja tanpa pilih kasih. Jika sayangkan agama, berilah hak kepada agama untuk menjadi rahmat bukan menjadi candu kepada umat," ujarnya lagi.

Insiden roboh rumah pegawai masjid dikesali

Oleh **ARIF ATAN**

Foto **WAN ZAHARI WAN SALLEH**

SUBANG: AMANAH Selangor menyifatkan perobohan kediaman dan kedai bekas pegawai Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang 4 Okt lalu dapat dielak jika semua pihak bekerjasama.

Pengerusinya, Izhah Hashim berkata, keluarga terlibat masih dalam proses mahkamah untuk menuntut pampasan yang lebih setimpal.

"Pagi ini nampaknya mereka (badan berkuasa) mengambil jalan yang kasar merobohkan rumah terlibat. Mereka sudah puluhan tahun tinggal di sini walaupun bukan lagi pegawai masjid.

"Mereka telah pun pergi (bawa kes) ke mahkamah dan prosesnya belum selesai. Mereka masih di peringkat membuat rayuan untuk menyelesaikan isu pampasan ini," ujarnya kepada pemberita.

Beliau ditemui hadir di Lot 1210 Mukim Sungai Buloh yang dihuni dua keluarga iaitu Abdul Razak Said dan Yaakob Abdul sejak 1996.

Lokasi tersebut berada dalam kawasan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah tetapi dimiliki Malaysian Airports Holdings Berhad (MAHB), agensi di bawah kerajaan pusat.

Menurut Izhah, dua keluarga terbabit juga sebenarnya sudah bersedia untuk mengosongkan lot

tersebut tetapi memerlukan tempoh bagi tujuan perbincangan lanjut berhubung jumlah pampasan.

"Kita meminta kerjasama semua pihak untuk menyelesaikan isu ini di meja rundingan.

"Walaupun kita faham tanah ini milik MAHB dan arahan dikeluarkan mengikut Kanun Tanah Negara untuk merobohkan premis ini, tapi kita yakin jalan penyelesaian dengan cara baik boleh dicari jika semua pihak bekerjasama.

"Kita difahamkan tawaran (pampasan) hanya RM5,000 yang dibayar secara ansuran atas usaha mereka selama ini. Kita memandang ini sebagai satu penindasan," tegasnya lagi.



Izhah (tengah) bersama Faiz Fadzil (kiri) dan Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub di lokasi ketika operasi perobohan di Subang.

PTD Petaling patut hormati proses undang-undang

TIMBALAN Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil menegaskan pihak Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Petaling wajar menghormati proses undang-undang bukannya merobohkan dua rumah kedai yang didiami dua keluarga pegawai Masjid Lapangan Terbang Subang.

Pada masa sama, ujarnya, tindakan pejabat tanah berkenaan serta Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) merobohkan kesemua premis terbabit sepatutnya tidak berlaku.

"Kita menggesa pejabat tanah dan MBSA untuk menghormati proses undang-undang. Seharusnya tindakan meroboh ini ditangguhkan.

"Ini satu perkara yang begitu mendukacitakan memandangkan mereka adalah orang lama yang

banyak menyumbang jasa dalam perkembangan syiar Islam di kawasan ini, ujarnya kepada pemberita di lokasi tersebut.

Peguam berkenaan yang dalam kunjungan kali kedua memaklumkan perbincangan dengan pemilik premis terlibat akan dilakukan bagi tindakan selanjutnya.

"Kami mengharapkan agar pembelaan terhadap pemilik premis ini dititikberatkan oleh kerajaan negeri Selangor," ujarnya lagi.

Sementara itu, Pengerusi AMANAH Selangor, Izhah Hashim yang turut berada di lokasi berkata, arahan tersebut adalah daripada pihak Kerajaan Persekutuan tetapi menggunakan jentera di bawah kerajaan negeri.

"Arahan (merobohkan) ini

datang daripada Persekutuan tapi menggunakan pejabat tanah dan PBT (pihak berkuasa tempatan) di negeri Selangor.

"Ini yang kita rasa sangat terkilan kerana mereka yang berkehendakkan tindakan ini (meroboh) dibuat tetapi menggunakan logistik dan tenaga daripada Kerajaan Negeri Selangor," tambah Izhah lagi.

Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Burok Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi turut hadir di lokasi dan cuba menghalang tindakan meroboh itu namun gagal.

Arahan Menteri Besar Selangor pada saat akhir agar kerja-kerja meroboh itu dihentikan tidak dihiraukan pegawai bertugas.

Azmin bidas Noh isu roboh rumah di Subang

MENTERI Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali membidas Tan Sri Noh Omar yang didakwa mempunyai kuasa lebih mutlak menentukan sebarang keputusan membabitkan isu perobohan tiga rumah dan dua kedai di pekarangan Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (LTSAA) di Subang, 4 Okt lalu.

Beliau berkata, sepatutnya Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu yang membuat panggilan telefon untuk menghentikan kerja-kerja meroboh kerana tanah berkenaan milik Kerajaan Persekutuan.

Sebelum ini Noh mendakwa beliau boleh menghentikan perobohan itu dengan hanya membuat panggilan

telefon.

"Suruh dia patuh undang-undang. Tanah itu tanah Kerajaan Persekutuan. Patutnya dialah yang buat panggilan itu," kata Azmin kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Skim Smart Sewa di Bandar Kinrara, 7 Okt lalu.

Rumah dan kedai tersebut sebelum ini didiami bekas ahli jawatankuasa masjid LTSAA dan tindakan merobohkannya dijalankan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Bagaimanapun, prihatin terhadap kemelut berkenaan, Kerajaan

Negeri menawarkan inisiatif kediaman di Pusat Perumahan Rakyat (PPR), Kota Damansara kepada dua keluarga terlibat.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri turut bersetuju membiayai kos sewa unit-unit kediaman baru bagi tempoh enam bulan sebelum unit-unit berkenaan ditawarkan kepada dua keluarga berkenaan.



Mohamed Azmin Ali

SPRM perlu reputasi bukan bangunan gah



SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu menjadi agensi antirasuah bertaraf antarabangsa tanpa memerlukan bangunan yang gah.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang berkata, SPRM tidak perlu bangunan ibu pejabat yang begitu mahal, berlebihan-lebihan dan besar untuk memberikan perkhidmatan bertaraf global.

"Apa yang penting adalah SPRM mempunyai ibu pejabat yang sederhana namun memiliki reputasi global yang mantap sebagai agensi antirasuah bertaraf antarabangsa dalam memerangi rasuah tanpa rasa takut dan pilih kasih, tidak kira melibatkan 'jerung', 'hari-mau', atau 'buaya,'" katanya.

Beliau mengulas ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sewaktu merasmikan kompleks baru SPRM di Putrajaya, 1 Okt lalu.

Najib dalam ucapannya mendakwa bangunan itu adalah kompleks agensi antirasuah terbesar di dunia.

Beliau berkata pembinaan kompleks baharu itu manifestasi kerajaan dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Hentikan genosid ke atas Rohingya

SULTAN Perak Sultan Nazrin Shah mahu mereka yang berkuasa mempunyai keberanian untuk menghentikan genosid yang dilakukan pemerintah Myanmar ke atas etnik Rohingya.

"Kita tidak boleh membenarkan perasaan bimbang mengganggu jiran kita atau takut dituduh campur tangan atau khatir menjejaskan perdagangan serantau daripada menghalang kita menyuarakan kebimbangan dan perhatian berat terhadap apa yang berlaku di wilayah Rakhine," kata beliau.

Ketika bertitah pada majlis jamuan malam untuk mengumpul dana bagi masyarakat Rohingya baru-baru ini, Sultan Nazrin menarik perhatian bahawa dalam kes Rohingya, hampir semua kriteria genosid yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) terpakai.

PBB pada 1948 mentakrifkan genosid sebagai tindakan yang dilakukan dengan niat untuk melenyapkan secara keseluruhan atau sebahagian kumpulan etnik, kaum atau agama termasuk membunuh anggota masyarakat itu, menyebabkan kemudaratan tubuh atau mental yang serius terhadap anggota kumpulan masyarakat itu.

PELBAGAI bentuk promosi dilaksanakan Sekretariat Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi bagi menarik rakyat menyertai himpunan yang bakal berlangsung di Padang Timur Petaling Jaya, 14 Oktober ini.

Antara aktiviti praperhimpunan yang dilaksanakan di seluruh negara adalah flashmob.

Sambutan orang ramai terhadap flashmob Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi begitu memberangsangkan apabila pengguna jalan raya membunyikan hon tanda sokongan.

Flashmob yang berlangsung juga dijadikan medan untuk para aktivis Pakatan Harapan (PH) menjelaskan tentang tujuan perhimpunan diadakan.

Risalah penerangan diedarkan kepada orang ramai yang begitu teruja untuk mengetahui tentang kleptokrasi dan bahayanya kepada rakyat dan negara.

Lima tuntutan perhimpunan Sabtu ini seperti digariskan sekretariat adalah mendesak kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

dan Felda; mengembalikan semua aset dan wang rakyat yang telah dirompak; menangkap Malaysian Official No 1 (MO1) yang disebut dalam laporan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ); membebaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada sebarang tekanan; dan menghapuskan amalan sistem 'rundingan terus' (direct tender) dalam sebarang kontrak kerajaan.

Flashmob pelat ke Himpunan 14



Menarik perhatian pengguna jalan raya di persimpangan lampu isyarat.



Seorang pemandu teksi menyatakan sokongan terhadap himpunan 14 Oktober.



Berucap menjelaskan tentang tujuan perhimpunan kepada orang ramai.



Naib Ketua Pemuda AMANAH Shazni Munir Mohd Ithnin mengedarkan risalah kepada orang ramai.

Flashmob Pemuda yang berlangsung

hwa rakyat 4 Oktober

Turut sama menyertai flashmob sesuai solat Jumaat.



Mempamerkan poster himpunan antikleptokrasi di hadapan pasaraya Sogo, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.



AMANAH di Ipoh.



Menarik perhatian orang ramai untuk turut sama menyertai himpunan.



Flashmob selepas hujan di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.



Mengedarkan risalah kepada pengguna jalan raya di hadapan Masjid Jamek Kuala Lumpur



IMPAK MAKSIMA... Peserta aksi kilas Sayangi Malaysia anjuran Pemuda Pakatan Harapan Perak di Medan Gopeng Ipoh, 11 Oktober lalu dilihat paling ramai dalam satu-satu aksi berbanding negeri lain dengan pengguna jalan raya memberi reaksi positif.



TARIK PERHATIAN... Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda bersama kumpulan Pemuda Pakatan Harapan negeri dalam aksi kilas (*flashmob*) di Chukai Kemaman menjelang Himpunan Sayangi Malaysia Hapus Kleptokrasi.



IDEA KREATIF... Pemuda AMANAH Kelantan berjaya menyiapkan tiga unit Buaihan Cinta di Pantai Kubu, Kampung Pulau Kundor di Pengkalan Chepa dalam usaha memperindah pesisir pantai yang sebelum ini terkenal dengan kubu pertahanan penjajah British.



FORUM LANCAR... Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda AMANAH Nasional, Dr Tazli Azizan sebagai moderator bagi slot forum dalam Wacana Pendidikan Nasional 2017: Membina Negara Bangsa di Institut Darul Ehsan (IDE), 7 Oktober lalu.



KONGSI RASA... Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Mohd Asmirul Anuar Aris berkongsi cerita bersama keluarga Azam dalam kunjungan di Padang Lalang, 11 Oktober lalu. Satu katil baru disumbangkan kepada Azam yang terlanter selepas kemalangan Ogos lalu.



LUASKAN HARAPAN ... Antara peserta aksi kilas anjuran Pemuda Pakatan Harapan Johor yang mengambil bahagian dalam kempen himpunan Sayangi Malaysia di persimpangan lampu isyarat Angsana/LHDN Tampoi ketika waktu puncak petang hari bekerja.



NYARING HON... Aksi kilas Hapus Kleptokrasi oleh Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan berdekatan Masjid Jamek menjelang himpunan di Petaling Jaya disambut nyaring sahutan hon sebagai tanda sokongan daripada sebahagian pemandu.



SEMUA ADA... Lokasi sekitar Simpang 4 Melaka Sentral meriah dengan lebih 20 peserta aksi kilas pelbagai kaum yang terdiri daripada Pemuda Pakatan Harapan Melaka. Beberapa anggota ARiF turut mengawal keselamatan.

Tekanan HEP rencat demokrasi kampus

Kelolaan **ARIF ATAN**

Tekanan pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) di universiti awam terhadap penuntut dilihat merencatkan perkembangan demokrasi di kampus, tegas Timbalan Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional, Khuzairi Mazlan.

Pada masa sama, sikap sebahagian kumpulan mahasiswa yang terlalu menonjolkan kepartian luar, ujarinya, turut menyumbang kepada kebosanan pelajar untuk keluar mengundi dan memilih secara sihat di kampus masing-masing.

Menurutnya, keputusan Pilihan Raya Kampus (PRK) bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2017/2018 kali ini juga boleh dilihat sebagai simbol protes terhadap budaya politik pemimpin di tanah air.

"Sikap ahli politik atau parti me-



nyebabkan generasi muda kekok atau muak. Kepercayaan dan harapan generasi muda kepada pemimpin dan parti politik hilang.

"Mahasiswa bosan apabila rata-rata orang politik sibuk mempolitikkan isu remeh sehingga tidak nampak anjakan atau aksi politik itu untuk menyelamatkan negara," jelasnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah.

Mengulas tentang kurang 10 peratus mahasiswa mendaftar sebagai pemilih seperti didedahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) baru-baru ini, beliau berpendapat pelajar hari ini seolah-olah ditanam dalam pemikiran mereka bahawa kerajaan dan pembangkang sama sahaja.



Khuzairi Mazlan

"Rata-rata mahasiswa mahu melihat perubahan dengan cepat. Walhal, untuk buat sesuatu, perlukan usaha semua pihak tanpa ada yang berkecuali tetapi malangnya generasi ini masih belum boleh fikir ke tahap itu," ujarinya.

Akhir bulan lalu, SPR mengangap kesedaran dalam kalangan golongan muda berusia 21 hingga 39 tahun untuk mendaftar sebagai pengundi masih rendah.

SPR juga mendapati kurang 10 peratus atau hanya 2,700 daripada 30,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang didekati pada Program Pendidikan Pengundi sejak Februari lalu berdaftar sebagai pengundi.

Sehubungan itu, Khuzairi berkata, rekod Pro-Aspirasi atau Penggerak menawan Universiti Awam (UA) bukan kayu penguukur kecenderungan mahasiswa kepada BN.

"Semua sedia maklum kumpulan tersebut dikawal, diurus dan didoktrin oleh siapa. Jika mereka tidak menyokong (Pro-Aspirasi),

akan datang tindakan pula menyusul sehingga menjejaskan kehidupan mereka di kampus," tambahnya lagi.

PRK tahun ini menyaksikan kekalahan teruk kumpulan Pro-Mahasiswa termasuk di universiti yang dikenali sebagai aktif dengan aktivisme pelajar.

Bagaimanapun, Universiti Malaya (UM) setakat awal bulan ini masih kekal sebagai kampus yang paling banyak dimenangi kumpulan Pro-Mahasiswa iaitu 10 kerusi, diikuti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM (4) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI (2).

Sementara itu, blok Pro-Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) masing-masing menang satu kerusi.

Di UM, Pro-Aspirasi dikenali sebagai Penggerak Mahasiswa yang dikatakan mendapat 'restu' HEP menang walaupun Pro-Mahasiswa tampil dengan sembilan tawaran termasuk penyelarasan

merit fakulti dan persatuan secara sistematik.

Gabungan terdiri daripada Demokrat, Angkatan Mahasiswa dan Umany itu juga melalui Agenda Mahasiswa menggariskan penstrukturan subjek Elektif Luar dan ko-kurikulum selain penetapan harga siling makanan di kafeteria di seluruh kampus itu.

Walaupun media BN mengaitkan mereka sebagai pro-pembangkang tetapi perjuangan berasaskan kepentingan pelajar adalah prinsip gerakan terbabit seperti telah ditegaskan antaranya oleh Angkatan Mahasiswa.

Keputusan PRK UM pada 28 September lalu menyaksikan Penggerak memenangi 29 daripada 41 kerusi manakala Gabungan Pro-Mahasiswa hanya menang tujuh kerusi.

Gerakan mahasiswa Islam, Neosiswa pula menguasai tiga kerusi dan satu lagi kerusi dimenangi calon bebas dengan sebanyak 65 peratus atau 8,966 penuntut keluar mengundi.

Tugas berat didik pengundi

Mahasiswa mempunyai tugas yang berat menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) iaitu memberi didikan politik kepada para pengundi untuk memilih wakil yang betul dan berkaliber, kata aktivis pelajar Rahman Imuda.

Menurutnya, mahasiswa harus memberi pencerahan kepada golongan pengundi untuk turun mengundi dan memilih dengan betul jika mahu tempoh empat hingga lima tahun akan datang 'punya wakil' di Parlimen.

"Tugas ini lebih sukar berbanding meyakinkan rakan-rakan di kampus kerana mahasiswa sering dilihat sebagai kumpulan yang masih mentah lagi, terutamanya untuk berbicara

tentang hal-hal politik.

"Jika mengundi dengan salah, maka keghaiban wakil rakyat di Parlimen akan menyebabkan hak-hak pengundi terabai. Jika sudah tidak percaya pada politikus, maka percayalah memberi kepintaran kepada rakyat akan melahirkan kerajaan yang lebih baik," dipetik daripada artikelnya.

Penulis buku *'Mahasiswa Bukan Macai Pendidikan Bukan Politik'* itu juga menegaskan rakyat yang pintar tidak akan membiarkan pemerintah melakukan aksi-aksi yang merugikan rakyat.

Mengulas momentum PRU-14 berbanding pilihan raya sebelum itu, beliau menganggap aksi-aksi

mahasiswa pada PRU-13 kelihatan lebih rancak.

"Lebih-lebih lagi ia merupakan kali pertama AUKU membenarkan keterlibatan mahasiswa dalam pentas politik. Paling penting, koalisi politik di pihak pembangkang juga kelihatan begitu ampuh dan mampu memberi sinar harapan kepada rakyat Malaysia.

"Itu adalah zaman anak muda dan mahasiswa merasakan wujud harapan pada politik negara, seterusnya menjadi pemangkin untuk mereka turut serta dalam gelombang perubahan," ujarinya.

Jelasnya, keadaan itu seperti sudah berlalu dan tidak berlaku menjelang PRU-14 ini lantaran kebanyakan anak

muda dan mahasiswa menghidap sindrom 'political fatigue'.

"Mereka sudah tidak kisah apa yang berlaku dengan politik negara, kerana pemain-pemain politik negara tidak mampu memberi keyakinan kepada golongan ini," tambahnya lagi.

Gaji bidang STEM tidak berganjak?

KOS pengajian bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang tinggi tidak berbaloi dengan pendapatan yang bakal diperoleh graduan jurusan itu.

Walaupun kerajaan menggalakkan pelajar mengambil STEM sama ada di universiti awam atau swasta tetapi imbuhan yang ditawarkan dibimbangi kerana begitu rendah.

Luah individu dikenali 'Ibu Bapa Risau' baru-baru ini, gaji permulaan graduan STEM masih dalam lingkungan jumlah sama seperti hampir 20 tahun lalu sekitar RM1,600 dan RM2,200 sebulan.

"Bayangkan dengan kos sara hidup

meningkat berkali ganda dan beban hutang yang perlu ditanggung graduan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), mereka masih menerima gaji pokok bulanan seperti di era 90-an.

"Usahlah kita bercakap tentang pendapatan per kapita kerana keadaan itu sama sekali tidak menggambarkan kemelut sebenar," ujarinya dari Dungun, Terengganu dipetik daripada sebuah akhbar.

Akibatnya, pengadu itu berpendapat generasi muda yang jauh lebih miskin berbanding ibu bapa mereka bukan sahaja bertambah bahkan berisiko tinggi menjadi muflis.

Usaha gigih raih keunggulan

DR Siddiq Fadzil menganggap bingkai kesatuan bagi kepelbagaian di negara ini masih terasa rapuh walaupun lebih separuh abad merdeka.

Menurutnya, pendidikan menjadi kunci kepada pembinaan bangsa melalui bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan.

Pengarang melalui *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan* (2016) ini mengenyangkan akal budi kita dengan enam makalah yang berkisar cabaran dalam menterjemahkan makna Rahmat Sejahtera atau *Rahmatan Lil Alamin*.

Satu lagi makalah berupa transkrip ucapan beliau di Wacana Kenegaraan tahun lalu yang antara lain menyeru kita mening-



galkan premis pemikiran dhimmiy harbi kerana orang bukan Islam di negara ini adalah muwatimun (warganegara).

Diterbitkan Institut Darul Ehsan (IDE), Dr Siddiq mengangap paksan terhadap rakyat agar menerima pendapat penguasa dan mencabul kebebasan media adalah sejenis al-irhab al-fikriy (terorisme pemikiran). Beliau bertegas tidak harus

ada paksan untuk sesuatu pendapat dipersetujui dalam sebuah masyarakat demokratik sebaliknya perlu berlapang dada dengan kepelbagaian pendapat sebagai ikhtilaf yang membawa rahmah.

Apakah set nilai yang menjadi asas kepada keharmonian antara golongan beragam dan pelbagai? Kemanusiaan, persamaan dan keadilan. Itu yang ditekankan Dr Siddiq.

Pada ketika ramai mahu dilihat unggul, Dr Siddiq sudah berpesan: "Keunggulan harus diraih dengan usaha gigih membina kekuatan watak berasaskan iman dan nilai-nilai murni".



Apa kita cari pada sastera?

MINGGU lepas saya tulis "Apa kita cari pada puisi", sempena satu majlis bicara buku puisi seorang penyair baru di Seremban. Minggu ini saya tulis pula "Apa kita cari pada sastera", sempena satu pertemuan dengan sekumpulan anak muda yang menjemput saya bercakap mengenai sastera, di Kuala Lumpur.

Saya berfikir apakah yang seharusnya saya capak dengan mereka? Anak-anak muda sekarang - fikiran mereka agak berbeza; sikap mereka juga agak berbeza. Di kalangan mereka sendiri pun, mereka berkelompok-kelompok. Masing-masing dengan cara dan jalan masing-masing.

Saya termasuk generasi tua - sudah berumur 68 tahun. Memang terdapat perbezaan pemikiran dan sikap antara generasi tua dengan generasi muda. Bukan sengaja kita hendak membezakan kerana pilihan tertentu, tetapi memang alamiahnya berbeza.

Dalam hal-hal tertentu kita mungkin boleh memilih untuk tidak mahu adanya atau tidak mahu mengakui adanya perbezaan. Secara sedar kita berusaha untuk tidak berbeza. Tetapi secara tidak sedar ada faktor alamiah yang menghadirkana perbezaan. Maka saya mengaku sajalah: memang terdapat perbezaan.

Namun saya fikir itu tidaklah menjadi hal/masalah kepada saya. Yang nak dibicarakan ialah mengenai sastera. Sesama orang dewasa atau orang tua pun terdapat perbezaan dalam pelbagai hal/perkara mengenai sastera. Sesama orang muda pun demikian. Jadi apakah nak di-bimbangkan soal perbezaan generasi!

Sastera adalah sastera. Bagi sesiapa pun, sastera itu sama. Memang ada sastera untuk kanak-kanak, untuk remaja dan untuk dewasa. Tetapi di sini kita tidak bermaksudkan sastera yang untuk kanak-

kanak dan untuk remaja itu. Yang kita maksudkan di sini ialah sastera yang untuk semua.

Misalnya novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnon Ahmad. Ia sebuah novel untuk semua, generasi muda mahupun generasi tua. Anda suka atau anda tak suka novel itu, itu cerita lain. Itu selera sastera anda, dan itu nilai seni anda. Anda berhak untuk punya selera dan nilai seni anda sendiri; samada anda dari generasi muda atau generasi tua.

Kamu mengajak aku bicara, wahai anak-anak muda! Maka aku kira tentunya kamu mahu dengar pandanganku, fikiranku, sikapku, dalam hal sastera. Terus terang saja anak muda. Mari kita bercakap secara terus terang di sini. Aku sudah mencapai usia lanjut di hujung 60-an. Seleraku dan pilihanku tentunya berbeza.

Apabila seseorang sudah mencapai usia lanjut dan sedar diri bahawa waktunya sudah semakin terhad, tentunya dia akan menjadi lebih pemilih. Dalam hal sastera dia tahu bahawa dia tidak mungkin dapat membaca semua atau sebanyak karya yang dia boleh membacanya kalau dia masih muda. Itu menjadikan dia lebih pemilih. Dia akan memilih mana-mana yang dirasanya dia perlu baca sahaja.

Bagaimana saya memilih? Ini yang akan saya ceritakan. Pengalaman memainkan peranan penting. Bagaimana pengalaman itu terjadi - itu satu cerita lain pulalah. Secara mudahnya saya boleh katakan begini: Kamu atau seseorang di antara kamu yang mengajak saya bercakap hari ini tentunya mengenali saya. Dan di dalam diri saya yang dikenalnya itu adalah sekumpulan pengalaman-pengalaman peribadi saya, yang menjadikan saya yang dikenalnya itu.

Okey, kita juruskan percakapan sastera

kita hari ini kepada karya-karya sastera, kerana inilah intinya sastera. Tanpa karya, tiadalah sastera. Sastera itu tumbuh dan menjadi, berkembang dan maju, adalah berdasarkan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh para penulisnya, yakni para sasterawannya.

Pengalaman mengenalkan saya kepada ramai para penulis kita. Hampir semua para penulis sastera di Malaysia, khususnya yang sama generasi dengan saya, saya kenal. Sebahagiannya kenal secara peribadi dan sebahagian lagi kenal melalui karya sahaja. Nah, berdasarkan perkenalan itulah saya membuat pilihan.

Tentulah pilihan saya itu bersifat personal, bukan! Ya, memang bersifat personal. Seperti saya katakan tadi, ia berdasarkan pengalaman peribadi yang terkumpul secara tidak sengaja dan tidak sedar di dalam diri sedikit demi sedikit selama bertahun-tahun sambil saya mendaki usia.

Dan di dalam proses itu jugalah kita membina atau mendapatkan kawan-kawan di sekeliling kita. Dan kawan-kawan di sekeliling kita ini juga turut mempengaruhi proses kita membuat pilihan berkenaan.

Ada banyak perkara yang mempengaruhi proses kita memilih karya sastera yang hendak kita baca, ketika di usia lanjut 60-an. Mengapa saya hendak membaca sesuatu karya, khususnya novel, yang akan mengambil waktu saya selama beberapa hari untuk menghabiskannya? Saya mesti ada sebab dan dorongan tertentu, untuk saya memberikan berhari-hari waktu saya yang sangat berharga itu, kepada sesebuah novel.

Sebagai contoh, saya mungkin mendapat maklumat ada novel yang sedang menarik perhatian ramai, kerana dikatakan bagus. Perkara pertama yang kita nak tahu, siapa-



TEKAD BUDAYA
DINSMAN

kah penulisnya? Ah, penulis itu! Saya kenal dia, dan saya tak suka dia. Saya tak suka dia kerana sikap dia yang hipokrit. Orang lain mungkin tak tahu, tetapi saya tahu, berdasarkan pengalaman peribadi saya.

Orang lain mungkin tak kesah sama ada novelis itu hipokrit atau tidak; kerana yang penting bagi mereka ialah karya seninya, bukan orang yang menghasilkannya. Betul, ramai orang yang tak kesah. Saya tahu. Tetapi saya kesah; dan saya tak mahu berikan berhari-hari waktu saya kepada orang hipokrit itu, dengan membaca novelnya. Biarlah novelnya dikatakan bagus pun.

Kecuali ... ya, kecuali kalau novel itu dikatakan sangat-sangat bagus nilai seninya, hingga saya berasa kerugian kalau tidak membacanya. Tetapi setakat ini belumlah ada lagi yang begitu.

Bagaimana pula dengan pengkarya yang saya tak kenal? Contohnya saya tak kenal siapa dia Fahmi Mustaffa, tetapi maklumat melalui fesbuk merangsang saya untuk membaca novelnya Laknat. Dan saya baca. Dan saya suka novel itu. Saya menulis memujinya.

Razali Endun barangkali bukan nama yang ada dalam senarai novelis yang diminati di kalangan ramai peminat sastera kita. Tetapi saya baca semua novelnya. Sebab apa? Sebab dia kawan saya yang sama seperjuangan dalam kumpulan NGO seni-budaya, Seniman Paksi Rakyat (Paksi). Dan saya beberapa kali menulis tentang novel-novelnya, sebelum Nenek diangkat untuk Hadiah Sastera Perdana 2014. ■

Menjangka prospek Pilihan Raya Umum Ke-14

Oleh **ABU FIRDAUS**

DALAM satu majlis pelancaran buku Dr Syed Husin Ali pada 7 Oktober lalu yang bertajuk Sejarah Rakyat Malaysia, seorang tokoh ekonomi negara berkata menurut satu tinjauan, lebih 60 peratus rakyat Malaysia menolak Barisan Nasional, namun katanya keadaan politik negara akan kembali seperti pada tahun 1980-an di mana Barisan Nasional memerintah negara dan DAP kuat di pihak pembangkang. Ini kerana pembangkang Melayu berpecah dan lemah.

Tokoh ekonomi dari tahun 1970-an itu berada di pihak pembangkang dan cenderung untuk bersama golongan kiri, yang pada masa itu didominasi oleh Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM) pimpinan Kassim Ahmad, sebelum kemudiannya diganti dengan Dr Syed Husin Ali.

Dalam tahun 1980-an, pilihan raya yang diadakan adalah pada

tahun 1982 dan 1986, kedua-duanya ketika Dr Mahathir Mohamad menjadi Pengerusi Barisan Nasional. Parti pembangkang utama ketika itu ialah PAS dan DAP. PSRM turut serta dalam pilihan raya tetapi tidak memenangi sebarang kerusi. Barisan Nasional memenangi 132 kerusi, DAP peroleh 9 kerusi dan PAS dapat 5 kerusi. BN amat kuat. Sebagai pembangkang DAP juga kira kuat.

Dalam pilihan raya umum 1986, Barisan Nasional peroleh 147, DAP 24 kerusi dan PAS, satu kerusi. Barisan Nasional bertambah kuat. DAP juga bertambah kuat. Pas hampir pupus. Ketika itu Pas menubuhkan Harakah Keadilan Rakyat (HAK) yang turut dianggotai oleh PSRM, Parti Nasionalis Malaysia (Nasma) dan Parti Sepakat Demokratik (SDP). Nasma adalah parti serpihan Umno. SDP adalah serpihan DAP. Pas juga ada parti serpihan ketika itu, iaitu

Hamim dan Berjasa, kedua-duanya menyokong Umno.

Dalam pilihan raya umum 1990, tokoh itu menjadi penasihat pihak pembangkang yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah dengan manifesto bertajuk Selamatkan Malaysia. Parti Semangat 46 mengetuai Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat. Pas, Berjasa dan Hamim sertai Angkatan. DAP dan PSRM sertai Gagasan.

Pilihan raya itu menyaksikan kemenangan Barisan Nasional di 127 kerusi dan Angkatan-Gagasan meraih 48 kerusi. Satu pencapaian besar. Sejak itu Barisan Nasional mula merosot, dengan turun naik, keseluruhannya ia merosot dalam pilihan raya 1995, 1998, 2004, 2008 dan 2013. Jadi bagaimanakah bagi pilihan raya tahun 2017/2018?

Walaupun jadi tiga penjur, antara Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Gagasan Sejahtera dengan di Sabah ada pula Parti

Warisan Sabah, senarionya tidak akan kembali ke tahun 1980-an.

Walaupun katakan bahawa Barisan Nasional boleh memenangi pilihan raya 2017/2018 tetapi ia tidak boleh kembali kuat seperti tahun 1980-an. Tentulah perbezaan jelas antara ketokohan Dr Mahathir Mohamad dengan Najib Razak. Umno pula sudah pecah tiga sejak tahun 1980-an: Parti Semangat 46, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Walaupun pemimpin Semangat 46 sertai UMNO, tetapi pengundiannya kemudian berpindah pada pembangkang lain iaitu Pas dan PKR.

DAP pula tidaklah boleh lebih kuat lagi. Ia boleh tambah kerusi tetapi kedudukannya adalah lebih kurang sama, baik pada tahun 1980-an, mahupun sekarang. Sememangnya undi Melayu berpecah tiga: Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Gagasan

Sejahtera. Barisan Nasional adalah jelas mahu mengaut keuntungan daripada perpecahan undi antara Pakatan Harapan dengan Gagasan Sejahtera.

Tetapi kalau rakyat dapat diyakinkan bahawa apa yang berlaku adalah sebenarnya tetap dua penjur iaitu Barisan-Gagasan lawan Pakatan, maka pertukaran kerajaan boleh berlaku. Ia juga bergantung pada Sarawak dan Sabah. Maka apapun hal, senario sekarang tidak akan membawa kembali keadaan 1980-an.

Buat masa ini, penekanan terhadap Melayu-Islam adalah jelas dibuat oleh Barisan-Gagasan. Pakatan Harapan menawarkan pembaharuan negara dan bangsa Malaysia. Pilihan itu perlu diserahkan untuk rakyat menentukan. Jadi orde lama 1980-an tidak akan boleh dikembalikan. Dr Mahathir sendiri tidak mahu berundur ke belakang. ■

Pakatan harus lebih progresif

MINGGU yang lalu saya tuliskan persoalan tentang perlunya mendirikan falsafah politik buat pakatan pembangkang yang hari ini disebut Pakatan Harapan. Juga saya ajukan betapa pentingnya buat Pakatan menjana lapisan pemimpin baharu yang serba bijaksana. Bunyinya seolah saya ingin mengatakan kalau Pakatan hari ini tiada nilai-nilai seperti yang diajukan.

Sebenarnya bukan tiada, namun yang ditawarkan itu tidak jelas zahirnya. Semakin lama semakin ramai yang menilai kalau yang ditawarkan oleh Pakatan - baik falsafah politik mahupun kepimpinan masa hadapan, tidak jauh beza dengan apa yang dimiliki oleh Barisan Nasional. Begitu juga dengan dasar politik yang dipertaruhkan. Pakatan hanyalah versi yang sedikit lebih baik berbanding Barisan.

Dalam diskusi-diskusi kurang ajar di Bangsar Utama; lubuk politik saya dan teman-teman, tidak sedikit yang menyimpulkan kalau Pakatan ini hanyalah apa yang dipanggil sebagai "the lesser evil". Tawaran politik yang dipersembahkan oleh Pakatan Harapan tidak lagi begitu substantif. Malah, prestasinya jauh merosot berbanding Pakatan Rakyat dahulu.

Beransur-ansur, politik yang disajikan Pakatan mulai kelihatan sama konservatifnya seperti Barisan Nasional. Tiada tawaran dasar yang radikal. Tiada lagi cabaran ke atas status quo masyarakat. Seharusnya dalam situasi sebenar hari ini, ia tidak sepatutnya begitu. Dan menjadi progresif bukan bermaksud hanya berani mempertahankan Oktoberfest.

Pakatan Harapan secara ringkasnya tertubuh apabila tercabutnya aliansi bersama Pas.

Pemimpin progresif Pas yang disingkirkan oleh parti bangkit dengan menubuhkan Gerakan Harapan Baru. Gerakan Harapan Baru pula kemudian menjadi titik tolak kepada lahirnya Pakatan Harapan; malah pakatan pembangkang yang baru ini turut mengabadikan nama Harapan sebagai identitinya.

Apabila tertubuhnya Pakatan Harapan, seharusnya ia menjadi peluang keemasan buat pemain politik progresif dalam negara ini. Suka atau tidak, antara perkara yang menahan Pakatan Rakyat dahulu untuk terus maju menjadi kuasa politik progresif adalah konservatisme rakan kongsinya Pas. Apabila kini Pas sudah tiada, seharusnya tiada alasan lagi untuk Pakatan mundur ke belakang.

Pakatan Harapan yang dibarisi oleh wajah-wajah progresif seharusnya merebut peluang untuk menonjolkan dinamik baharu politik progresif. Sekali lagi ditekankan, kita bukan bercakap soal anti-rasuah semata-mata.

Seharusnya naratif yang dimainkan oleh Pakatan hari ini berkisar tentang masa depan negara ini. Misalnya ekonomi yang



akhirnya akan menyebelahi rakyat terbawah; bukan semata-mata memperbanyakkan program kebajikan, sebaliknya solusi kekal untuk jurang dan ketempangan ekonomi.

Seharusnya naratif yang dimainkan Pakatan hari ini mulai menyentuh soal pembangunan yang lebih lestari; yang tidak lagi mengancam alam sekitar, yang tidak lagi berasaskan tenaga konvensional yang merosakkan bumi. Bukan hanya ingin menurunkan tarif elektrik atau harga kereta semata-mata.

Seharusnya naratif yang dimainkan Pakatan hari ini sudah mulai menyebut tentang solusi kekal untuk masalah kaum dan agama yang tidak kunjung selesai selama di bawah Barisan Nasional, bukan hanya berselindung di sebalik perlembagaan negara yang asalnya turut menjadi punca berlakunya masalah rumit ini.

Sayang sekali harapan-harapan ini tidak muncul. Malah lebih malang, perlahan-lahan ayam tambatan Barisan Nasional, Khairy Jamaluddin pula yang dilihat sebagai satu-satunya watak yang memainkan naratif sebegini melalui cita-cita TN50nya.

Seperti yang saya nyatakan awal tadi, Pakatan mulai dilihat seolah-olah mundur ke belakang. Tawaran politik dalam bentuk manifestonya pun mungkin tidak akan lagi segarang yang pernah disajikan melalui Buku Jingga dahulu. Imaginasi Pakatan mulai kelihatan terhad. Mungkin sudah menjadi matang, maka tidak lagi radikal seperti dahulu.

Saya faham realiti politik. Saya juga faham realpolitik. Inilah cabaran terbesar sebuah

politik dalam zaman transisi. Perubahan sentiasa adalah sukar untuk diterima bulat-bulat. Namun sekali lagi ia bukan alasan untuk menidakkannya dari berlaku.

Tidak sedikit juga yang menganggap penyertaan Bersatu dalam Pakatan adalah punca dasar politik terpaksa diundur ke belakang. Kononnya supaya masyarakat Melayu mampu untuk menerima tawaran politik yang dibawa oleh pembangkang. Saya meragui kenyataan sebegini.

Bersatu dipimpin oleh Mahathir; satu-satunya pemimpin arus perdana di Malaysia yang tidak tunduk, malah berani berhadapan dengan kuasa feudal. Kalau pun beliau adalah seorang kuku besi dan korup di zamannya, sekurang-kurangnya beliau adalah seorang yang progresif dan maju dari sudut yang lainnya.

Sebab yang demikian sahaja sudah cukup untuk Pakatan kembali memikirkan bukan sahaja hala tuju, sebaliknya falsafah yang mendasari perjuangan Pakatan. Sia-sialah kalau suatu masa dahulu pemimpin progresif dalam Pas terkorban kalau akhirnya hanya untuk kembali dengan politik konservatif yang tidak mencabar status quo negara.

Paling-paling pun, kalau golongan tua yang lebih matang itu tidak mahu memperjudikan yang dipanggil sokongan Melayu Islam, dan memilih untuk terus mengamalkan politik konservatif; agama, kaum, dan sebagainya - yang mudah sepatutnya harus berani mencabar arus kembali. Bukan sibuk untuk memajukan diri menjadi Datuk pada usia muda.

Mampukah rakyat Johor dapat air percuma?

SUNGAI Johor antara tempat awal terbinaanya kota yang megah sehingga dalam jajaran sungai tersebut pernah terbinaanya sebuah kerajaan tersohor yang digelar Kota Johor Lama.

Ini adalah sejarah dan sejarah tidak pernah menipu kita. Apa yang berlaku dalam sejarah adalah tatapan untuk kita meneladaninya. Perkara ini perlulah difahami sebelum memulakan sesuatu pada masa akan datang.

Johor adalah tempat di mana ia menjadi negeri yang membekal air ke negara jiran yakni Singapura. Sudah sememangnya suatu cabaran yang besar akan dihadapi jika memerintah negeri ini dan membawa perundingan ke arah membekalkan sumber air mentah ke negara jiran tersebut.

Namun wujud suatu permasalahan yang ketara sedang dihadapi di negeri ini. Ianya masalah yang jika tidak dibendung perkara ini akan mengganggu gugat sistem bekalan air bukan sahaja pada rakyat malah ia akan turut membabitkan negara jiran yang dimaksudkan. Perkaranya adalah berkenaan pencemaran sungai yang ketara.

Dalam edisi *Kembara Selatan* yang sebelum ini, saya telah menulis berkenaan dengan pencemaran sungai di Johor ini ke peringkat yang tenat. Telah digambarkan, punca air yang tercemar akan turut membabitkan bekalan air mentah ke kawasan atau daerah

Kembara Selatan *Amni Jagat*



juga turut akan terjejas. Ini kerana pemprosesan air mentah yang tercemar terpaksa dilakukan sebanyak lebih berpuluh kali ganda dari biasa.

Kekhawatiran saya adalah berkenaan dengan pencemaran yang semakin teruk berlaku dan bermaharajalela. Punca utama sungai-sungai di negeri ini yang menjadi sumber utama air mentah tersebut tercemar adalah disebabkan projek-projek perlombongan pasir, tempat pembuangan sampah yang tidak terurus, kilang-kilang sawit dan sebagainya yang membuang sisa ke dalam sungai berdekatan kilang mereka.

Boleh dikatakan hampir setiap dua kali sebulan berita berkenaan terputusnya bekalan air ditulis di dalam akhbar.

Terputusnya bekalan air mentah ini membabitkan daerah-daerah tertentu yang mana loji rawatan tersebut sebelum itu telah dilaporkan terhenti operasinya disebabkan kandungan ammonia yang tinggi.

Maksud kandungan ammonia yang tinggi itu adalah disebabkan punca utama air mentah seperti sungai yang disedut oleh loji ber-

kanaan tercemar teruk. Permasalahan ini masih tidak selesai.

Tahun 2008 telah menyaksikan Selangor jatuh ke tangan pembangkang yang waktu itu digelar Pakatan Rakyat (PR). Kerajaan PR Selangor telah melaksanakan pemberian air percuma kepada rakyatnya yang tidak pernah difikirkan sebelum ini.

Perkara itu telah menjadi ikutan kepada tawaran pembangkang untuk meletakkan janji dalam memerintah sesuatu negeri. Terbaharu tawaran yang telah dibincangkan oleh kepimpinan Pakatan Harapan (PH) Johor berkenaan air percuma ini telah mula dibahaskan kepada orang ramai.

Apapun, isu paling utama adalah menangani pencemaran di sungai-sungai di negeri Johor. Inilah perkara utama dalam merangka pelan untuk memberikan air percuma kepada rakyat di Johor.

Punca-punca pencemaran ini perlu ditangani terlebih dahulu dengan mengambil tindakan yang konkrit. Jika perkara ini tidak diselesaikan, pemerintahan jika berpindah tangan, kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri PH pastinya akan berganda kerana mereka terpaksa membuat rawatan air mentah dalam kadar kos tertinggi.

Disebabkan itulah, jika kita lihat, takrif air di negeri Johor hari ini adalah yang tertinggi di Malaysia. Perkara ini telah menjadi bebanan

terhadap rakyat yang terpaksa membayar harga yang mahal untuk mendapatkan air mentah.

Saya melihat cadangan yang diajukan oleh pimpinan PH dalam misi memerintah di Johor ini membantu rakyat di negeri Johor serta mengurangkan kos sara hidup. Justeru, apa yang perlu dibuat oleh pimpinan PH di negeri ini adalah mengambil maklum terlebih dahulu perkara yang berlaku mengenai pencemaran sungai-sungai di Johor.

Wujudkan suatu mekanisma dalam melaksanakan penyelesaian yang terbaik dan ia akan menjadi indikator kepada pelaksanaan pemberian air mentah secara percuma kepada rakyat negeri Johor.

Maka dari itu, sumber utama kehidupan ini di negeri Johor telah dimaklumkan semakin tenat dengan pencemaran berlaku sehingga di Sungai Sayong dan Sungai Benut telah menzahirkan masalah pencemaran ini dengan terdapat longgokan kehidupan sungai yang mati akibat pencemaran.

Keadaan ini adalah suatu yang terlalu merisaukan dan kesannya akan dirasai oleh golongan pada masa depan. Sehingga hari ini masih tidak ada tindakan drastik dan progresif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam menangani permasalahan ketenatan sungai-sungai di Johor ini.

'Kita jangan minum beer dan kita jangan makan dadah'

SAYA diberitahu ramai yang marah saya kerana tidak menyatakan sokongan saya terhadap bantahan perayaan beer (beer festival n Oktober Fest) oleh orang bukan Islam.

Bagi saya kalau orang bukan Islam yang tidak haramkan minum alkohol atau beer hendak minum beer sampai pengsan, itu masalah mereka. Yang penting mereka jangan timbul masalah kepada orang lain, atau memandu kereta di waktu mabuk.

Yang saya amat dukacita ialah penyalahgunaan dadah oleh anak orang Islam sehingga menyebabkan kematian 23 murid sekolah tahfiz apabila mereka membakar asrama sekolah.

Ternampak seolah-olah orang Islam menerima pembunuhan murid ini



PENDAPAT
TUN MAHATHIR MOHAMAD

sebagai perkara biasa. Ya. Memang ada mereka yang berpendapat ini semua takdir. Oleh itu terima sahajalah. Seperti yang telah dinyatakan oleh guru tahfiz, anak yang mati setelah ke sekolah tahfiz akan menunggu ayah dan emak di pintu syurga kelak.

Tetapi bagi saya soal yang timbul ialah kenapa ada anak orang Melayu/

Islam yang terlibat dengan dadah. Kenapa tidak didengar anak Cina dan India terlibat dengan dadah. Apakah ini juga takdir. Tidak adakah apa-apa yang boleh dibuat untuk menentu anak Melayu/Islam menolak dadah?

Allah SWT berfirman dalam al-Quran bahawa Allah tidak akan memperbaiki keburukan yang menimpa manusia melainkan manusia itu sendiri cuba memperbaikinya terlebih dahulu.

Penagihan dadah disebabkan kurang kawalan anak oleh ibu bapa di zaman ini. Tanggung jawab menyemai sikap menolak dadah sepatutnya diletak di bahu guru agama dalam sekolah.

Tetapi di sekolah, selain dari mengajar ibadat tertentu untuk pahala tidak ada tekanan yang cukup terhadap pengajaran budi pekerti Islam;

terhadap dosa pahala, baik buruk, amalan hidup dalam Islam. Dengan itu anak mudah terjebak dengan yang tidak baik, termasuk penggunaan dadah.

Jika kerana disemai dengan kawalan diri mencegah yang buruk dan mengamal yang baik (amal ma'ruf nahi mungkar) sebagai sebahagian dari tuntutan agama Islam, kemungkinan perlakuan perkara-perkara yang dilarang akan berkurangan. Tetapi setakat yang saya tahu tidak ada latihan dan pengajaran secara sistematik dalam bidang ini di sekolah-sekolah.

Ilmu sahaja tidak berguna jika tidak dikawal oleh budaya yang baik. Saya amat malu membaca laporan berkali-kali akan perlakuan yang tidak baik oleh orang Islam, terutama anak muda.

Saya berpendapat perkara ini perlu diberi perhatian lebih oleh orang Islam dan bukan melarang orang bukan Islam minum beer.

Ini adalah pendapat saya. Jika nak kecam dan nak marah saya kerana tidak memecah botol beer di hadapan pejabat MB, marahlah.

Oktober Fest, perayaan minum beer pada bulan Oktober adalah tradisi budaya orang Jerman.

Jerman menerima satu juta pelarian Islam dari Syria. Apakah balasan pelarian ini kepada orang Jerman sebagai tuan rumah ialah dengan melarang mereka dari minum beer dalam Oktober Fest mereka.

Orang Melayu berkata jaga tepi kain sendiri. Tentukan kita jangan minum beer dan kita tak makan dadah. Itu lebih baik dari pecah botol beer.

Dan berehatlah dikau Abdul Majid Hassan

Ahli Jawatankuasa AMANAH Kawasan Kota Raja Abdul Majid Hassan kembali ke rahmatullah pada 8 Oktober lalu. Allahyarham yang juga pemandu dan pembantu kepada Ahli Parlimen Kota Raja Dr Siti Mariah Mahmud terbunuh dalam kemalangan jalan raya membabitkan kereta yang dipandu olehnya. Belasungkawa ini ditulis rakan aktivis, Ahmad Sayuti Bashiron.

PENDIAM, dan bekerja.

Tak semua mengenali susuk ini. Walau kelibatnya dilihat dalam hampir keseluruhan aktiviti pilihan raya dan kerja lapangan dan kebajikan sejak sekian lama, istiqamah dan fokus. Sejak beliau komited dalam parti lama dahulu, hinggalah zaman beliau lebih aktif bersama Parti Amanah Negara (AMANAH).

Dr Siti Mariah Mahmud, Cikgu Jaafar Bin Samsudin @ Saudara Norhalim Sirome, Kak Mariam Abdul Rashid dan khususnya sahabat akrab beliau Saudara Rayme Rahman, beserta saf kepimpinan AMANAH(dan Pas) Kota

BELASUNGKAWA

Oleh **AHMAD SAYUTI BASHIRON**



Raja serta Selangor pasti berasa satu kehilangan yang amat besar atas ujian yang sangat tidak diduga ini.

Bersama kita doakan Allah tempatkan roh beliau bersama anbiya', syuhada' dan saf pejuang yang lebih awal meninggalkan kita.

Saudara Majid, Kami semua menjadi saksi atas amal perjuangan dan setiap titis peluh



Allahyarham Majid bersama aktivis AMANAH Kawasan dalam satu program Memasang bendera AMANAH.



Allahyarham Majid bersama aktivis AMANAH Kawasan dalam satu program parti.

dakwah kamu laksanakan di dunia ini.

Berehatlah kamu dengan penuh ketenangan abadi bersama nikmatNya...

Yakinilah janji Rasul yang bermaksud:

"Ganjaran syuhada' itu adalah pasti, selama harapan dan kesungguhan untuk memiliki mati syahid itu dilaksanakan (diperjuangkan dengan sungguh-sungguh) ketika hidup ini, sekalipun ditakdirkan kematian itu dilalui oleh seseorang itu atas katil sekalipun (mati dlm ujian sakit, kemalangan dan sebagainya)."

Ayuh ikhwah, Derapkan terus langkah kaki ini... Hanyasanya kematian itu sahajalah kerehatan sebenarnya!



Memerhati petugas Media Oren menjalankan tugas.

Gejala rasis perlu dibanteras dengan undang-undang

SHAH ALAM: Sudah tiba masanya negara mempunyai peruntukan undang-undang khas bagi menangani gejala rasis yang sedang menular dan memastikan kesepaduan bangsa terpelihara, ujar Naib Presiden AMANAH, Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa.

Mengulas kertas utama yang dibentangkan pada perbincangan meja bulat anjuran Institut Darul Ehsan (IDE), dekat sini, baru-baru ini, Dr Mujahid mencadangkan undang-undang khas tentang keharmonian nasional yang menjenayahkan perlakuan atau ucapan kebencian kaum dan agama.

Beliau yang pernah terlibat dalam menderaf Rang Undang-undang (RUU) Keharmonian Kaum semasa menganggotai Majlis Konsultasi Perpaduan



Persidangan meja bulat sedang berlangsung dipengerusikan Saifuddin.

Nasional berkata, walaupun kerajaan menolak cadangan RUU tersebut, beliau akan membawa usul persendirian kepada Dewan Rakyat pada sesi parlimen Oktober ini.

Kertas utama sidang meja bulat itu dibentang Dr Jihan Saravan mutu dan Dr Ong Kian Beng.

Tajuk perbincangan berkisar tentang kepelbagaian kaum dan pemikiran politik sederhana.



Dr Mujahid menyampaikan pandangan sambil diikuti penuh minat Dr Mazlee Malik.

Perbincangan meja bulat itu dipengerusikan Datuk Saifuddin Abdullah dengan ucap tama oleh Prof Dr Shahrudin Badaruddin.

IDE memperkenalkan kajian

untuk politik baru termasuk kajian berhubung Maqasid Syariah.

Para peserta mewakili pelbagai pertubuhan politik, badan bukan kerajaan (NGO) dan kedutaan asing.

Pengaruh Umno menguncup di Pulau Pinang

TASEK GELUGOR: Keupayaan kerajaan Pakatan Harapan negeri mentadbir dengan baik dan kemunculan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menjadi faktor menguncupnya pengaruh Umno di negeri ini.

Bendahari PPBM Pulau Pinang Huzair Osman berkata, sehingga kini keahlian berdaftar parti itu sudah melebihi 10,000 orang yang majoritinya bekas ahli Umno.

"Sehingga kini kita telah berjaya mendapat sokongan dengan penubuhan begitu banyak cawangan. Setakat ini majoriti mereka yang menyertai PPBM ialah ahli Umno yang sudah tidak yakin dengan kepimpinan Najib," jelas Huzair.

Beliau yakin PPBM dapat membantu Pakatan Harapan (PH) menawan sepuluh lagi kerusi BN yang diwakili Umno pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

"Kini Umno hanya berbaki 10 kerusi Dun dan 3 lagi kerusi Parlimen iaitu Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Balik Pulau.

"Tidak dapat dinafikan dengan majoriti yang diperolehi sebanyak 1,539 undi oleh BN di Parlimen Balik Pulau, ia bukan suatu yang sukar untuk dirampas semula.

"Begitu juga dengan majoriti sebanyak 3,042 undi yang diterima oleh BN di Parlimen Tasek Gelugor serta 4,176 undi bagi Parlimen Kepala Batas," ujarinya lagi.

Huzair juga berkata, gabungan mantap parti komponen PH iaitu Keadilan, AMANAH, PPBM dan DAP mampu menarik sokongan pengundi.

Sementara itu Timbalan Ketua PPBM Bahagian Tasek Gelugor Azmi Alang berkata, keahlian PPBM di bahagian itu kini mencecah lebih 3000 orang.

"Penyertaan ahli baru dan mereka

yang keluar Umno dengan menyertai PPBM Tasek Gelugor, memberi tamparan hebat kepada Umno.

"BN hanya berjaya mendapat majoriti 3,042 undi semasa pilihan raya umum 2013 yang lalu dengan kerjasama Pakatan Rakyat ketika itu.

"Tapi kini sudah berbeza kerana kita mempunyai mereka yang sudah muak dengan Pas dan juga Umno di Tasek Gelugor," katanya.

Oleh kerana itu tambah beliau, tidak sukar bagi PH meraih sokongan berganda dengan mengalahkan Umno dan BN bukan saja di Tasek Gelugor tetapi juga dua kawasan Parlimen dimenangi BN pada PRU 2013.

"Berdasarkan rekod turun padang yang dilakukan sejak sekian lama, kita dapati ramai yang sudah bosan dengan kerenah pimpinan Umno dan BN dari peringkat bahagian sehinggalah ke peringkat pusat.



Azmi Alang

"Mereka juga kesal dengan sikap 'double standard' yang diamalkan dalam pimpinan Umno khususnya dalam pembahagian bantuan dan peruntukan kerajaan apabila ia diagihkan secara tidak adil dan hanya kepada kroni mereka semata-mata.



Huzair Osman

"Sikap ego pimpinan Umno dan BN termasuk di banyak bahagian Umno menyebabkan pengundi semakin hilang keyakinan dan menyokong kerajaan Pakatan Harapan negeri yang telah memperkenalkan pelbagai program kebajikan untuk rakyat," tegasnya lagi.

Arah tidak terima sumbangan parti pembangkang keterlaluan

BATU PAHAT: Persatuan Anak Penerima Felda Kebangsaan (Anak) kesal dengan kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri Datuk Ayub Rahmat yang mengarahkan pihak sekolah tidak menerima bantuan kertas A4 daripada parti pembangkang.

Arahan itu dibuat Exco terbabit ekoran sumbangan kertas A4 AMANAH Kawasan Tenggara yang diketuai Pengerusi Pusat Peduli Rakyat Dun Pasir Raja, Abrary Ramly dilaporkan media.

Abrary memyampaikan sumbangan kertas A4 kepada tujuh sekolah di sekitar Dun Pasir Raja yang terletak dalam kawasan parlimen Tenggara.

Presiden Anak, Mazlan Aliman berkata, seharusnya kerajaan negeri meraikan sumbangan semua pihak tanpa mengira latar belakang politik demi kepentingan pendidikan di negara ini.

"Kerajaan seharusnya menyiasat dakwaan dari pentadbiran sekolah maupun PIBG mengenai kekurangan kertas, sehingga ada permohonan dibuat kepada ibu bapa dan kedai pencetak sejak tahun lalu. Hatta, kertas kitar semula pun dipohon dari kilang pencetak.

"Ini semua gara gara peruntukan kertas yang sepatutnya disediakan Kementerian Pelajaran tidak mencukupi bagi kegunaan pihak sekolah," ujar Mazlan.

Sehubungan itu, Anak menyifatkan kenyataan dan arahan Ayub itu sebagai keterlaluan dan merendahkan imej beliau di sisi pandangan rakyat.

P. Pinang belanja RM412 juta untuk program kebajikan

PERMATANG PAUH: Kerajaan Pakatan Harapan negeri telah menyalurkan RM412 juta sejak 2008 bagi melaksanakan pelbagai program kebajikan rakyat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Delima, RSN Rayer berkata, program-program kebajikan yang dilaksanakan itu bertujuan membantu rakyat.

"Setelah kerajaan negeri memperkenalkan sumbangan kepada warga emas sebanyak RM100 barulah BN mendapat idea dengan memberikan BR1M.

"Kerajaan negeri juga memberikan sumbangan 'one-off' (sekaligus) RM100 setahun kepada pelajar tahun satu dan tahun empat serta tingkatan satu dan tingkatan empat," katanya dalam program 'Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi' yang diadakan di

Penanti, dekat sini, baru-baru ini.

Selain itu katanya, sumbangan juga diberikan kepada pelajar yang berjaya meneruskan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Rayer menambah, kerajaan negeri tidak meminggirkan mana-mana golongan di Pulau Pinang.

Sebagai contoh, jelas beliau penarik beca diberi insentif RM1200 setahun dengan bayaran dibuat RM100 setiap bulan.

Turut mendapat manfaat, ujarinya para pemandu teksi yang memperolehi RM600 setahun bagi menukar tayar.

Para nelayan pantai juga, tambah beliau diberikan pukut oleh kerajaan negeri pada setiap tahun.

Pasar Peduli Rakyat Hulu Langat dapat sambutan hangat

HULU LANGAT: Pasar Peduli Rakyat yang dianjurkan AMANAH Hulu Langat 8 Okt lalu mendapat sambutan hangat penduduk setempat.

Dengan pelbagai barangan keperluan disediakan, penduduk sekitar Taman Sri Nanding berpusu-pusu mendapatkan keperluan harian mereka.

Minyak masak, telur, gula, tepung, pakaian dan sebagainya dijual dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran.

Menurut jurucakap Wanita AMANAH Hulu Langat, program dengan kerjasama AMANAH Dusun Tua itu dianjurkan untuk membantu

orang ramai dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup.

"Ini adalah sumbangan kecil kami untuk membantu rakyat yang menhadapi masalah peningkatan kos sara hidup," katanya.

Beliau berjanji akan memberikan khidmat lebih baik jika Pakatan Harapan dipilih dalam pilihan raya umum akan datang.

Turut membantu petugas AMANAH di pasar itu ialah Ketua Pemuda AMANAH, Mohd Sany Hamzan.

Beliau berharap sumbangan AMANAH ini memberi manfaat kepada masyarakat setempat.



Orang ramai menyerbu Pasar Peduli Rakyat di Taman Sri Nanding, Dusun Tua.



Minyak masak 1 kg dijual dengan harga RM2 sebotol.

Program Jelajah AMANAH platform temu penduduk



Menziarahi Pak Andak Ad di Kampung Rawa.

PERMATANGPASIR: Siri program Jelajah AMANAH Demi Negara diteruskan dengan acara 'Santai Kopi' di sebuah warung dekat pekan Sama Gagah, baru-baru ini.

Program bermula jam 4.00 petang itu dianjurkan Biro Komunikasi AMANAH negeri dengan kerjasama Pemuda AMANAH Permatang Pauh.

Sebelumnya, Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Jamek Tuan Haji Abdul Latif, dekat sini.

Program 'Walkabout' yang sepatutnya diadakan di pasar malam Kubang Semang terpaksa dibatalkan kerana hujan lebat, namun ahli rombongan meneruskan



Bertemu masyarakat Tionghoa menjelaskan perkembangan terkini kerajaan Pakatan Harapan negeri.

program ziarah ke rumah seorang aktivis politik, Pak Andak Ad di Kampung Rawa, Bukit Mertajam.

Dalam lawatan ke penempatan masyarakat Tionghoa, Dr Mujahid menjelaskan Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang kini didokongi empat parti iaitu DAP, Keadilan, AMANAH dan PPBM.

Pas katanya, tidak bersama Pakatan Harapan seperti pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

Turut sama pada program sehari itu Pegawai Penyelaras Khas KADUN Permatang Pasir Azhar Md Dali dan para pemimpin AMANAH Pulau Pinang.

Kuarters guru terbiar rugikan warga pendidik

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

SUNGAI PETANI: Kegagalan Kementerian Pendidikan menyiapkan pembinaan kuarters guru di Taman Semarak, dekat sini merugikan warga pendidik dan menyerlahkan sikap tidak acuh kerajaan BN terhadap pembaziran wang negara.

Malah kuarters guru yang mengandungi 100 unit rumah kediaman itu kini terbiar dengan dipenuhi tumbuhan liar yang menjalar sehingga menyakitkan mata memandang.

Ketua Pemuda AMANAH Negeri Kedah, Asmirul Anuar Aris berkata, kegagalan menyiapkan kuarters guru itu juga memalukan negeri ini memandangkan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid berasal daripada Kedah.

"Menteri terlibat serta Exco Pendidikan negeri sepatutnya prihatin



Bangunan kuarters guru yang terbiar kini ditumbuhi semak samun.

dan mengambil peduli mengenai kuarters guru yang terbiar setelah beberapa kali ia dibangkitkan dalam sidang Dun dan juga Parlimen.

"Secara jelas ini membuktikan kerajaan Umno dan BN gagal menyelesaikan kemelut penempatan staf pendidikan sehinggakan 100 unit

kediaman tersebut kini menjadi sarang penagih dadah.

"Lebih merisaukan lagi kuarters terbiar itu menjadi lokasi perbuatan tidak bermoral dan boleh menjejaskan keselamatan penduduk setempat khususnya kanak-kanak," katanya.

Asmirul juga berkata, kuarters yang cukup menyakitkan mata memandang ini turut menjadi tempat lepak pelajar yang ponteng sekolah dan pembiakan binatang berbisa.

Malah ujarnya lagi, sebelum ini penduduk kawasan sekitar serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan telah pun membuat aduan kepada pihak berkuasa, namun begitu tiada apa-apa tindakan diambil.

Tegasnya lagi, Mahdzir sepatutnya menyedari perkara ini dan menyelesaikan masalah yang timbul dengan segera.

"Sekiranya kerajaan peduli dengan masalah perumahan rakyat, mereka boleh mengubah suai dan membangunkan semula kuarters-kuarters tersebut untuk didiami oleh penduduk daerah ini yang memerlukan



Asmirul Anuar Aris

kan kediaman.

"Kuarters ini seeloknya disewakan atau dijual kepada penduduk tempatan khususnya golongan muda yang baru mempunyai keluarga mahupun pasangan yang tidak mempunyai rumah," saran beliau.

Usaha bentuk kerajaan baru semakin 'ringan'



Cikgu Wan Rahim memberikan ucapan alu-aluan.



Antara aktivis AMANAH negeri yang hadir memeriahkan majlis.

PASIR PUTEH: Kehadiran lebih 1000 tetamu pada Majlis Makan Malam Kelantan, 10 Okt lalu mengujakan Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

"Kehadiran malam ini cukup menakutkan dan kita akan tunggu orang Kelantan membanjiri perhimpunan antikleptokrasi di Petaling Jaya 14 Oktober ini," katanya ketika berucap di majlis yang diadakan di sebuah resort di Pantai Tok Bali, dekat sini.

Minggu lepas katanya, beliau hadir di majlis makan malam anjuran AMANAH Kawasan Besut hanya beberapa kilometer dari lokasi Tok Bali.

"Saya sudah terkejut kerana dengan gembar-gembur tiada penyokong di kawasan itu, dewan malam itu ternyata padat.

"Malam ini memang luar jangkaan, kalau beginilah sambutan rakyat saya cukup yakin rakyat Kelantan akan buat perubahan besar sekali lagi," katanya.

Sebagai ahli parlimen di Kelantan untuk dua penggal katanya, orang Kelantan yang majoritinya Melayu amat berbeza dengan Melayu di negeri-

negeri lain.

"Majoriti rakyat Kelantan tidak bergantung dengan kerajaan. Mereka berniaga sendiri dan sanggup merantau ke mana sahaja untuk mencari rezeki menjadikan minda mereka merdeka.

"Mereka boleh memilih parti mana yang dirasakan memihak kepada rakyat dan menolak mana-mana parti walupun yang ada banyak dedak jika tidak kena selera," katanya.

Sambutan di majlis itu, katanya menunjukkan rakyat Kelantan kali ini akan bersama Pakatan Harapan untuk menyelamatkan negara dari terus dirosakkan oleh pentadbiran Umno dan semua sekutunya.

"Sudah jelas sekarang Umno, Najib dan sekutunya akan mempertahankan rasuah dan kleptokrasi terus kekal.

"Yang saya terkejut ada di kalangan yang bergelar ulama turut serta dengan puak prorasuah di sini.

"Namun rakyat sedar terutama orang Kelantan, semakin jelas akan bersama gelombang menyalahkan perasuah ini dan saya menyeru semua hadir bersama di himpunan 14 Oktober ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan, Datuk Husam Musa dalam ucapannya yakin usaha membentuk Kerajaan Kelantan yang baru semakin ringan.

"Dengan penyatuan empat parti, hasrat rakyat untuk melihat terbentuknya kerajaan baru di Kelantan menjadi lebih mudah.

"Pakatan Harapan yang telah berjaya kita susun dengan penerimaan semua semakin jelas berkeupayaan tinggi," katanya.

Sebelum ini katanya, ramai beranggapan hanya Pas dan Umno yang ada potensi

berkuasa di Kelantan.

"Kini dengan kemunculan Pakatan Harapan yang menggabungkan empat parti dan disokong oleh banyak lagi NGO akan menjadi alternatif ketiga.

"Kita akan menjadi pasukan terkuat yang tidak akan mampu dicabar sesiapa dalam PRU14 nanti," katanya.

Turut menyampaikan ucapan adalah Ketua Penerangan PPBM, Datuk Kamaruddin Mohd Nor dan Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Kelantan, Ab Aziz Ab Kadir.



Presiden sambil diiringi Husam dan Cikgu Wan Rahim memotong kek ulang tahun ke-2 AMANAH.



Seorang hadirin bertanyakan soalan pada sesi soal jawab.



Para pemimpin PH negeri sedang menjamu selera.

Jelajah tiga negeri kukuhkan jentera pilihan raya

KUALA LUMPUR: Ketua AWAN Nasional, Dr Siti Mariah Mahmud mengadakan lawatan ke tiga negeri utara bertemu pemimpin AWAN negeri dan Wanita Pakatan Harapan (PH).

Lawatan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang itu juga merupakan sebahagian persediaan dan perbincangan pelbagai hala untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU).

Dalam pertemuan yang diadakan secara santai itu, Dr Siti Mariah yang juga Ahli Parlimen AMANAH Kota Raja menyentuh pelbagai perkara melibatkan wanita, polemik pengajuran pesta minuman keras, sikap wanita dalam menghadapi cabaran semasa dan sebagainya.

Turut ditegaskan adalah bentuk gerak kerja daripada perbincangan manifesto Wanita PH sehingga bentuk kempen yang sesuai dilaksanakan.

Dr Siti Mariah turut memanfaatkan pengalamannya sebagai Ahli Parlimen selama dua penggal dengan berkongsi kisah dan harapan untuk meningkatkan maratabat wanita dalam negara.

"Saya mengharapkan golongan wanita diberi peluang yang lebih besar dalam kepimpinan politik dan negeri sekurang-kurangnya 30 peratus.

"Di samping itu, saya juga menasihati wanita belajar kaedah mendekati penduduk, sesuaikan

diri dengan keadaan masyarakat dan baiki imej dan penampilan diri supaya rakyat tidak merasa kekok dengan kita," katanya semasa berucap di Wisma Harapan Baru, Bandar Stargate, Alor Setar, 29 Sept lalu.

Turut hadir Timbalan Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi dan Ketua Wanita PH Kedah, Nurin Aina.

Dalam siri lawatan itu, pemimpin wanita parti komponen PH iaitu Keadilan, PPBM dan DAP turut hadir dan dijadikan medan terbaik untuk mendengar cadangan dan kritikan bagi membaiki kerjasama yang sedia terjalin.

AWAN lancar kempen SH10sen untuk tabung amal

KUALA LUMPUR: Bagi mengumpul dana melaksanakan kerja-kerja amal, AWAN Nasional melancarkan kempen AWAN Satu Hari 10sen (AWAN-SH10sen).

Melalui kempen ini, AWAN Nasional mempelawa orang ramai bagi menyumbang jumlah minima 10 sen sehari ataupun RM3 sebulan bagi digunakan untuk program-program kepedulian masyarakat.

"Dengan usaha ini kita sama-sama dapat melaksanakan program-program kepedulian untuk rakyat yang memerlukan santunan.

"Semoga dengan AWAN-SH10sen, walaupun dengan jumlah sumbangan yang sedikit tetapi berterusan mampu memberikan kesan yang signifikan dalam menyokong usaha murni AWAN melaksanakan prog-

ram-program kepedulian rakyat," kenyataan Sekretariat AWAN dipetik.

Untuk memastikan sumbangan dibuat secara berterusan dan dapat diurus dengan efisien, sumbangan AWAN-SH10Sen dinasihat dilakukan melalui arahan tetap (standing instruction) melalui akaun Maybank.

Orang ramai yang berhasrat menyumbang disarankan mengikuti enam langkah mudah untuk menyertai AWAN-SH10sen seperti yang ditunjukkan dalam poster.

Bakal penyumbang juga boleh menghubungi Pejabat AWAN di nombor 011-3504 9017 untuk maklumat lanjut.

AWAN Satu Hari 10sen (AWAN-SH10sen)

Satu lagi usaha AWAN Nasional dalam melaksanakan program-program kepedulian untuk rakyat yang memerlukan santunan. Walaupun dengan jumlah sumbangan yang sedikit tetapi berterusan mampu memberikan kesan yang signifikan dalam menyokong usaha murni AWAN dalam melaksanakan program-program kepedulian rakyat.

6 langkah mudah menyertai AWAN-SH10sen

- 1 Daftar masuk 'mybank2u.com.my' > 'bilik > bilik > bilik'
- 2 Pilih 'Standing Instruction' > 'Accounts & Banking' > 'Pilih akaun > pilih Standing Instruction'
- 3 Pilih 'Direct Transfer'
- 4 Pilih 'Telah' > 'Lulus' > 'Menerima' > 'Menerima' > 'Menerima'
- 5 Masukkan nombor A/C untuk mengesahkan maklumat anda
- 6 Hantaran dip-bersempitan ke: cawangan @awanan.org.my atau WhatsApp ke 011 35049017

Sumbangan MINIMA Satu Hari 10sen (RM3/sebulan).

AWAN AMANAH NASIONAL TABUNG AWAN PEDULI

ANGKATAN WANITA AMANAH NEGERA (AWAN) NASIONAL
No. 10, Jalan Seri Hajar 1, St. Uda, CIP Jalan, 01000 Kuala Lumpur
Tel: 035042517 / 011 35049017 Email: cawanan@awanan.org.my Amanah

Nisah Haron buktikan karya sastera Malaysia diiktiraf antarabangsa

KUALA LUMPUR: AWAN Nasional mengucapkan tahniah kepada Nisah Haron atas penganugerahan Sasterawan Muda Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) 2017 pada 11 Sept lalu yang berlangsung di Sari Pan Pacific Jakarta, Indonesia.

Pengerusi Biro Kesenian dan Kebudayaan AWAN Nasional Atriza Umar berkata, anugerah ini membuktikan karya penulis Malaysia memiliki kualiti dan mutu yang tinggi sehingga mampu diangkat ke peringkat Asia Tenggara sekaligus mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

"Diharapkan penganugerahan yang dicapai ini akan menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia



Nisah Haron

inspirasi kepada rakyat Malaysia dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti dan bermanfaat untuk bacaan masyarakat dan rakyat Malaysia khususnya," kata Atriza.

Lawan prejudis Barat dan Trump di pentas fesyen



Dunia peragaan fesyen dijadikan platform menyanggah persepsi negatif terhadap wanita bertudung.

NEW YORK: Pelbagai pendekatan diambil bagi menghapuskan sikap prejudis Barat terhadap Islam.

Antara prejudis yang kerap dimainkan di kalangan masyarakat Barat adalah pandangan buruk terhadap pemakaian tudung oleh wanita Islam.

Justeru, melalui Minggu Fesyen New York (NYFW) baru-baru, pereka fesyen dari Indonesia menggunakan pentas itu bagi menyanggah sikap prejudis itu.

Sebaliknya, dia cuba menunjukkan kepada dunia bahawa wanita bertudung masih boleh berfesyen dan bergaya.

Dian yang mempunyai pengikut laman Instagram seramai 4.8 juta itu ialah antara lima pereka fesyen mewah dalam

NYFW.

Dalam pertunjukan itu, mereka mempamerkan koleksi "Kepelbagaian Indonesia" dengan penampilan anggun bertudung.

Vivi Zubedi, 30, pula menyertai pertunjukan itu sebagai cara 'melawan' Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump yang bersikap dingin dengan kebanyakan negara Islam.

"Hijab adalah satu keindahan dan kita juga adalah manusia tidak kira apa agama sekalipun," katanya.

Pemilihan kata 'Kepelbagaian' juga menjadi tema dalam pertunjukan itu sebagai penentangan terhadap sikap Trump yang tertutup dan berbeza dengan bekas presiden-presiden republik itu.



BANTU MANGSA BANJIR... Banjir yang melanda beberapa kawasan di negeri Perak mendorong AWAN dan AMANAH negeri menganjurkan misi bantuan. Antara yang diziarahi ialah mangsa banjir di sekitar Batu Kurau, Perak. Selain menyampaikan sumbangan, aktivis AMANAH dan AWAN turut membantu penduduk melakukan kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

Liberal dan muktazilah

PADA 29 September lalu, kita dikejutkan dengan berita penahanan Mustafa Akyol, seorang penulis dan pemikir dari Turki di KLIA, selepas beliau menyampaikan beberapa siri wacana di Kuala Lumpur.

Walaupun beliau dibebaskan tetapi penangjur program Datuk Dr. Farouk Musa disoal siasat oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan akan dihadapkan ke mahkamah pada 4 Disember ini. Penangkapan ini bagi kita memalukan negara di mana pihak berkuasa agama di negara ini akan dilihat tidak menghormati kebebasan mengeluarkan pendapat.

Seorang penulis Islam yang mempertahankan imej umat dan menentang Islamophobia di Eropah secara berkesan menerusi tulisan-tulisannya tidak wajar diperlakukan demikian oleh sebuah negara yang sepatutnya mengalu-alukan tetamu dari luar. Memang Mustafa Akyol dianggap seorang yang progresif, liberal dan kadangkala tulisannya mengundang kontroversi.

Apakah liberal itu suatu dosa besar atau suatu yang keji lagi buruk? Mengapa liberal itu punya konotasi yang negatif dalam kalangan masyarakat di negara ini? Malah pimpinan Parti Amanah Negara sendiri dilabel sebagai 'golongan liberal' yang memberikan persepsi buruk oleh mereka yang beraliran 'konservatif tegar'. Walhal menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi liberal ialah (bersifat) condong kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik dan (fahaman) bebas. Liberal juga bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya).

Hari ini kita sering mendengar kritikan yang keras terhadap apa sahaja yang bersifat liberal. Liberal itu seolah-olah suatu wabak yang membahayakan dan ditakuti oleh ramai mereka yang pada hakikatnya terlalu ekstrem dalam pemikiran dan ideologi pegangannya. Pemikir semasa, Azhar Ibrahim lewat tulisannya 'Menyanggah Belunggu: Kerancuan Fikiran Masa Kini' (terbitan Strategic Information and Research Development Centre, SIRC, Petaling Jaya, 2016) menjelaskan kegerunan terhadap hal-hal yang dianggap liberal dengan amat tepat sekali. Beliau menulisnya seperti berikut:

Menarik diperhatikan apabila golongan konservatif menyerang dan menggeruni 'liberal' yang dianggap sebagai anasir yang akan menjahanamkan kejatidirian bangsa dan kesucian agama. Mereka hentam segala yang dianggap sebagai 'liberal' tetapi mereka tersenyap pula dengan neo-liberalisme yang sedang menggigit dan membelunggu individu, masyarakat dan negara.

Neo-liberalisme inilah virus liberal sebenarnya yang bergerak dalam dan di luar sistem. Tetapi bukan itu yang menjadi keprihatinan dan sasaran hentaman mereka. Dengan terbiasa oleh sikap puritanisme agama, dan konformiti tegar yang tak sanggup berdepan dengan perbedaan, tentunya menghentam 'liberal'

menjadi wajar kerana golongan ini mereka anggap sebagai gerombolan nafsu-nafsu, yang tidak bermoral dan senget akidahnya. Inilah keracunan fikiran yang sebenarnya menguntungkan pemodal dan cukong dalam situasi di mana neo-liberalisme yang paling rakus terlepas dikupas, sedangkan manifestasi lain yang kononnya 'liberal' dijadikan bahan hentaman.

Antara yang dibayangkan sebagai anasir-anasir liberal adalah seperti berikut. Yang mereka bayangkan liberal itu adalah mereka yang mahukan cara Barat mengatur masyarakat; mereka yang terlepas dari 'kontrak sosial', yang membenarkan perempuan di persada perdana, yang menghalalkan LGBT dan pakaian seksi, yang membenarkan semua agama diberi layanan sama rata, yang membuka tempat-tempat maksiat; yang membenarkan wanita kerja malam, yang membenarkan forum-forum dialog agama dijalankan di rumah-rumah ibadat lain khasnya gereja, yang membenarkan Al-kitab teredar dalam bahasa Melayu, yang membenarkan peragaan ratu cantik perempuan atau maknyah, yang membenarkan arak dijual secara terbuka, yang membenarkan kondom dijual dan pendidikan seks di sekolah, yang terdedah dengan fahaman kiri/komunis; yang mendukung Hak Asasi Kemanusiaan Sejagat ciptaan Barat; yang membenarkan perempuan tidak menutup aurat; yang membenarkan lelaki dan perempuan bukan muhrim menaiki motor bersama-sama; yang membenarkan buku sejarah memasukkan pejuang dan tokoh yang tidak dianggap patriotik untuk bangsa dan negara; yang membenarkan sambutan perayaan hari kebesaran Cina, Hindu dan Kristian kerana ditakuti Muslim akan terpesong akidahnya, dan lain-lain kebimbangan dan keraguan terhadap 'liberal' yang sebenarnya tidak munasabah.

Jelasnya, sesiapa saja yang membenarkan semua di atas ini atau toleran terhadapnya atau simpatisan terhadap mereka yang melakukannya, termasuklah dalam golongan liberal yang sudah dianggap tidak tahu bedakan haram atau halal, benar atau batil.

Kebencian dan ketakutan terhadap setiap yang berunsur liberal adalah suatu yang tidak adil. Kebencian dan ketakutan setiap yang dinamakan liberal sebenarnya membahayakan masa depan dan kecerdasan umat dalam menghadapi zaman baru yang amat mencabar. Walhal pejuang-pejuang berjasa kepada umat sejak zaman Ibn Taymiyyah sehingga ke zaman baru Jamaluddin Al-Afghani, Muhammad Abduh, Rashid Rida, Amir Shakib Arslan dan lain-lain oleh setengah orang dianggap sebagai golongan liberal yang membawa aliran pemikiran moden saintifik mencabar kemurnian dan keaslian ajaran Islam.

Jasa mereka amat besar, salah seorang dari murid Muhammad Abduh yang berasal dari rantau kita, Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956) amat berjasa dalam menyebarkan gagasan pembaha-

ruan Islam di Indonesia dan rantau Melayu. Sheikh Tahir Jalaluddin memulakan kegiatannya di Singapura, di mana pada tahun 1906 beliau mendirikan majalah Al-Imam. Sebuah nama yang diinspirasi dari panggilan akrab murid-murid Muhammad Abduh kepada guru mereka. Murid-murid Abduh yang loyal dan sangat mencintai gurunya mendirikan kelompok diskusi yang disebut Madrasat al-Imam dan mendirikan parti politik yang disebut Hizb Al-Imam.

Sheikh Tahir Jalaluddin pula menterjemahkan tulisan Al-Afghani dan Muhammad Abduh dalam al-Urwah al-Wutsqa dan al-Manar ke dalam bahasa Melayu yang membawa tema kemajuan, kebebasan dan emansipasi wanita. Majalah Al-Imam jadi majalah Islam pertama yang menggagaskan keterbukaan Islam di alam Melayu yang membawa tema liberalisasi. (Islam dan Liberalisme, oleh Budhy Munawar-Rachman, terbitan Friedrich Naumann Stiftung, Jakarta, 2011).

MUKTAZILAH

Gara-gara persepsi liberalnya Parti Amanah Negara, baru-baru ini seorang pemimpin dan Mursyid sebuah parti politik Islam di negara ini melabelkan AMANAH sebagai golongan Muktazilah. Tentu sebagai satu lagi usaha menggambarkan betapa liberal dan menyimpangnya parti ini dari Islam puritan. Menurut Ensiklopedia Islam Indonesia Jilid 2, IKAPI, Jakarta, 1992:

Muktazilah adalah sebuah aliran teologi (dalam Islam), yang muncul di Basrah (Iraq) pada awal abad ke-8 (abad ke-2H). Kehadiran aliran ini dalam sejarah Islam berawal dari tindakan Wasil bin Ata (700-750/80-131 H) memisahkan diri dari halaqah (majlis taklim) gurunya, Imam Hasan al-Basri, di sebuah mesjid raya Basrah, karena ia mempunyai pendapat yang berbeda dengan pendapat gurunya, berkenaan dengan masalah mukmin yang melakukan dosa besar.

Menurut Wasil bin Ata, mukmin yang melakukan dosa besar, jika tidak bertobat, statusnya tidak mukmin lagi (sedang menurut gurunya: statusnya mukmin), tapi jatuh kepada fasik, namun tidak sampai jatuh ke status kafir (menurut khawarij: statusnya kafir). Fasik, menurut Wasil bin Ata, adalah al-manzilatain (satu posisi atau status) di antara dua posisi atau status; fasik berada di bawah mukmin, tapi di atas kafir.

Setelah memisahkan diri, Wasil bin Ata membentuk halaqah sendiri di masjid yang sama, jemaah yang dipimpin Wasil bin Ata itulah yang mendapat nama: Muktazilah atau Muktazilun (orang-orang yang memisahkan diri). Kendati makna nama itu tidak buruk (bukan berarti memisahkan diri dari kebenaran), kaum Muktazilah lebih senang menyebut diri mereka Ahl al-Tauhid wal al-Adl, golongan yang mempertahankan kemurnian tauhid dan keadilan Tuhan.

Kebanyakan ulama-ulama yang ter-



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

masuk dalam barisan Muktazilah setelah berkembangnya ilmu falsafah Yunani di Baghdad pada bagian kedua abad ke-8M (abad ke-2H) adalah ulama-ulama yang memberikan perhatian besar pada ilmu falsafah itu. Mereka menjadi golongan ulama intelek, yang disamping berteologi (menjelaskan, memperkuat dan membela akidah-akidah yang terkandung dalam sunnah nabi) dengan pemikiran rasional, juga sebahagiannya ikut memberi saham yang besar bagi perkembangan ilmu falsafat klasik Islam. Mereka sering tampil dalam gelanggang perdebatan teologi dengan para teolog non-muslim; mereka memakai senjata logika dan falsafat sebagai mana yang digunakan oleh pihak lawan.

Bila oleh penulis moden, mereka disebut kaum rasionalis Islam, maka itu tidak berarti bahawa mereka hanya berpegang pada akal, atau lebih meninggikan akal daripada wahyu; mereka sebenarnya berpegang kepada keterangan akal dalam rangka menjelaskan atau membela keterangan wahyu. Selain dari tokoh pendiri Muktazilah, Wasil bin Ata dan Amru bin Ubaid, ulama-ulama besar dari aliran ini antaranya Abu al-Huzail al-A'la'fi, an-Nazzam dan al-Jahiz dan ulama Mu'ammarr bin Abbad, Abu Musa al-Murdar dan Ahmad bin Daud. Aliran Muktazilah juga telah melahirkan ulama tafsir terkemuka, al-Zamakhshari.

Oleh hal yang demikian amat tidak wajar menghukum siapa sahaja atau kelompok mana sahaja sebagai golongan liberal yang merosakkan sebelum kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan mencerna dengan akal budi kurniaan Allah SWT agar sentiasa berlaku adil kepada siapapun.

Para pimpinan dan penggiat Parti Amanah Negara hendaklah setia kepada ilmu dan kebenaran, sentiasa berfikiran terbuka, jangan cepat menghukum dan melabel kerana mungkin yang dihukum dan dilabel itu jauh lebih baik dari kita. Beristighfarlah untuk kesilapan-kesilapan masa lalu dan kekhilafan masa-masa mendatang justeru Allah jualah yang Maha Mengetahui.

■ Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.

Malay rulers concerned about nation's unity, harmony

THE Malay Rulers expressed concerns over the eroding unity and harmony in Malaysia, in light of racially controversial issues that have taken place of late.

A statement from the rulers, signed by keeper of the ruler's seal Syed Danial Syed Ahmad, read: "In recent weeks, the actions of certain individuals have gone beyond all acceptable standards of decency, putting at risk the harmony that currently exists within our multi-religious and multi-ethnic society." In the statement, the rulers expressed their

appreciation for the stand taken by Sultan Ibrahim Sultan Iskandar of Johor against the "Muslims-only" laundrette in Muar, which was followed by Perlis crown prince, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, doing the same in his state.

"The rulers are of the opinion that the damaging implications of such actions are more severe when they are erroneously associated with, or committed in the name of Islam."

The strong stance taken by both rulers

reflects the emphasis that all Muslims should place on being tolerant, moderate and inclusive when living in a multicultural society, read the statement.

"As a religion that encourages its followers to be respectful, moderate and inclusive, the reputation of Islam, must not ever be tainted by the divisive actions of certain groups or individuals, which may lead to rifts among the rakyat."

The rulers urged Malaysians to continue following the core principles of the Federal

Constitution and Rukun Negara, which stipulates that the diverse religious and ethnic backgrounds in Malaysia must be respected.

"(The Rukun Negara) must continue to serve as a compass to all parties, be they leaders, government officials and citizens of our country. Unity among Malaysia's multi-ethnic and multi-religious people is key to ensuring the country's ongoing stability," the statement read.

Theory of poverty or poverty of theory

By **PRAMASAMY**

THERE is more to the genesis of poverty than the simple-minded notion that people are poor simply because they are not hard-working. Such a perspective on poverty needs to be revised in the light of voluminous literature on poverty and its multi-dimensional nature.

Treasury secretary-general Mohd Irwan Serigar Abdullah (photo), given his years of experience as one of the top civil servants, should consider writing a book that could be entitled "A fresh perspective on the philosophy of poverty". Perhaps, it could even be considered a continuation of Karl Marx's famous writing called "Poverty of Philosophy".

Really, it is utterly preposterous for a senior civil servant to have expounded on why some sections of the Malaysian public are poor whereas many foreigners in the country are doing well in business and entrepreneurial activities.

For simple-minded Irwan Serigar, it is simply that Malaysians are not working hard even though they have "legs and hands", just like the foreigners.

He said if Indonesians and others could engage in flourishing businesses in night



markets throughout the country, he could not see why Malaysians are complaining of poverty.

Let me remind Irwan Serigar that even though he is one of the top civil servants with vast years of experience, his understanding of the causes of poverty remain at a very elementary or even superficial level.

Some Malaysians might be lazy and this could be the reason why their earning capacity is below the mark, but to generalise all Malaysians who are poor as lazy is an insult to thousands who simply cannot cross the poverty line due to various reasons.

Is Irwan Serigar willing to say that hundreds and thousands of Malaysians in the public and private sectors, especially those in the low wage categories, are simple lazy and this

is the reason why their wages have not gone up?

Has he heard about the term exploitation of workers and how workers despite their hard work have been denied the fruits of their labour. Does he know that only a miserable 9-10% of the Malaysian workers are organised in trade unions.

Thus, when those in the low-earning categories are denied their basic rights to organise themselves and instead face reprimand or termination for the slightest infringement of rules, can they be considered as lazy?

Not all foreigners have done well in Malaysia. Some have done well, but the vast majority are also caught in the vicious cycle of poverty.

Can Irwan Serigar consider the successful foreigners as a good example when there are many cases of how they have flouted the laws in the country to engage in illegal business.

In others words, Irwan Serigar wants Malaysians to be hardworking like the foreigners even if it means that they can engage in illegal activities. What kind of logic is this, coming from a senior civil servant?

There are numerous studies on poverty. In the early part of the 20th century in the

United States it was thought that blacks and Hispanics were lazy because of the colour of their skin, however, such archaic and racist notions of poverty have been discarded.

Students of poverty are still coming to terms with the multi-dimensional nature of poverty and what causes it.

Karl Marx argued that poverty was very related to the workings of the class system and how the surplus labour of the working masses are 'converted' into surplus profits for the capitalists.

This is one powerful version of poverty that had influenced many intellectuals over the last two centuries or so.

I don't expect Irwan Serigar to have detailed knowledge of the philosophy of poverty. But surely as a senior civil service officer he should be careful not to venture into areas that he might not have a proper understanding.

The government in power should not allow him to insult the intelligence of Malaysians by basically calling poor Malaysians lazy for not willing to work hard. - FMT

■ **P Ramasamy is Penang Deputy Chief Minister.**

Five questions for Umno Information Chief regarding MARA

By **LIM KIT SIANG**

UMNO Information Chief Tan Sri Annuar Musa claimed that I had "brought to heel a formidable politician" like Tun Dr. Mahathir Mohamad, alleging that the former Prime Minister and Umno President, "who appeared invincible in the world of politics", had succumbed to my "sweet words".

But before I respond to Annuar's latest fulminations, let me ask him five questions and I hope he will respond promptly without any hesitation or doubt.

The five questions for Annuar are:

First, how many cases of corruption and abuses of power in his capacity as MARA Chairman and other MARA portfolios had he been investigated by MACC and the outcome of these investigations.

Second, does the Prime Minister, Datuk Seri Najib Razak has to give the green light before the MACC could arrest and prosecute him for corruption as MARA Chairman and other MARA responsibilities.

Third, Annuar was suspended as Chairman of MARA as well as Chairman of Pelaburan Mara Bhd (PMB) at an emergency MARA Board meeting on 31st January 2017 when he was in visiting New

Zealand as MARA Chairman. Why did he submit to such shabby indignity, and what did he do in the ensuing six months to establish his innocence and honesty as well as the injustice of his suspension as MARA Chairman?

Fourth, Annuar said in early August that he had no plan to continue being the MARA Chairman after holding the post for four years (omitting reference that he was suspended for more than six months at the end of his appointment as MARA Chairman) and that he had personally sent a letter to the Prime Minister about it. Why did he take the stand that he did not want to be re-appointed as MARA

Chairman when he was not withdrawing from public life as he continued to be very active as Umno Information Chief?

Fifth, was his nation-wide roadshow to attack and demonise DAP and Pakatan Harapan leaders in his capacity as Umno Information Chief one of the terms of agreement between him and the Prime Minister, so that he could relinquish the post of MARA Chairman but continue as Umno Information Chief?

■ **Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Head and Member of Parliament for Gelang Patah.**

Kemunculan ancaman 'Islam Fasis'

FAHAMAN 'Islam Fasis' adalah anti-thesis atau perkara yang bertentangan sepenuhnya dengan konsep Islam sebagai rahmat bagi seluruh alam. Ianya fahaman yang seolah-olah menyatakan, "Islam adalah untuk orang Islam demi kepentingan orang Islam dan untuk menguasai yang bukan Islam".

APA ITU FASISME?

Definisi perkataan Fasis agak rumit walaupun ianya secara umumnya dipersetujui bahawa ianya sejenis fahaman haluan ultra kanan atau nasionalisme yang ekstrem. Oleh itu ianya dikenali dari ciri-cirinya yang berjiwa sempit dan tidak menghiraukan prinsip-prinsip keadilan. Maka boleh dikatakan bahawa perjuangan 'Fasisme' merupakan perjuangan oleh satu kumpulan untuk mencapai penguasaan ke atas masyarakat dan negara demi kepentingan kumpulan tersebut semata-mata.

Ianya bersifat eksklusif atau hanya untuk memenuhi visi kumpulan berkenaan dan tidak sama sekali mengendahkan kehendak mahupun kepentingan kumpulan lain.

Golongan fasis merupakan golongan yang tiada toleransi terhadap pandangan dan kefahaman yang berbeza dan tidak merasa ragu-ragu untuk memaksakan pandangan mereka ke atas golongan lain walaupun secara kekerasan.

Konsep 'hak golongan minoriti' dan 'hak asasi manusia' kesemuanya dirempuh tanpa merasa bersalah. Mereka memeralatkan kebencian dan kemarahan melalui isu-isu yang dibawa untuk mendapatkan sokongan. Pertembungan dan perbalahan adalah senjata mereka ke arah mendapatkan kuasa dan apabila mendapatnya mereka bersikap kuku besi.



KHALID SAMAD

JUSTIFIKASI FAHAMAN FASISME

Golongan fasis mendapat justifikasi terhadap sikap angkuh dan rakus mereka sama ada melalui hujah keagamaan, seperti golongan Zionis dan Klu Klux Klan sebagai contoh, atau bangsa seperti Nazi German. Golongan Zionis berpaksikan keyakinan bahawa mereka adalah bangsa pilihan Allah sambil falsafah Nazi German berteraskan konsep 'Aryan super race' iaitu keyakinan bahawa keturunan Aryan adalah bangsa utama dan berhak menjadi tuan ke atas semua bangsa lain. Begitu juga Klu Klux Klan mengambil justifikasi mereka dari konsep 'ketuanan kulit putih' dan pembelaan agama Kristian.

SIFAT-SIFAT FASISME

Dalam mengusahakan agenda politik mereka, kumpulan fasis ini tidak menghiraukan pandangan berbeza, malahan secara terus terang menolak hak untuk berbeza pandangan. Dalam kefahaman mereka, hak minoriti turut dirempuh atas alasan ianya hak yang dimansuhkan atas kekuasaan majoriti. Sambil itu, sering dilihat golongan fasis ini mengadakan 'bogeyman' atau musuh utama yang direka dan diada-adakan untuk mempengaruhi masyarakat.

Hitler dalam memimpin parti Nazi menjadikan golongan Yahudi sebagai 'bogeyman' dan berjaya menghasilkan perpaduan dan sokongan atas dasar kebencian terhadap 'bogeyman' yang dicipta itu. Golongan Zionis pula memeralatkan sejarah penindasan

yang telah dilalui bangsa Yahudi di tangan bangsa lain sebagai 'bogeyman' mereka dan ini merupakan alasan untuk mendapat sokongan masyarakat Yahudi terhadap agenda Zionis.

PERKEMBANGAN FAHAMAN POLITIK SEMASA UMAT ISLAM

Dewasa ini, perkembangan fahaman politik songsang di kalangan umat Islam agak membimbangkan. Apabila konsep demokrasi, hak asasi dan hak minoriti dipertikai oleh beberapa golongan Islam, dan dianggap sebagai ciptaan dan rekaan tamadun Barat, kecenderungan terhadap sikap fasisme di kalangan pemuda Islam dilihat seolah-olahnya semakin meningkat. Sedangkan kesemua konsep ini selari dengan kehendak Islam, malahan diveduk dari tamadun Islam. Dengan berlakunya kefahaman songsang ini, ia menjadikan sikap pelampau dalam kata-kata dan tindakan yang semakin menjadi-jadi.

Dengan itu kita melihat bertambahnya kecenderungan terhadap pendekatan memaksa dan kurangnya kecenderungan untuk berbincang demi mendapat persetujuan. "Kami majoriti", "Ini negara Islam", "bukan Islam jangan campur" dan sebagainya mencerminkan sikap tidak mahu ambil tahu pandangan golongan minoriti dan yang bukan Islam. Malahan golongan minoriti turut dijadikan 'bogeyman' untuk mencetuskan kemarahan dan kebencian. Yang beragama Islam yang membantah unsur-unsur fasis ini digelar liberal, pengkhianat dan sebagainya.

Hasil dari itu kita mula melihat sikap semakin eksklusif atau ingin 'menyucikan diri' serta berpandangan rendah terhadap golongan lain. Peristiwa gelas minuman yang diasingkan dan kedai dobi hanya untuk orang Islam adalah antara

manifestasi sikap sebegini. Sedangkan penyucian dari rasuah dan kleptokrasi tidak diendahkan kerana ianya bukan pertembungan Islam dengan bukan Islam.

Kita melihat juga usaha menghalang bukan Islam mengadakan majlis promosi arak sesama mereka seperti program "Best Beer Festival" walaupun disebut ianya khas untuk masyarakat bukan Islam dan akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Ianya ditentang atas alasan 'sensitiviti umat Islam' sedangkan ia tidak melibatkan umat Islam sama sekali. Walhal persoalan bukan Islam meminum arak telah dihadapi umat Islam sejak zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat r.a. lagi.

Dari berbalah mengenai sesuatu yang tidak melibatkan orang Islam, lebih bermakna kalau dibantah pemberian arak secara percuma atas syarikat penerbangan negara. Di situ orang Islam terpaksa membawa dan menghidang arak. Namun ini tiada nilai dari sudut mencetus perjuangan fasisme kerana ianya bukan pertembungan Islam dan bukan Islam.

Sebelum ini jua pernah ditimbulkan isu kuil dan salib gereja yang kononnya mengganggu sensitiviti dan tidak menghormati umat Islam.

Dengan ditonjolkan isu-isu sebegini maka politik adu-domba dan perbalahan antara kaum dan agama dicapai. Politik adu-domba dan perbalahan ini merupakan senjata yang sangat disukai golongan fasis. Mereka meyakini bahawa tanggapan adanya ancaman terhadap agama dan bangsa adalah antara penggerak utama ke arah perubahan. Walaupun andaian sebegini tepat, dan pendekatan adu domba dan memaksa mungkin lebih berkesan ke arah mencapai matlamat tertentu, namun ianya pasti memberikan satu imej yang menakutkan dan songsang terhadap politik Islam itu sendiri apabila ianya dilakukan atas nama Islam.

AMANAH DAN PERKEMBANGAN FAHAMAN FASISME ISLAM

Sering kami dalam AMANAH diserang sebagai golongan 'liberal' walaupun apa yang dimaksudkan dengan istilah liberal itu tidak pernah diberikan pentakrifan yang jelas. Sekiranya ianya membawa maksud menghalalkan yang haram, tidak pula ditunjukkan perkara haram yang telah kami halalkan. Arak tetap kami nyatakan sebagai haram bagi umat Islam dan pengharaman itu tidak merangkumi masyarakat bukan Islam. Itu bukan liberal, tetapi itu adalah ajaran Islam.

Begitu juga, sekiranya istilah liberal itu bermaksud meringankan sesuatu yang wajib sehingga menjadi sekadar harus, tidak juga dinyatakan apa. Tidak pernah AMANAH menyatakan sesuatu yang jelas wajib sebagai sekadar harus walaupun mungkin kita ada pendekatan tertentu dalam melaksanakan kewajipan tersebut. Oleh itu ianya hanya perbezaan dari sudut pendekatan dan bukan kefahaman, jauh sekali akidah.

Saya yakin, istilah liberal yang dikenakan atas kami adalah atas sebab kesediaan kami untuk mendengar dan menghormati pandangan dan pendirian pihak lain. Ini dianggap sikap yang kurang ketegasan dan terlalu bertolak ansur. Namun demikian, sikap sebegini adalah yang membezakan kami dari golongan fasis di seluruh dunia, termasuk golongan fasis Islam di Malaysia.

Walaupun kami yakin akan kebenaran dan keadilan Islam, pendekatan adu domba dan memaksa yang disukai golongan fasis semestinya dijauhi. Semoga Allah selamatkan AMANAH dan umat Islam dari terpengaruh dengan pendekatan dan fahaman sedemikian rupa.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH.

IPCCM perlu untuk jaga imej perkhidmatan polis

Oleh **ABDULLAH SANY ABD HAMID**

TANGGAL 8 Oktober lalu telah tular satu video di laman Facebook yang menunjukkan seramai tujuh individu yang didakwa pegawai dan anggota polis dari Unit D7 Ibu Pejabat Polis Daerah Muar sedang berhibur bersama tauke judi haram di sebuah pusat hiburan yang terletak di Pusat Perniagaan Bakri, Johor.

Ini sesuatu perkara yang sangat mengecewakan dan memalukan apabila pihak berkuasa yang rakyat harapkan untuk menjaga keselamatan dan memberantas jenayah yang berlaku di negara ini kini seolah-olah telah mengkhianati tugas yang diberikan.

Namun situasi inilah yang dikatakan seperti

'bapak borek anak rintik', di mana pegawai dan anggota polis bawahan ini dilihat telah mencontohi kepimpinan melalui teladan ketuanya.

Jika sebelum ini, bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengakui berkawan dengan tauke judi, kini anak buahnya juga telah mengikut jejak langkahnya itu dan menjadikan mereka tidak takut melakukan perkara tersebut yang jelas salah daripada prinsip seorang penguatkuasa.

Apa yang boleh dikatakan, inilah punca sebenar sindiket judi tidak boleh dihapuskan apabila pihak berkuasa berkomplot atau bersekongkol dengan jenayah ini.

Saya juga maklum bahawa Ketua Polis

Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd telah menukarkan tujuh anggota polis itu ke jabatan lain namun bagi saya ia tidak dapat menyelesaikan masalah yang berlaku.

Bukankah gaji-gaji pegawai polis ini dibayar daripada cukai rakyat, ini bermakna mereka adalah pekerja kepada rakyat.

Oleh yang demikian, tindakan yang lebih tegas terhadap mereka ini patut dikenakan atas kecurangan kebertanggungjawaban amanah rakyat supaya perkara sama tidak akan berulang di masa hadapan dan dijadikan contoh.

Saya juga ingin mempersoalkan di mana Datuk Seri Zahid Hamidi selaku Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri dalam Negeri di mana polis adalah di bawah portfolio beliau.

Mengapa beliau membisu dalam isu besar seperti ini?

Saya ingin menggesa Zahid Hamidi untuk tidak terus berdiam diri dan segera menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCCM) agar segala salah laku yang melibatkan polis dapat disiasat dan diambil tindakan yang telus.

Selagi tidak ditubuhkan suruhanjaya sedemikian dan diambil tindakan tegas, negara kita akan kekal menjadi negara yang paling korup dan kadar peratusan jenayah tertinggi di dunia.

Datuk Abdullah Sani Abd Hamid ialah Ahli Parlimen Kuala Langat.



Menjelang Konvensyen Nasional Parti Amanah Negara kali ke-2, 20-22 Oktober 2017.

AMANAHA relevan tangkis fahaman takfiri

CERIA dan ada ketika serius dengan tampil mengenakan kemeja rasmi berlogo Biro Keselamatan dan Kebajikan (ARiF) AMANAHA, jiwa rakyatnya begitu terserlah.

Presiden AMANAHA ini yakin masa depan parti Islam generasi kedua itu akan terus menyinar dengan ideologi yang konsisten bermatlamat menterjemahkan makna *Rahmatan Lil Alamin*.

Satu sisi yang menarik, bekas Ahli Parlimen selama tiga penggal ini berpengetahuan luas tentang sejarah dan perkembangan siasah antarabangsa khususnya wilayah yang sinonim dengan masyarakat Islam.

Ikuti wawancara bersama MOHAMAD SABU oleh kolumnis akhbar mingguan Amanah, AHMAD LUTFI OTHMAN dan wartawan ARIF ATAN di Ampang, 9 Oktober lalu yang turut mengupas situasi mutakhir AMANAHA bersama Pakatan Harapan mendekati Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

■ Amanah: Selepas dua tahun penubuhan AMANAHA, sejauh mana Tuan melihat pencapaiannya?

MOHAMAD SABU: Setakat ini saya berpuas hati dengan kedudukan AMANAHA walaupun daripada segi keahlian agak sederhana tidak begitu mendadak seperti Bersatu.

Tapi disebabkan AMANAHA adalah parti berunsurkan ideologi dan perjuangan masa depan, saya yakin dengan potensi AMANAHA juga penerimaan masyarakat yang mahukan perubahan dan keadilan.

Islam yang bersifat *Rahmatan Lil Alamin* ini yang kita tekankan termasuk ketika persidangan Nadwah Ulama Nahdhat Jadidah (Nunji) setiap tahun turut disokong tokoh antarabangsa termasuk dari Kanada dan Turki.

Kita sudah lihat gerakan Islam yang hendak menyembunyikan kegagalan mereka akhirnya berlindung guna takfiri sebagai senjata. Jadi, akhirnya rasuah macam mana teruk sekalipun kita kena sokong sebab dia Melayu dan Islam.

Kita kena keluar daripada sentimen berbahaya ini. AMANAHA dalam konteks negara kita ini adalah gerakan yang berusaha hendak keluar daripada kemelut perangkap takfiri ini.

Kebetulan, saya ada pergi ke Sri Lanka. Di sana sudah muncul parti anak-anak muda

yang balik dari England tubuhkan parti United National Front for Good Governance. Aspek integriti dan tatakelola yang baik ini jadi perhatian warga dunia.

Sebab itu saya optimis untuk generasi 20, 30 tahun akan datang fahaman ini akan menjelma dan Islam akan kembali memainkan peranan yang baik dan hebat pada masa depan. Orang Islam kalau dapat kuasa patut berusaha lebih baik daripada (Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim) Guan Eng, contohnya.

■ Pandangan yang masih skeptikal bahkan pertikai kewajaran penubuhan AMANAHA?

Saya dan rakan-rakan dalam Pas sebelum ini melihat selepas Muktamar pada 2015 di Kuala Selangor adalah sukar untuk kita buat pengislahan dari Pas itu sendiri.

Penguasaan mereka terutama melalui kuliah-kuliah yang disampaikan, kita dapat rasakan perlu ada organisasi baru memandangkan Pas yang kami tinggalkan itu telah dilanda fahaman takfiri yang semakin dahsyat.

Kalau tiada AMANAHA mengimbangi keadaan ini, ia amat berbahaya dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia ini. Walaupun belum sampai peringkat keputusan Majlis Syura,



gejala melabel munafik termasuk menghalalkan darah orang lain atas sentimen kononnya menolak kepimpinan ulama bukan satu isyarat yang baik untuk terus berada dalam parti itu.

Itulah sebabnya, AMANAHA muncul untuk mengimbangi keadaan itu. Ada yang persoal kami kenapa tidak boleh tunggu pemilihan Pas berikutnya atau pilih parti sedia ada seperti PKR dan DAP.

Tapi bagi kami, kalau terus dalam Pas, tidak boleh gerak ke mana sebab Dewan Ulama, usrah, tamrin, kursus-kursus parti sudah kumpulan mereka kuasai.

Amat sukar untuk dijelmakan semula pemikiran kita dalam Pas itu sendiri. Parti itu sendiri pula fahaman Melayu Islamnya memang sedang melanda bukan sahaja peringkat bawahan bahkan sampai kepada mereka yang duduk di majlis syura.

Presiden Pas pun sejak tahun lalu sudah bercakap soal Melayu Islam. Kita nampak ini sudah lari daripada konsep yang kita bawa dulu misalnya menggempur pemikiran assabiyah dan bergerak menentang kezaliman.

Walaupun tuduhan daripada Sarawak Report tentang RM90 juta kita tidak tahu

betul atau tidak, tapi kita lihat gaya hidup beberapa pimpinan Pas sama ada di peringkat pusat atau majlis syura sudah nampak ketara perubahan.

Saya sendiri boleh bercakap hal ini sebab pernah tiga penggal di Parlimen. Gaya hidup ulama-ulama muda ini ada kelainan dan kita boleh nampak kemesraan dengan parti yang memerintah semakin nyata.

■ AMANAHA percaya kuat untuk bertempur PRU-14 nanti?

Dari segi politik pilihan raya, saya akui AMANAHA tidak kuat, Keadilan pun tidak kuat, DAP memang kuat di bandar tapi tidak di luar bandar. Bersatu kekuatannya kita belum dapat ukur lagi melainkan kita melihat gelombang yang mendengar ceramah.

Tapi bila empat parti ini bergabung, kita semua jadi kuat. Rakyat yakin siapa yang boleh ambil alih kuasa di Putrajaya sebab pendukung parti ini selalunya tidak ramai. Kalau kita lihat individu contohnya, Ibrahim Ali bila bertanding sebagai calon Bebas di kampungnya Pasir Mas, hanya dapat 400 undi.

Bila bertanding atas tiket Pas mewakili Pakatan Rakyat dapat majoriti 9,000 undi. Jadi begitu juga di Bukit Selambau, calon Bebas ada dekat 13 orang dalam pertembungan 15 penjur.

Walaupun dia penoreh getah, dia hendak memilih mana? BN atau Pakatan Rakyat ketika itu. Akhirnya, calon Bebas itu semua hilang wang pertaruhan.

Hal ini pun akan berlaku pada Pas pada PRU-14 nanti. Jadi bila orang kata AMANAH kuat, saya kata tidak, sebab gabungan bersama Keadilan, Bersatu dan DAP akan buat kita kuat. Sebab itu kita kata AMANAH akan bertahan selepas pilihan raya akan datang.

■ **Keyakinan terhadap Tun Mahathir...**

Mahathir ini saya memang akui dulu saya lawan dia tapi ada perkara yang saya sudah lama kagumi dia terutama isu-isu antarabangsa.

Mahathir seorang pemimpin yang berani. Dia berani lawan Australia yang duduk di rantau Asia Pasifik ini tapi berlagak jadi polis Amerika.

Yang berani tegur kuasa besar termasuk Amerika ini, Mahathir. Begitu juga konsep Negara Berkecuali (NAM). Ucapan Mahathir di pentas PBB dinanti banyak pihak. Orang sebut dia top 10 kalau nak dibanding dengan orang lain.

Mahathir bukan sekadar kritik Najib tapi dia bersungguh lawan Najib. Buat gerakan Deklarasi Rakyat. Dia keluar dari Umno sampai peringkat tubuhkan parti Bersatu. Saya lihat pada iltizatnya dengan umur sudah 92 tahun itu kita boleh bersama.

Doa arwah Ustaz Fadzil Noor minta umur Mahathir panjang dan biar dia melihat ke-



silapan dirinya dan partinya dulu. Mahathir jelas berusaha untuk memperbaikinya.

Ya. Kita tidak tahu isi hatinya. Itu urusan dia dengan Tuhan. Apa yang kita semua nampak Mahathir memang bertekad untuk menjatuhkan kerajaan BN juga berjanji tidak akan kembali kepada Umno.

Kita harap janjinya dipegang, saksipun yang dengar ceramah pun berpuluh ribu. Apa jadi pun, Mahathir sudah kata dia tidak akan kembali kepada Umno. Jadi, saya semakin yakin untuk bersama mereka bermufakat untuk menjatuhkan BN PRU-14 ini.

■ **AMANAH lebih kecil daripada Pas?**

AMANAH sebenarnya berjiwa besar. Kita bersifat terbuka. Boleh bekerjasama dengan mana-mana pihak asalkan menentang rejim Umno-BN. AMANAH juga menerima bukan Islam menjadi ahli.

Ya. Kita ini kecil dari segi struktur. Bahkan peringkat awal, saya sendiri pernah dipelawa

pimpinan tertinggi sebuah parti dalam Pakatan Harapan untuk masuk saja partinya bubarkan AMANAH tapi saya ucap terim kasih saja atas pelawaan itu.

Tahun lepas pula, ada badan kajian pilihan raya yang menyarankan AMANAH tidak payah bertanding langsung. Ada juga buat kajian hanya satu peratus sokong AMANAH. Sekarang mereka sendiri hadapi masalah bukan kita. Semua orang kecam, imejnya sebagai badan kajian berkredibiliti juga terjejas.

Bagi saya, AMANAH sedang bergerak ke arah menyediakan kekuatan. Jentera pilihan raya Pas sebelum ini boleh dikatakan

majoritinya sekarang berada dalam AMANAH.

Ini termasuk di Selangor dan Johor. Sebab itu, saya berpendapat AMANAH akan dilihat lebih (diberi perhatian) selepas pilihan raya ini. Kita terima orang kata AMANAH kecil. Tapi Ahli Parlimen Pas yang hidupkan Parlimen dulu adalah mereka yang sekarang inilah berada dalam AMANAH.

Khalid Samad, Dr Mariah, Dr Mujahid, Hanipa Maidin, Datuk Raja Kamarul, Dr Hatta. Mereka ini lantang bercakap demi rakyat. Lain dengan di sana (Pas), bangkit nak cakap pun susah, kalau cakap pun puji BN.

■ **Harapan AMANAH pada masa depan**

Saya yakin AMANAH akan bertahan kerana parti ini bersifat ideologi yang kontemporari. Hal ini sedang berkembang dan akan lebih baik dan terserlah pada masa depan kalau hendak dibandingkan dengan kepimpinan Pas sekarang.

PRU-14 ini ukuran awal dan kita mesti kerja keras. Saya melihat potensi kepimpinan yang ada mungkin selepas saya ini adalah lebih baik daripada saya. Bakal yang menggantikan saya, sekarang ini saya nampak akan membawa AMANAH lebih berjaya dan berkembang pada masa depan.



PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA) **RM 500**

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
 **01132334322 (EN HAKIM)**



6 ANAK mahu lembaga pengarah FGV dirombak

10 Keputusan Shahrir bukti BN tenat di Johor

29 Kemunculan ancaman 'Islam Fasis'

Gejala rasis perlu dibanteras dengan undang-undang



ms23

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 72 | 15 - 21 OKTOBER 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15.10.2017	5:32	5:42	6:57	13:02	16:18	19:02	20:11
16.10.2017	5:32	5:42	6:57	13:02	16:18	19:02	20:11
17.10.2017	5:32	5:42	6:57	13:01	16:18	19:01	20:11
18.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:01	16:18	19:01	20:11
19.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:01	16:18	19:01	20:10
20.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:01	16:18	19:00	20:10
21.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:01	16:18	19:00	20:10

PAS DILANDA TAKFIRI

AMANAH terpaksa tinggalkan Pas kerana parti itu sudah dikuasai oleh fahaman takfiri yang semakin dahsyat dan ia tidak boleh diislahkan lagi, kata presidennya Mohamad Sabu. Bagi beliau, kalau tiada AMANAH mengimbangi keadaan ini, ia amat berbahaya dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia ini. Mohamad mengimbau kembali kenapa AMANAH terpaksa dibentuk dalam wawancara khas dengannya selepas dua tahun parti itu ditubuhkan.



MOHAMAD SABU... AMANAH parti kecil tetapi selepas bergabung dengan Bersatu, PKR dan DAP, semuanya menjadi besar dalam satu gabungan yang tidak boleh dikalahkan lagi.

Wawancara penuh muka 30 & 31



Ahmad Awang dilantik Pengerusi Jalinan Masjid Selamatkan Al-Aqsa

MOHD NAZRI ABDULLAH

PERSIDANGAN Pembebasan Masjid Al-Aqsa Kesatuan Ulama Se-Asia yang bersidang di Shah Alam pada 9 dan 10 Oktober lalu telah melantik Ustaz Ahmad Awang sebagai pengerusi protem Sekretariat Projek Jalinan Kesedaran Antara Masjid-masjid di Asia dengan Masjid Al-Aqsa di Palestin.

Pojek ini antara lain bagi menggerakkan kesedaran seluruh masjid-masjid di Asia agar sentiasa membangkitkan isu pembebasan Baitul Maqdis dan Palestin.

"Kita akan mengadakan tahaluf dengan seluruh masjid di seluruh dunia agar satu

jaringan dibentuk.

"Kita akan mula di Asia khususnya di Malaysia ini dulu. Kalau ada 7,000 masjid di negara ini kita dapat hidupkan isu ini secara berterusan, saya yakin kesedaran tentang perjuangan pembebasan Al-Aqsa dan Palestin dapat kita terapkan," kata Ahmad kepada akhbar Amanah.

Selain itu, resolusi itu juga turut memutuskan Indonesia atau Thailand yang akan menjadi tuan rumah Persidangan Ulama Se-Asia Menuntut Pembebasan Palestin pada tahun hadapan.

Persidangan dua hari yang dihadiri tokoh ulamak dan cendekiawan dari 12 negara seluruh dunia itu turut meluluskan sembilan lagi resolusi lain.



Ahmad Awang dilantik oleh badan Islam dari 12 buah negara untuk memimpin jalinan masjid Asia dan Al Aqsa.

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

DR. OLIVE BODY CARE

HANDMADE

NO HARMFUL CHEMICALS

PARABEN FREE

HALAL

Contact Info:
 TEL: +6013 754 9335
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare